

**Bil. 29**

**Rabu  
22 Mei 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### USUL-USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Kedua Rang Undang-Undang di bawah  
Peraturan Mesyuarat 62:

- (1) Rang Undang-Undang Insurans 1996
- (2) Rang Undang-Undang Lembaga Akreditasi Negara [Ruangan 1]  
1996

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996—2000 [Ruangan 1]

### Akta Kastam 1967

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1995;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN)  
(Tarif Keutamaan Sama Rata) 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam 1996;
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh)  
1996;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1996;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN)  
(Taraf Keutamaan Sama Rata (Pindaan) 1996
- (vii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996; dan
- (viii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996 [Ruangan 96]

### Akta Eksais 1976:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1996 [Ruangan 104]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada [Ruangan 52]  
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI  
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.  
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,  
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI  
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.  
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN  
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,  
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN  
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.  
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	Haji Suhor bin Husin.
	Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
	Hajah Supiah binti Dewak.
	Mohamed bin Osman.
	Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
	Zaharah binti Naim.
	Norwahidah binti Azizi.
	Jainah binti Sakimin.
	Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.
	Shamsina binti Janor.

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
	Mejar (B) Zakaria bin Salleh.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 22 Mei, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL-USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN  
KALI KEDUA RANG UNDANG-  
UNDANG DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 62**

**RANG UNDANG-UNDANG  
INSURANS 1996**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon supaya ditangguhkan bacaan kali kedua dan kali ketiga Rang Undang-undang Insurans 1996 ke mesyuarat yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA AKREDITASI  
NEGARA 1996**

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996 untuk bacaan kali kedua dan ketiga ditangguhkan sehingga sesi akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Rancangan Malaysia Ketujuh  
1996—2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

**menyokong** kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

**melulus dan merestui** Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. (21hb Mei 1996)

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyambung jawapan.

2.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

### **Literasi Komputer dan Teknologi Maklumat**

Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Parit Sulong, Yang Berhormat dari Sungai Benut dan Yang Berhormat dari Segambut telah menyarankan agar literasi komputer dijadikan teras dan diajar secara formal dalam sistem pendidikan. Program literasi komputer telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan objektif mendedahkan pelajar kepada pengetahuan asas dalam literasi komputer. Setiap pelajar yang memasuki sekolah menengah yang tidak mempunyai asas komputer akan diwajibkan mengikuti aktiviti literasi komputer peringkat asas selama 24 minggu. Satu projek printis komputer untuk peringkat menengah telah dilaksanakan di 60 buah sekolah menengah, kebanyakannya di luar bandar. Kementerian Pendidikan merancang mata pelajaran pengajian komputer di peringkat SPM dan dijangka dapat diperkenalkan pada tahun 1997. Di peringkat STPM pula, mata pelajaran pengkomputeran juga dijangka dapat diperkenalkan pada tahun yang sama.

Untuk menjayakan program literasi komputer di sekolah mulai tahun 1992, semua guru pelatih telah diwajibkan mengambil kursus literasi komputer untuk membolehkan mereka berfungsi sebagai guru literasi komputer setelah mereka bertugas di sekolah.

Mengenai Teknologi Maklumat (IT), Kementerian Pendidikan telah merancang agar dapat menyambungkan setiap sekolah menengah dan rendah ke Internet dari sekarang hingga tahun 2000. Bagi rangkaian ke Jaringan (Internet) pada masa ini terdapat 50 buah sekolah menengah yang terlibat dalam projek printis Jaringan Pendidikan. Sejumlah 14 buah sekolah menengah terlibat dalam projek printis rangkaian Munshi dengan kerjasama pihak swasta. Mengikut perancangan, semua sekolah rendah dan menengah akan mempunyai makmal komputer secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2000.

Langkah juga telah diambil untuk membangunkan satu sistem maklumat pengurusan bagi Kementerian Pendidikan dan kajian telah dijalankan untuk membangunkan sistem maklumat pengurusan pendidikan yang akan mewujudkan satu jaringan komputer dalam Kementerian Pendidikan dengan pelbagai Jabatan Pendidikan Negeri, Maktab Perguruan, Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pusat Kegiatan Guru Sekolah dan universiti-universiti tempatan.

Mengenai kekhawatiran Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Libaran, Yang Berhormat dari Tawau, Yang Berhormat dari Lipis dan Yang Berhormat dari Mersing berhubung terdapat sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan yang akan menghalang sekolah menikmati kemudahan IT, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat sekolah-sekolah yang belum menerima bekalan elektrik. Dalam hal ini, kementerian telah memohon kerjasama pihak Tenaga Nasional Berhad membekalkan tenaga elektrik kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Dalam masa yang sama, senarai sekolah-sekolah tersebut telah dipanjangkan kepada

Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian Pendidikan juga telah membuat kajian kemungkinan membekalkan janakuasa elektrik kepada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

### **Pendidikan Islam**

Yang Berhormat dari Marang telah memfokuskan isu pendidikan Islam dan sekolah-sekolah agama dalam ucapannya di Dewan yang mulia ini. Adalah tidak benar dakwaan beliau bahawa kerajaan mengabaikan sekolah agama rakyat yang dengan tidak memasukkan sekolah agama rakyat dalam takrif 'sekolah' dalam Akta Pendidikan. Sama ada sekolah agama rakyat termasuk dalam pentakrifan 'sekolah' adalah bergantung kepada mata pelajaran yang ditawarkan dan disediakan oleh sekolah-sekolah tersebut. Jika pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata, maka ianya tidaklah termasuk di bawah pentakrifan 'sekolah' di bawah Rang Undang-undang Pendidikan 1995.

Yang Berhormat dari Marang juga telah mengesyorkan agar roh Islam adalah dimasukkan ke setiap mata pelajaran. Dasar Pendidikan Negara digubal dengan penuh teliti agar ia memenuhi keperluan rakyat dan wawasan negara. Asas penting kepada pendidikan ialah kurikulum dan falsafah pendidikan negara adalah selaras kehendak dan keperluan Islam. Ia merupakan satu kenyataan kepada apa yang ingin dicapai melalui nilai-nilai murni dan ajaran berteraskan keimanan kepada ketuhanan yang telah diolah dengan begitu baik melalui semua mata pelajaran.

Berhubung cadangan menambah bilangan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), pada masa ini terdapat 48 buah SMKA di bawah Kementerian Pendidikan dan 9 buah lagi sedang dalam

pembinaan. Kementerian Pendidikan prihatin tentang perlunya pembangunan kurikulum agama dan akademik yang seimbang di SMKA dan sekaligus dapat menghapuskan dualisme dalam pendidikan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Kelas-kelas elektrik sains di peringkat menengah akan terus ditambah dan Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk memperkenalkan mata pelajaran teknikal seperti lukisan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan di SMKA. Beberapa ahli Yang Berhormat telah menggesa agar bantuan diberikan kepada sekolah agama rakyat. Kementerian Pendidikan melalui peruntukan bantuan model menghulurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama. Contohnya dalam tahun 1995, sebanyak 48 buah sekolah agama diberikan bantuan kewangan sebanyak RM4.009 juta di samping bantuan buku teks. Pada masa yang sama kerajaan juga membantu sekolah agama di bawah pentadbiran negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri dengan meminjamkan guru-guru akademik Kementerian Pendidikan.

### **Sekolah Satu Sesi**

Mengenai isu sekolah satu sesi yang telah beberapa kali ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya ingin membuat penjelasan bahawa konsep persekolahan satu sesi dihidupkan semula hasil keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Januari 1996. Rasionalnya, ia diyakini sebagai satu langkah terbaik supaya pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum dapat dijalankan secara lebih teratur dan tersusun. Masa yang lebih lama bagi pelajar bersama guru di sekolah akan membolehkan masa belajar ditambah bagi mata pelajaran penting seperti komputer, matematik dan sains. Di

samping itu, ia membolehkan kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan secara lebih berkesan, memperkukuhkan pelajaran di sekolah serta mengurangkan penglibatan pelajar dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Walau bagaimanapun, ia masih dalam kajian Kementerian Pendidikan dan sekiranya ia dilaksanakan kementerian akan memastikan supaya pelaksanaannya dibuat secara progresif atau berperingkat-peringkat dan modus operandinya tidak akan menjejaskan sekolah-sekolah agama rakyat termasuk di Johor. Kemungkinannya, jika ia dilaksanakan hanya melibatkan sekolah menengah dan itu pun bergantung kepada persetujuan masyarakat. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil kira sensitiviti masyarakat dalam isu ini.

#### **Pengkorporatan dan Penswastaan Pendidikan**

Isu ini telah ditimbulkan berulang kali oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang. Ahli Yang Berhormat dari Marang nampaknya masih terkeliru dengan pengkorporatan dan penswastaan institusi pengajian tinggi. Kerajaan belum bercadang menswastakan pendidikan sebaliknya mengkorporatkan atau pengstruktur semula pengurusan institusi pendidikan tinggi awam adalah lebih fleksibel, responsif dengan perubahan semasa dan berdaya saing. Kerajaan telah pun memberi jaminan bahawa usaha pengkorporatan ini tidak akan menjejaskan peluang anak-anak Melayu bumiputera dan juga anak-anak bukan bumiputera melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang telah diluluskan akan terus melaksanakan dasar-dasar yang telah dipersetujui dan sedang dilaksanakan termasuk pengambilan pelajar mengikut kuota bumiputera dan bukan bumiputera.

Selain daripada itu, perlulah ditegaskan bahawa pinjaman dan biasiswa yang sedia ada seperti oleh JPA, MARA dan lain-lain agensi akan diteruskan. Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha mewujudkan Tabung Pinjaman Pendidikan Tinggi bagi membolehkan mereka yang kurang berkemampuan memasuki institusi pengajian tinggi tempatan.

#### **Pembangunan Sumber Manusia**

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menggesa agar Institusi Pendidikan disusun semula dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk pembangunan sumber manusia. Kementerian Pendidikan prihatin bahawa usaha sumber manusia secukupnya untuk keperluan ekonomi negara memerlukan perubahan sistem dalam institusi pendidikan. Untuk tujuan tersebut, Kementerian Pendidikan merancang melaksanakan beberapa perkara, antaranya, memperluaskan pendidikan universal dari 9 ke-11 tahun iaitu semua pelajar diberi peluang mendapat pendidikan dari Tahun 1 sekolah rendah sehingga Tingkatan 5 sekolah menengah menjelang tahun 2000.

Kementerian Pendidikan telah membuat perancangan yang menyeluruh bagi menghadapi cabaran dalam pendidikan teknik dan vokasional. Kerajaan telah meluluskan pelan tindakan peningkatan pengeluaran tenaga manusia teknikal Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan keluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020. Pendidikan teknik dan vokasional akan distruktur semula di mana 69 buah sekolah menengah vokasional akan ditukar menjadi sekolah menengah teknik. Ini bertujuan menambahkan penawaran tenaga manusia yang memiliki kemahiran peringkat tinggi dengan 12 buah lagi sekolah menengah teknik baru yang akan dibina di akhir

tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh negara ini akan mempunyai 81 buah SMT menjelang tahun 2000. Bagi peringkat politeknik, 4 buah politeknik akan dibina dan menjelang tahun 2000 dijangka sebanyak 15 buah politeknik beroperasi di negara ini.

Sementara itu Program Pendidikan Jarak Jauh yang sedia ada di beberapa institusi pendidikan tinggi tempatan akan diperluaskan bagi membolehkan golongan yang sedang bekerja meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam profesion mereka.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat dari Senai, Labuan dan Gelang Patah untuk mengadakan kursus-kursus dalam bidang teknologi baru, pada masa ini kebanyakan universiti tempatan telah menawarkan program dalam bidang sains dan teknologi yang diperlukan oleh negara seperti teknologi pembuatan, automasi, bahan termaju bio-teknologi, mikro elektronik dan sebagainya. Bagi merealisasikan Dasar Perindustrian Negara, jumlah enrolment pelajar kursus sains dan teknikal di institusi pengajian tinggi akan bertambah daripada 76,300 kepada 132,000 menjelang tahun 2000.

Menjelang tahun 2000 juga, dianggarkan gabungan jumlah graduan sains dan teknikal di peringkat diploma dan ijazah akan sama dengan graduan sastera, sejajar dengan dasar untuk mempertingkatkan industri dan teknikal.

Usaha meningkatkan prestasi pelajar luar bandar. Sesungguhnya Kementerian Pendidikan tidak pernah mengabaikan kemajuan dan prestasi pelajar di luar bandar agar setanding dengan pelajar di kawasan bandar, khususnya dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Bagi mengatasi kelemahan pelajar luar bandar, khususnya dalam bidang sains,

aktiviti-aktiviti penggalakan sains dan teknologi (PPST) yang bercorak pertandingan dan aktiviti luar bilik darjah, terutama di peringkat daerah dan luar bandar telah dijalankan. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang peranan sains dan teknologi serta kerjaya yang boleh diceburi dalam era perindustrian negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Mengenai penubuhan pasukan petugas untuk menangani masalah kelemahan tersebut sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kementerian Pendidikan telah sedia menubuhkan satu Jawatankuasa Sains di peringkat kementerian serta satu pasukan petugas pendidikan sains sekolah rendah.

Di samping itu, program perkhidmatan dan bimbingan kaunseling, motivasi dan ko-kurikulum merupakan program sokongan untuk membantu pelajar berkembang dengan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kementerian Pendidikan merancang langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan pencapaian pelajar di luar bandar dan kawasan pedalaman. Antaranya ialah membekalkan bilangan guru yang secukupnya, melaksanakan kursus-kursus dalam cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan dan kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru mata pelajaran kritikal iaitu Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Jawatan guru pakar beridiah bagi mata pelajaran kritikal juga diwujudkan. Langkah lain adalah menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran, sesuai dengan latar belakang dan tahap kebolehan murid tempatan.

Kemudahan pendidikan di luar bandar. Oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat menimbulkan masalah kekurangan kemudahan pendidikan, khususnya di

kawasan luar bandar, saya akan menjawab secara umum yang meliputi semua isu yang dibangkitkan. Antara aspek-aspek yang akan saya sentuh ialah pembinaan sekolah baru dan penambahan bilik darjah, masalah sekolah-sekolah kurang enrolment, kelewatan projek sekolah dan masalah kekurangan guru di luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tambahan kemudahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat untuk menampung pertumbuhan enrolment dan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa. Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan sekolah-sekolah baru dan kuarters guru.

Bagi pendidikan rendah, bilik darjah tambahan akan dibina bagi menampung enrolment pelajar yang bertambah daripada 2.8 juta pada tahun 1995 kepada 2.9 juta pada tahun 2000. Pertambahan 4,140 buah bilik darjah akan diperbaiki lagi nisbah kelas: bilik darjah daripada 1:0.86 kepada 1:0.90 pada tahun 2000. Peningkatan nisbah berkenaan menunjukkan bahawa peratus bilik darjah yang akan digunakan di sebelah petang berkurangan daripada 14% kepada 10%. Ini selaras dengan dasar menghapuskan secara beransur-ansur kelas yang diadakan di sesi petang.

Untuk pendidikan menengah pula, seramai 9,770 buah bilik darjah baru akan dibina bagi menampung keperluannya. Projek pembinaan sekolah-sekolah baru, gantian dan juga tambahan bilik darjah sentiasa menjadi agenda utama dalam merancang pembangunan fizikal.

Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, telah dirancang pembinaan sebanyak 473 projek sekolah baru, 224 projek gantian dan 629 projek tambahan untuk dilaksanakan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah kedaifan

sekolah-sekolah, khususnya di kawasan pedalaman.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** (*Bangun*)

**Tuan yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjangkau ke tempat yang lain, saya ingin bertanya tentang kekurangan bilik darjah, baik di sekolah rendah, mahu pun di sekolah menengah. Adakah kementerian sedar bahawa kekurangan bilik-bilik darjah ini sudah berlarutan hingga dua tiga tahun yang lalu? Jadi, kenapakah ianya hanya diambil tindakan pada RM-7, pada hal RM-7 ini yang sebenarnya panjang—5 tahun.

Jadi, agaknya bila kementerian hendak menyelesaikan masalah ini kerana apa yang berlaku di luar bandar sekarang ini, kadang-kadang itu, asrama pun digunakan sebagai bilik darjah. Jadi, inilah begitu daifnya kawasan di luar bandar. Jadi, adakah kementerian sedar perkara ini dan kalau tidak sedar, saya ingat elok Yang Berhormat Timbalan Menteri turun ke Jelebu sekali.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua berasal dari kawasan luar bandar, jadi kita bukan selalu turun ke kawasan luar bandar, tetapi kita berasal dari sana, jadi memang Kementerian Pendidikan prihatin tentang masalah dan melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh, kita akan teruskan usaha supaya masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi, Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Ada dua tiga muka surat sahaja. Saya cepatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tiap-tiap kementerian mengambil masa lebih



daripada setengah jam, kita akan kena bermesyuarat sehingga pukul 10.30 malam ini. (*Disampuk*)

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Okay, saya cepatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Konsep sekolah cantum yang dikenali sebagai konsep baru akan didirikan pada penghujung tahun ini yang turut dilengkapi kemudahan perumahan guru dan asrama untuk pelajar.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Tak payahlah! (*Disampuk*)

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tak payahlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payahlah ya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua sudah mengingatkan saya supaya cepatkan. (*Ketawa*)

Ia juga akan dilengkapi dengan makmal sains yang lengkap untuk memberikan kemudahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di bawah program ini, murid sekolah rendah Tahap 2 yang dipilih dari sekolah rendah yang berhampiran belajar bersama dengan pelajar sekolah menengah rendah Tingkatan 1 hingga 3 dalam satu kawasan bangunan dan di bawah satu pentadbiran. Konsepnya hampir sama dengan konsep sekolah berasrama penuh di mana semua pelajar tinggal di asrama. Bagi pelajar yang termiskin, yuran asrama akan ditanggung

oleh kerajaan. Sekolah perintis seumpama ini akan didirikan di Baling, Kedah. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan akan mendirikan sekolah-sekolah seperti ini di setiap negeri dan matlamat seterusnya ialah di setiap daerah.

Berhubung dengan projek sekolah di negeri Sabah yang tidak dapat disiapkan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Keningau, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelewatan tersebut. Antaranya, pengambilan semua projek Rancangan Malaysia Keenam oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) di mana JPPS telah mengambil masa dua tahun untuk menubuhkan organisasinya. Selain daripada itu, sukar untuk mendapatkan kontraktor yang kukuh kedudukan kewangannya, cekap pengurusannya dan mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan masalah kekurangan guru di sekolah luar bandar dan kualiti guru sehingga menjejaskan pencapaian pelajar, terutama dalam mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Di peringkat sekolah menengah, tumpuan diberi kepada pengeluaran lebih ramai guru berijazah bagi mencapai objektif untuk membekalkan hanya guru berijazah mengajar di peringkat menengah.

Untuk mencapai tujuan tersebut, 20 maktab perguruan telah dipertanggungjawabkan menjalankan program latihan guru lepasan ijazah dan 7 maktab perguruan menawarkan program berkembar dengan universiti-universiti tempatan untuk guru yang sedang berkhidmat.

Di peringkat sekolah rendah pula, usaha sedang dan akan dijalankan untuk memastikan guru sekolah rendah

mempunyai asas yang kukuh dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Sebuah maktab perguruan telah ditubuhkan di Bintulu, Sarawak pada tahun 1994 khusus bagi melatih guru sains dan matematik untuk sekolah rendah.

#### **Kebajikan Warga Pendidik.**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat kerana keprihatinan mereka terhadap kebajikan guru. Kerajaan memang sedar dan amat prihatin terhadap sumbangan guru ke arah mencapai Wawasan 2020. Justeru itu, kerajaan telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji secara menyeluruh perkhidmatan pendidikan Malaysia yang meliputi antara lain skim perkhidmatan baru bagi guru-guru. Laporan jawatankuasa khas ini dijangka dapat dikeluarkan selewat-lewatnya pada akhir bulan Jun 1996. Jawatankuasa tersebut juga mengkaji keresahan guru-guru tentang masalah kenaikan pangkat dan juga pengurusan serta perkhidmatan pendidikan.

Yang Berhormat dari Pokok Sena dan Yang Berhormat dari Pasir Puteh menimbulkan Sistem Saraan Baru (SSB) yang tidak sesuai untuk perguruan hingga menyebabkan ramai guru yang kecewa. Masalah penilaian prestasi yang tidak adil bagi guru-guru adalah suatu perkara yang subjektif. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa telah mengadakan sesi taklimat dan kursus dengan penilai yang bertujuan memberi kefahaman mengenai tatacara membuat penilaian prestasi agar dapat menilai dengan tepat mengikut prinsip-prinsip yang kita tetapkan di bawah SSB.

Mengenai masalah....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pokok Sena bangun.

#### **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**

Tuan Yang di-Pertua, sebab berkenaan dengan SSB ini, apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tempoh hari dalam jawapan, ia cuma 2% menegak dan 3% melintang diberi kepada golongan guru. Ini adalah terlalu sedikit. Jadi, adakah rancangan kementerian supaya untuk hendak mengelakkan daripada ketidakpuasan hati di kalangan guru, buat sementara waktu ini sebelum jawatankuasa itu memutuskan sesuatu, draw lot sahaja supaya fair to everybody?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedia maklum bahawa ketidakpuasan hati disebabkan oleh kuota yang ditetapkan di bawah SSB sebanyak 2% untuk melintang dan 3% untuk menegak adalah sedikit berbanding dengan jumlah guru yang ramai, Kementerian Pendidikan akan cuba sedaya mungkin untuk mengatasi masalah ini dan kita akan kaji bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini.

Mengenai masalah perguruan guru, ia akan diberi keutamaan terutama di luar bandar dan pedalaman bagi menarik serta mengekalkan guru yang berkecayaan dan berpengalaman di kawasan berkenaan. Kuarters guru juga akan dibina di bandar-bandar terpilih yang mempunyai kadar sewa yang tinggi. Untuk tujuan tersebut, sebanyak 99,370 unit rumah guru sedang dirancang pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan di kawasan kritikal sebanyak 4,529 unit rumah guru akan dibina dengan kadar segera.

Berhubung dengan elaun untuk guru, pada masa ini guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman mendapat bayaran elaun hidup susah, bayaran insentif pedalaman sebanyak 10% daripada gaji pokok bulanan mereka. Kadar ini telah pun berubah secara automatik dengan perubahan gaji anggota perkhidmatan awam baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja saya dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab akan dijamin bahawa akan diselidik oleh kementerian saya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

3.05 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahas Usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang berpendapat bahawa usaha ke arah untuk memupuk nilai-nilai kerohanian, moral dan etika bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju seperti yang dihasratkan oleh Wawasan 2020, media massa termasuk yang dikendalikan oleh kerajaan terus membocorkan perkara negatif yang tidak munasabah dengan agama dan adat masyarakat berbilang kaum di negara ini. Contohnya, jawapan yang diberikan oleh Kementerian Penerangan baru-baru ini tentang aktiviti agama di bulan Ramadan, Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina yang berlaku serentak di mana peruntukan kegiatan untuk agama Islam di bulan Ramadan sebanyak RM415,000, manakala peruntukan bagi Aidil Fitri sebanyak RM2.2 juta dan Tahun Baru Cina RM1.4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kementerian Penerangan

sentiasa prihatin terhadap tanggungjawab ke arah memupuk nilai-nilai kerohanian, moral dan etika bagi mewujudkan negara Malaysia maju seperti yang dihasratkan di dalam slogan Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, rancangan-rancangan dalam siaran televisyen telah diubah suai dari semasa ke semasa untuk diselaraskan dengan wawasan tersebut. Contohnya, masa siaran dalam televisyen di RTM dibahagikan kepada tiga kategori iaitu informasi, pendidikan dan hiburan. Kategori informasi dan pendidikan merangkumi sebanyak 52.3%, manakala kategori hiburan sebanyak 47.7%. Kategori hiburan meliputi muzikal drama, hiburan ringan, komedi dan kuiz. Di bawah kategori ini, hiburan muzikal adalah sebanyak 4.8% sahaja. Ini bermakna bahawa jumlah masa siaran TV di RTM haruslah dilihat dari aspek keseluruhan, bukan hanya setakat sesuatu peristiwa sahaja tetapi semasa hari-hari perayaan umpamanya Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina dan sebagainya.

Dalam pada itu juga, Kementerian Penerangan telah menetapkan dasar penyiaran di mana pada tahun 2000 stesen televisyen hendaklah menyiarkan 80% rancangan tempatan dan hanya 20% rancangan luar negeri dibenarkan. Bagi rancangan-rancangan luar negeri pula beberapa peraturan telah ditetapkan. Antaranya ialah tidak membenarkan penayangan rancangan-rancangan yang mempunyai unsur-unsur seks, ganas, tahyul dan pertentangan budaya (VHSC).

Perkembangan industri filem tempatan sentiasa diberikan galakan dan bimbingan supaya mereka dapat mengeluarkan filem-filem yang berwajah Malaysia, bukan sahaja untuk pasaran dalam negeri tetapi juga untuk dieksport. Ahli Yang Berhormat dari Yan meminta supaya pengagihan bekalan filem....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit. Apa yang dimaksudkan dengan unsur-unsur seks dan unsur-unsur ganas?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat tahu. Tidak payahlah saya jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Yan meminta supaya pengagihan bekalan filem untuk rancangan televisyen hendaklah dilakukan secara sama rata. Dalam pada itu, HVD haruslah memberi peluang kepada syarikat-syarikat penerbitan filem bumiputera menyalurkan filem-filem mereka melalui HVD untuk dijual kepada RTM. Urusan pembekalan rancangan televisyen di RTM dilaksanakan berasaskan kepada kriteria dan peraturan bekalan dan kontrak yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk menentukan kesaksamaan, keadilan dan mutu dari segi perolehan, Kementerian Penerangan telah menetapkan perolehan ini dilaksanakan secara konsortium. Lima konsortium termasuk HVD telah dilantik. Namun begitu pengeluar-pengeluar kecil masih diberi peluang membekal rancangan-rancangan mereka kepada RTM supaya perkembangan dan kemajuan industri televisyen tempatan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi pada masa hadapan. Sambil itu syarikat-syarikat bumiputera akan diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena telah menyentuh dua perkara iaitu pertama supaya penggunaan bahasa Malaysia di televisyen tidak dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris dan kedua, penggunaan bahasa isyarat dalam siaran Berita Perdana terlalu cepat dan sukar difahami dan dengan demikian dicadangkan supaya digantikan dengan tulisan. Penggunaan bahasa Malaysia dalam siaran radio dan televisyen sentiasa diberi keutamaan.

Sebahagian besar siaran radio dan televisyen masih lagi menggunakan bahasa Malaysia sesuai dengan dasar kerajaan.

Malah stesen-stesen siaran swasta telah dikenakan syarat lesen siaran mereka untuk menggunakan 60% Bahasa Malaysia dan 40% bahasa Inggeris.

Mengenai penggunaan Bahasa Malaysia yang dicampur-adukkan dengan bahasa Inggeris, ianya berlaku oleh sebab terpengaruh dengan kaedah pertuturan yang biasanya diamalkan oleh sebahagian anggota masyarakat di negara ini. Namun begitu kementerian ini sedang berusaha untuk memperbaikinya. Kejayaan usaha itu amat bergantung kepada sokongan dan kerjasama semua pihak yang terlibat.

Mengenai masalah penyampaian berita berbahasa isyarat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, tujuan menyediakan kemudahan penyampaian berita berbahasa isyarat di dalam siaran Berita Perdana TV1 adalah memberi peluang kepada golongan istimewa itu mengikuti maklumat yang terkini, mengenai perkembangan berita seluruh negara dan dunia. Golongan ini juga berhak untuk mendapat maklumat dan mereka tidak seharusnya diketepikan.

Semua penyampai berita berbahasa isyarat adalah dipilih oleh Persatuan Orang-orang Pekak Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, di mana kepakaran dan kebolehan mereka .....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap! Sekejap! Beri dia jawab dahulu.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**  
.... di mana kepakaran dan kebolehan mereka telah diiktiraf oleh persatuan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan bertujuan untuk mengeneipikan. Saya bangkitkan perkara ini oleh sebab keadaan tentang cara bacaan berita itu terlalu pantas.

Saya telah membuat kajian, saya biasa menjadi guru besar di sekolah darjah khas ini, guru-guru darjah khas ini kebanyakannya kawan saya yang telah saya minta pandangan sama ada mereka itu faham atau tidak dan adakah tiap-tiap perkataan itu mempunyai isyarat tertentu? Sebab jika seseorang itu gilirannya membaca berita pada satu hari, maka terjumpalah dia bahawa Presiden Arafat dengan Perdana Menteri Israel menandatangani perjanjian dengan Presiden Clinton. Jadi, dia membuat isyarat pada hari tersebut, selepas itu pula esok orang lain pula membaca berita dan isyarat itu tidak sama, sebab isyarat itu tidak mempunyai satu badan khas yang duduk di RTM untuk menentukan, kerana cara bacaan *Warta Berita* itu seolah-olahnya tiap-tiap perkataan itu berisyarat dan perjalanannya terlalu pantas.

Saya minta maaf kalau perkara ini menyinggung kepada orang-orang yang cacat pendengarannya sebab tujuan saya ialah kalau kita hendak menyampaikan biarlah yang mendengar atau yang melihat itu faham benar-benar tentang berita yang kita hendak sampaikan, sebab mereka ini 1% adalah terdiri daripada penduduk Malaysia dan kita hendak menyampaikan kepada golongan ini.

Kita juga mempunyai ramai lagi golongan miskin yang tidak ada televisyen hampir 40% lebih kurang. Jadi, tujuan dan niat yang bersih kita itu sampai kepada mereka, sebab itu saya check dengan guru-guru darjah khas ini, mengatakan bahawa terlalu pantas, mereka sendiri tidak dapat menerima, kalau dia tutup bunyi (sound) televisyen, mereka sendiri tidak dapat memahami, sebab keadaan bacaan itu terlalu pantas. Ini saya minta

supaya diberi perhatian. Bukan niat saya untuk hendak mengeneipikan, untuk tidak memberi peluang kepada golongan ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

Saya amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat dari Pokok Sena terhadap perkara ini. Seperti saya sebut tadi, kita rujuk kepada Persatuan Orang-orang Pekak Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan saya juga mendapat surat bahawa walaupun Yang Berhormat prihatin tetapi mereka harap dapatlah tarik balik hujah Yang Berhormat itu. Ini surat yang saya terima (*sambil menunjukkan surat*) hari ini. Namun demikian, kita akan kaji dan siasat serta rujuk kepada kepakaran mereka dan jika betul terlalu laju, mungkin ada solution yang boleh dibuat oleh pihak persatuan, sebab penyampai berita ini adalah dipilih oleh Persatuan Orang-orang Pekak.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada penyampaian berita ini bahawa sejak bahasa isyarat diperkenalkan dalam Berita Perdana pada 3hb Disember 1995, kementerian ini tidak ada menerima sebarang maklum balas, namun oleh kerana Yang Berhormat menyuarakan tadi, kita akan rujuk dan mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai klasifikasi program televisyen yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, semua stesen televisyen termasuk RTM adalah diminta mematuhi peraturan dan memaklumkan kepada penonton sebelum sesuatu rancangan itu ditayangkan. Peraturan ini adalah ditetapkan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) Kementerian Dalam Negeri.

Pemakluman mengenai klasifikasi sesebuah filem yang akan ditayangkan adalah perlu kerana ia mempunyai kaitan dengan isi kandungan dan juga sasaran penonton. Melaluinya penonton khususnya ibu bapa dan ketua keluarga akan dapat menetapkan filem-filem yang sesuai dan tidak sesuai ditonton oleh anggota keluarga mereka.

Mengenai drama yang disiarkan di televisyen yang bertema ke arah hiburan dan tiada pembentukan insan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, walaupun definisi drama pada umumnya ialah memaparkan babak-babak yang menghiburkan, tetapi drama itu hendaklah mempunyai mesej yang perlu disampaikan termasuk yang boleh dijadikan pedoman dan teladan kepada penonton dalam usaha untuk mendidik masyarakat. Justeru itu walau apapun bentuk sesuatu drama itu ianya harus mencapai matlamat untuk menghibur penonton di samping penonton mendapat manfaat daripadanya.

Mengenai....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Misalnya Perdana Menteri kita bercakap mengenai "awasan" begitu juga Timbalan Perdana Menteri, sedangkan drama itu seolah-olah sebagai kontradiksi di antara ucapan Perdana Menteri dengan ucapan Timbalan Perdana Menteri juga ucapan Menteri Besar Kelantan, seolah-olah drama yang diadakan itu satu kontradiksi.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Bolehkah Yang Berhormat beritahu drama mana, sebab beribu drama, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya kira Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri mesti tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Takkanlah Timbalan Menteri tidak tahu benda-benda macam itu, kalau tidak....

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Banyak sangat drama ini, Yang Berhormat....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ... kalau tidak tahu, tidak faham tentang itu buat apa jadi Timbalan Menteri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Baik letak jawatanlah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Mengenai tajaan siaran televisyen oleh penaja jenama rokok yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan Petaling Jaya Utara, saya mohon memaklumkan bahawa Kabinet telah memutuskan bahawa dasar mengenai barangan jenama rokok dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diniagakan oleh syarikat-syarikat rokok yang sedia ada dikekalkan baik di radio mahupun di televisyen.

Kabinet juga memutuskan bahawa pengharaman iklan rokok juga dikekalkan. Dasar ini dibuat atas asas:

- (i) hasil tajaan bagi stesen-stesen televisyen adalah besar;
- (ii) dapat membantu urusan pengendalian dan pembelian rancangan-rancangan yang bermutu untuk stesen-stesen televisyen;
- iii) syarikat jenama rokok telah membantu pembangunan sukan tanah air melalui tajaan rancangan-rancangan sukan antarabangsa dan tempatan; dan

- (iv) barangan dan perkhidmatan yang dipapar atau dijual oleh syarikat-syarikat ini adalah tertakluk kepada Akta Perihal Dagangan dan sah dipasarkan mengikut Undang-undang Trade Mark.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah mencadangkan supaya Kementerian Penerangan mengadakan satu bancian mengenai keprihatinan rakyat terhadap perkara-perkara yang dibincangkan di dalam Dewan Rakyat sama ada diambil tahu ataupun mendapat perhatian rakyat terutama hal-hal mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kementerian ini seperti juga agensi-agensi kerajaan yang lain sentiasa menjalankan kajian secara khusus menyentuh dasar-dasar dan program-kementerian yang secara langsung adalah dasar-dasar dan program-program kerajaan.

Antara kajian yang dimaksudkan ialah kajian mengenai tahap kesedaran rakyat akibat kempen anti dadah, kajian mengenai pemahaman rakyat terhadap Wawasan 2020 dan kajian mengenai persepsi rakyat terhadap isu gunatengah pendatang asing serta kajian-kajian lain mengenai dasar dan program kerajaan yang berkaitan. Kementerian berpendapat bahawa kajian ini adalah mencukupi dan jika wujud keperluan, maka bilangan kajian akan ditambah dari masa ke semasa.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan perancangan RTM untuk menilai pandangan rakyat dan juga pendengar mengenai dengan program-program yang diatitkan oleh kerajaan. Saya ingin

bertanya adakah cadangan kementerian untuk pergi lebih jauh lagi sepertimana dulu? Dahulu, sewaktu saya belum menjadi Ahli Parlimen, saya melihat Laporan Parlimen - ada dalam rancangan khas, apabila Dewan bersidang, malam itu adalah Laporan Parlimen yang siap dengan perkara-perkara yang dibangkitkan dan juga gambar-gambar Ahli Parlimen.

Jadi, saya rasa rakyat lebih suka dan lebih tertarik dengan rancangan sedemikian - maklum sahajalah dalam satu tahun itu 3 - 4 kali persidangan yang dilihat wajah Ahli-ahli Parlimen mereka dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan. Adakah cadangan kementerian untuk menyiarkan semula apabila tiba waktu persidangan Parlimen, Laporan Parlimen ini dikeluarkan?

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, mengenai dengan latihan kakitangan, saya rasa kementerian memang mempunyai masalah untuk melatih kakitangan-kakitangannya, umpamanya, untuk menggunakan bahasa Malaysia yang betul dan penggunaan bahasa-bahasa yang lain. Jadi, adakah cadangan kementerian untuk membuat Pusat Latihan Kementerian Penerangan, yang saya difahamkan akan dibuat di Jelebu, tanah yang diminta seluas 10 ekar sudah pun sedia. Jadi, saya ingin kepastian, bilakah kementerian akan melangkah untuk melaksanakan projek ini?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Adalah benar bahawa sebuah Pusat Latihan Penerangan akan didirikan di kawasan Jelebu, Negeri Sembilan. Bagaimanapun, keadaannya sekarang, kita dalam proses mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sembilan, mengenai lokasi. Walaupun kita sudah kenal pasti kawasan Jelebu, tetapi lokasi tanah, kos dan kesesuaian tapak - kita berharap kalau permintaan ini dapat berjalan dengan cepat,

maka dapatlah ianya dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai siaran Persidangan Dewan Rakyat, Kementerian Penerangan sedang mengkaji dan insya-Allah perkara ini akan dapat disiarkan sepertimana yang pernah kita lakukan pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan ingin tahu bilakah penggunaan parabola boleh dibenarkan bagi kegunaan rakyat di negara ini? Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini penggunaan alat parabola bagi membolehkan rakyat menikmati siaran televisyen satelit, tidak bermakna kita akan melaksanakan dasar langit terbuka yang membebaskan rakyat menggunakan sebarang parabola yang ada untuk menerima rancangan televisyen satelit yang terdapat dirantau ini. Sebaliknya alat parabola itu adalah khusus bagi menerima siaran televisyen satelit yang dibenarkan oleh kerajaan melalui Satelit MEASAT. Penggunaannya adalah bermula setelah Akta Penyiaran, 1988 dipinda pada sidang Parlimen yang akan datang dan setelah MEASAT Broadcast siap melancarkan perkhidmatan tersebut. Dijangka perkhidmatan ini akan bermula pada akhir bulan Julai atau awal Ogos, 1996 ini.

Kementerian Penerangan mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari 'Jeram' di atas usaha meningkatkan mutu siaran penerangan untuk membuka minda masyarakat yang dilaksanakan oleh kementerian ini dengan agensi-agensinya di bawahnya. Mengenai pemilihan tokoh-tokoh Forum Perdana, Hal Ehwal Islam, kementerian ingin memaklumkan bahawa semua rancangan agama dalam TV di RTM termasuk Forum Perdana, Hal Ehwal Islam, adalah dikendalikan oleh Unit Agama dan Dakwah. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sejak bulan Jun, 1994.

RTM hanya membantu dari segi siaran melalui TV1 sahaja. Segala urusan penerbitan rancangan agama itu bermula daripada pemilihan tajuk, tokoh, penceramah dan urusan pembayaran adalah juga dikendalikan oleh agensi berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah meminta Kementerian Penerangan membentuk budayanya sendiri bagi membendung budaya negatif yang telah menular di kalangan remaja di negara ini.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Jerlun bangun.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak tumpang tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri - wakil dari Jerlunkah atau wakil dari Jeram yang dia memberi jawapan tadi.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Wakil dari Jerlun, minta maaf Yang Berhormat.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, bukan Jeram, tetapi Jerlun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. (Ketawa)

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila sambung.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah mewujudkan garis panduan penyiaran radio dan television yang berlandaskan kepada ekspektasi masyarakat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(Bangun)



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun pula.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ringkas. Benarkah dalam ceramah-ceramah Dato' Dr. Haron Din, Dato' Ustaz Ismail Kamus dan Dato' Dr. Hassan Ali - mereka mengatakan bahawa mereka telah di talak tiga oleh RTM - digam. Kenapakah RTM gam dan tidak membenarkan lagi Dato' Dr. Haron Din, Dato' Ustaz Ismail Kamus dan Dato' Dr. Hassan Ali untuk terlibat dalam Forum Perdana.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini saya suka tegaskan bahawa RTM tidak pernah gam tokoh-tokoh agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan telah mewujudkan garis panduan penyiaran Radio dan Televisyen yang berlandaskan ekspektasi masyarakat, tatanilai dan sosio-budaya negara dan hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun, berdaya maju dan bermoral tinggi. Adalah diharapkan melaluinya akan dapat menyumbang ke arah peningkatan akhlak para remaja yang sering dikaitkan dengan pengaruh media elektronik penyiaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan akhirnya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberikan pandangan dan teguran yang membina semasa membahas Usul Rancangan Malaysia yang ketujuh. Jika ada mana-mana perkara yang telah disentuh tetapi tidak sempat hendak dijawab, perkara-perkara ini juga adalah diambil perhatian oleh kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

3.28 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong menyatakan bahawa negeri Sarawak yang mempunyai kekuatan tarikan pelancongan (CAN) iaitu 'Culture Tourism, Adventure Tourism dan Nature Tourism' - mengikut beliau negeri tersebut mempunyai tarikan-tarikan yang tersendiri ini tetapi kemasukan pelancong ke Sarawak masih belum mencapai ke angka seperti yang disasarkan kerana kekurangan penerbangan dan tawaran pakej perjalanan dan oleh itu meminta agar kekerapan penerbangan ke destinasi-destinasi tersebut ditingkatkan. Beliau juga menyentuh mengenai pembinaan Hotel Seri Malaysia di Sarawak dan program yang sedang dirancang untuk menggalakkan lagi pelancongan domestik di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa beberapa strategi dan program pembangunan pelancongan Sarawak telah digubal di dalam pelan induk pelancongan kedua negeri Sarawak yang meliputi tempoh 1993 - 2010. Di antara strategi dan program tersebut termasuklah pembangunan feasibility dan penginapan pelancongan. Sehubungan dengan ini, beberapa pembangunan pengangkutan, terutamanya pengangkutan udara telah dilaksanakan dengan mempertingkatkan jumlah penerbangan ke destinasi-destinasi di Sarawak dengan dihubungkan dengan destinasi-destinasi utama di Semenanjung Malaysia dan

Sabah supaya ianya dapat mempertingkatkan kedatangan pelancong ke Sarawak daripada destinasi-destinasi utama Semenanjung Malaysia dan juga Sabah.

Kebiasaannya pada musim-musim tertentu, seperti musim perayaan dan musim percutian, permintaan ke atas tempat duduk kapal terbang meningkat dan pihak berkuasa amat prihatin dan dengan itu mengambil tindakan susulan diambil untuk mempertingkatkan lagi penerbangan bagi memenuhi permintaan-permintaan ini. Selain daripada penerbangan Malaysia dan lain-lain penerbangan, aktiviti pertumbuhan segi tiga BIMP-EAGA akan membantu mempertingkatkan jumlah penerbangan ke Sarawak melalui penerbangan SIAGA. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan sektor swasta supaya dapat membangunkan aktiviti pelayaran, dengan izin, cruise yang boleh menghubungkan di antara destinasi pesisir pantai Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.

Nyata Tuan Yang di-Pertua, bahawa faktor kekurangan kedatangan pelancong ke Sarawak sebenarnya bukanlah disebabkan kekurangan penerbangan atau kekurangan daya tarikan. Tetapi disebabkan oleh saingan dengan negara-negara jiran, termasuk negara-negara yang dahulunya mengamalkan dasar tertutup dan tidak begitu stabil, seperti negara-negara Indo-China yang sekarang ini nampaknya amat bersungguh-sungguh untuk menarik pelancong ke negara-negara berkenaan, Laos, Vietnam dan juga Cambodia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan mempertingkatkan aksesibiliti, terutamanya pengangkutan udara bukan sahaja untuk mempertingkatkan kedatangan pelancong, khususnya pelancong asing. Tetapi juga untuk membangunkan pelancong domestik di

Sarawak yang menjadi salah satu agenda utama pembangunan industri pelancongan dalam usaha memperkukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan terus mempertingkatkan penyediaan kemudahan penginapan kepada pelancong-pelancong luar negeri dan juga pelancong-pelancong tempatan. Projek penyediaan hotel kos sederhana yang menyediakan jenama Hotel Seri Malaysia yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan diteruskan di negeri-negeri yang belum lagi terlibat dengan projek ini. Di antara negeri-negeri tersebut termasuklah negeri Sarawak. Kementerian telah meminta negeri-negeri yang belum ada projek Hotel Seri Malaysia ini mengemukakan lokasi yang berpotensi dan viable dari segi ekonomi untuk dijadikan tapak hotel. Semua cadangan tapak hotel akan dikaji dengan teliti sebelum keputusan dibuat untuk melaksanakan projek hotel ini.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan sektor swasta melabur di dalam pembinaan penginapan pelancongan kos sederhana dalam memenuhi permintaan pelancong domestik. Selain daripada itu, lain-lain strategi dalam membangun pelancongan domestik, termasuk usaha-usaha mempertingkatkan dan mempelbagaikan produk dan aktiviti pelancongan yang berteraskan keunikan dan kekuatan negeri Sarawak, seperti dengan izin, 'Hit Hunters Trail, Water-based Tourism' dan juga tarikan buatan manusia seperti Team Park. Aktiviti-aktiviti ini boleh dibangunkan sebagai acara bermusim ataupun tahunan supaya dapat mempertingkatkan lagi minat rakyat negara ini untuk melancong ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan ada mencadangkan supaya dijadikan Pulau Labuan sebagai

pusat pelancongan yang bakal menarik perhatian pelancong dunia, di samping ianya sebagai pusat kewangan pesisir pantai (IOFC), dengan mempertingkatkan kekerapan penerbangan. Di samping itu juga, menurunkan kos penerbangan, mempertingkatkan kemudahan dan daya tarikan, menubuhkan pejabat cawangan pelancongan dan melaksanakan beberapa insentif fiskal, seperti pelepasan cukai kastam, pengecualian cukai, pengurangan cukai pendapatan dan penghapusan levi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pelancongan negara yang meliputi tempoh 1991 hingga 2000 telah mengenal pasti Sabah, Labuan sebagai salah satu daripada 6 koridor pembangunan pelancongan negara dalam melaksanakan pelbagai strategi dan program untuk mempertingkatkan industri pelancongan di kawasan tersebut. Di antaranya termasuklah membangunkan infrastruktur pengangkutan udara dan air, perhubungan, penginapan pelancongan dan produk-produk pelancongan lain yang berasaskan kepulauan, dengan izin, ekotuarism, dan berteraskan pusat kewangan luar pesisir pantai (IOFC).

Bagi memastikan pembangunan industri pelancongan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi, kerajaan telah menyediakan beberapa insentif yang di antaranya termasuklah taraf printis, elaun cukai pelaburan, elaun bangunan industri, pengecualian cukai ataupun duti kastam dan juga cukai jalan, pengecualian cukai perkhidmatan, penginapan kelas sederhana, galakan zon bebas cukai, pengecualian cukai pendapatan untuk pengusaha pelancongan dan potongan cukai dua kali untuk latihan dan bagi perbelanjaan penggalakan di luar negeri. Di samping itu juga, kerajaan menyediakan tabung khas untuk pelancongan yang berjumlah RM200 juta sebagai tabung pusingan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pembangunan untuk menjadikan status

IOFC Pulau Labuan bukan sahaja dapat membangunkan pulau tersebut melalui pembangunan sektor perkhidmatan kewangan tetapi juga ianya dapat membangunkan secara langsung dan boleh menjadi pemangkin serta pengganap kepada pembangunan industri pelancongan yang berkualiti di Labuan kerana pulau ini menjadi tumpuan kedatangan pelancong yang terdiri daripada ahli korporat dan perniagaan yang boleh berbelanja lebih untuk tujuan urusan perniagaan melalui program yang kita namakan MICE. Dengan izin, MICE ini bererti 'Meetings, Incentives, Conventions, Exhibitions' di samping berbelanja untuk pengangkutan kapal terbang, penginapan serta makanan dan minuman.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua aktiviti ini semakin bertambah ekoran daripada pembangunan pertumbuhan segi tiga BIMP-EAGA. Pejabat Kebudayaan dan Pelesenan Pelancongan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang beroperasi di Kota Kinabalu juga melaksanakan fungsinya di Labuan dalam usaha membantu mempertingkatkan sektor pelancongan. Fungsi pejabat cawangan ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan dan strategi pembangunan jangka panjang dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Labuan pula adalah berfungsi sebagai penyelarasan pelaksanaan projek pembangunan pelancongan di pulau tersebut.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Dua perkara, Yang Berhormat. Saya tertarik kepada usaha untuk mempertingkatkan tempat-tempat destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia, itu satu usaha perlu

dipertingkatkan. Cuma saya nampak usaha untuk memperlingkungi tapak-tapak seperti Taman Negara supaya tidak ada pencemaran yang akan merosakkan destinasi ini sebagai destinasi pelancongan, inipun termasuk FRI. Kita mesti adakan cara-cara untuk memperlingkungi sepertimana yang dibuat oleh negara-negara lain, tetapi di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh saya tidak nampak sangat cara-cara untuk memperlingkunginya. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya nampak di negara-negara seperti Australia dan Amerika Syarikat ada mereka menggunakan perjudian sebagai tarikan pelancongan dan ada warganegara-warganegara Malaysia pun ada pergi melancong ke Australia untuk bercuti. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai tarikan perjudian yang dibuat oleh negara-negara seperti Australia. Saya diberitahu tapak tempat perjudian telah bertambah di Australia kerana hendak tarik orang-orang yang hendak berjudi di Australia dan tambah pelancong-pelancong ini yang dapat berbelanja dengan banyak daripada Hong Kong, Taiwan, Singapura, Indonesia dan termasuk Malaysia, di antara yang teramai di rantau ini yang pergi ke Australia dan tempat-tempat yang lain untuk berjudi sebagai tarikan pelancongan.....

**Seorang Ahli: Genting!**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Genting, dia pun susah nak jawab tentang Genting.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya sentiasa memastikan Taman-taman Negara, kita pun banyak Taman Negara sebenarnya, sentiasa dijaga dengan baik kerana ini merupakan produk pelancongan yang penting dari kita. Kalau pun tidak ada peruntukan ini di bawah Kementerian Pelancongan, tetapi ianya dikelolakan juga oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ini Yang Berhormat patut juga tahu bahawa kerajaan ini bukan

bertanggungjawab terhadap satu kementerian sahaja. Sebagai kerajaan, kementerian-kementerian yang lain bersama-sama bekerja untuk kepentingan negara. Dari segi perjudian, saya tak seuntung Yang Berhormat dari Kepong yang dapat pergi berjudi ke Australia, saya tak pernah mengikuti, jadi saya tak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini jelas bahawa kegiatan dan aktiviti IOFC dan pelancongan yang dilaksanakan di Labuan adalah saling mempunyai kaitan yang akan mempertingkatkan kapasiti penerbangan, kadar penginapan dan juga pendapatan penduduk tempatan sejajar dengan kos hidup ketika ini.

Menyentuh soalan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mengenai masalah 'Pelancong Coca-Cola' (Coca-Cola Tours) dari Singapura yang semakin meningkat. Yang Berhormat dari Johor Bahru menambah bahawa pelancong-pelancong ini tidak langsung menambahkan hasil pendapatan, sebaliknya hanya menyebabkan masalah kesesakan di Tambak Johor. Beliau juga berpendapat tindakan yang lebih ketat, selain daripada mengenakan levi harus dikenakan juga tindakan-tindakan lain untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru sebab saya sendiri pun amat 'concern', dengan izin, tentang Coca-Cola Tours ini. Sebenarnya memang betul mereka yang datang 4 jam, 6 jam, 8 jam ataupun 12 jam memang tidak mendatangkan hasil. Yang datang 4 jam, bertolak daripada Singapura pukul 8.30 dan balik ke Singapura pukul 12.30 kadang kala satu sen pun tak berbelanja, hanya menyemak sahaja, buat traffic jam di Tambak Johor dan juga di Johor Bahru.

Kita di kementerian sedang mengkaji dengan secara mendalam untuk mengambil

tindakan yang wajar sama ada mengenakan levi terhadap bas-bas yang membawa pelancong-pelancong asing ini kerana sebenarnya bas-bas ini memang tidak boleh balik hari. Sepatutnya bas-bas ini mesti bermalam di Malaysia, tetapi kita tidak mengambil tindakan yang sepatutnya diambil. Jadi, dengan sokongan seperti yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru ini, insya-Allah, kementerian akan memastikan dengan kerjasama kementerian-kementerian lain supaya pelancong-pelancong harian, Coca-Cola Tourist ini, tak perlulah datang ke Malaysia. Kalau mereka nak pergi ke tempat lain, pergilah. Tak ada gunanya pelancong-pelancong macam ini, hanya menyebabkan traffic jam tetapi tak ada berbelanja. Mereka datang pergi tengok masjid, mereka datang tengok kampung. Ini bukan industri pelancongan. Kita berharap usaha dibuat supaya pelancong-pelancong tinggal bermalam di Johor Bahru kerana hanya dengan bermalam mereka membayar hotel, apabila bermalam perlu makan di restoran dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga menyarankan supaya produk pelancongan yang lebih kukuh diadakan demi menarik lebih banyak pelancong. Beliau seterusnya menyatakan bahawa pengangkutan untuk membawa masuk pelancong dari Singapura telah dimonopoli oleh syarikat pengangkutan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya mempunyai strategi dan program pembangunan, mempertingkatkan dan juga mempelbagaikan produk-produk pelancongan terutamanya yang berteraskan ecotourism dan agrotourism, dengan izin, di samping mewujudkan pelbagai aktiviti dan kemudahan membeli-belah.

Dan tadi saya sebutkan juga Meetings, Incentives, Conferences Exhibitions (MICE) serta acara sosial budaya yang

lain yang menarik supaya dapat mempertingkatkan lagi kedatangan pelancong ke negara kita. Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan rakyat tempatan dalam industri pelancongan dengan mengambil peluang mengendalikan aktiviti pengangkutan dan pemandu pelancong di Johor Bahru. Bas persiaran Singapura yang diberikan permit oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Malaysia hanya dibenarkan membawa pelancong rakyat Singapura dan rakyat negeri asing sahaja dan bas-bas ini tidak dibenarkan membawa penumpang rakyat Malaysia ataupun mengambil penumpang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Aman ada menyatakan bahawa Projek Bakun boleh dijadikan satu tarikan ecotourism. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang menjadi hasrat kementerian, di samping projek ini dibuat sebagai satu sumber tenaga ianya akan dijadikan sebagai satu tarikan pelancongan yang berasaskan kepada ciri-ciri ecotourism. Keindahan alam semula jadi, flora dan fauna yang ada di kawasan tersebut akan dijadikan sebagai produk yang menarik pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Sepang agar kementerian melalui Komplek Belia Negara mengadakan lebih banyak program budaya untuk generasi masa kini demi membanteras gejala-gejala negatif seperti budaya lepak dan budaya rock yang semakin berleluasa, di samping itu Ahli Yang Berhormat juga menyarankan agar program seperti teater, orkestra dan persembahan tarian haruskan mengemukakan unsur-unsur kesenian dan kebudayaan tempatan yang asli pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian pada masa ini telah dan akan mengadakan lebih banyak program kebudayaan dan juga

kesenian dari masa ke semasa. Melalui Panggung Negara dan bahagian kebudayaan khususnya, telah dan sedang mengadakan pelbagai program seperti teater, orkestra, persembahan kesenian serta kursus-kursus kebudayaan, kursus-kursus kesenian yang di antara lain bertujuan bagi membanteras gejala-gejala negatif. Pada tahun ini sahaja Panggung Negara merancang 11 persembahan teater, 10 pementasan orkestra simfoni kebangsaan dan koir kebangsaan, 30 persembahan kombo dan kesenian rakyat di samping persembahan tarian yang diadakan di merata tempat.

Kementerian juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang lain khususnya dari Sepang yang memberi sokongan padu kepada usaha-usaha kementerian menyemarakkan lagi perkembangan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian pada setiap masa sentiasa memberi penekanan dan keutamaan kepada kebudayaan dan kesenian tempatan yang menjadi tonggak kepada kebudayaan kebangsaan. Tindakan ini diselaraskan dengan wawasan dan juga matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah diterima pakai selama ini. Unsur-unsur kebudayaan dan kesenian asli tempatan yang sesuai dan wajar seperti memaparkan nilai-nilai murni, sopan santun, berbudi bahasa, kasih sayang dan hormat menghormati yang tidak menyalahi lunas dan prinsip kebudayaan asli tempatan, tetapi menjadi keazaman dan matlamat kementerian untuk disebar luas supaya diterima sebagai kebudayaan kebangsaan negara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian juga memberi perhatian kepada usaha-usaha pemuliharaan.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuaran bangun. Ya. Tuaran, sila.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar bahawa ada satu tempat di kawasan saya di Tuaran iaitu tempat di mana seorang Pahlawan Negara, Mat Salleh mula menentang penjajahan British bermula di satu tempat bernama Kampung Gayang, perkampungan nelayan di situ. Memang itu satu tempat bersejarah tetapi sekarang tempat itu dijadikan satu depot untuk Petronas dan memang penduduk-penduduk tempatan di situ tidaklah menentang tindakan Petronas itu tetapi hanya minta supaya pihak kementerian mengambil langkah mendirikan satu tugu peringatan di situ, khas untuk dijadikan peringatan kepada generasi muda bahawa kemerdekaan kita ini adalah melalui perjuangan tokoh-tokoh pahlawan kita.

Di samping itu saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa ada juga maklumat saya terima bahawa di laut di hadapan itu masih terdapat perkakas-perkakas purba Mat Salleh ini. Ini, saya tidak dapat pastikan tetapi mungkin kementerian Yang Berhormat boleh meminta pandangan daripada Muzium Negeri untuk meminta kepastian dan dikatakan barang-barang purba ataupun senjata-senjata api pahlawan yang digunakan telah dibuang ke dalam laut untuk disembunyikan bagi mengelakkan dari ditangkap oleh penjajah British. Jadi, itu sahaja saya ingin penjelasan sama ada Yang Berhormat Menteri tahu dan kalau tidak saya sedia untuk memberi maklumat yang lanjut.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik boleh kita follow-up, dengan izin, selepas ini. Sebenarnya kita telah pun membuat sedikit kajian tentang Mat Salleh ini dan sebahagian daripada kajian ini ada di Muzium Sejarah yang baru sahaja dibuka, soft opening, di bangunan, dulunya bangunan Chartered Bank yang lama dekat

dengan Dataran Merdeka. Namun demikian, usaha untuk meneliti pahlawan-pahlawan seperti ini, bukan Mat Salleh ini sahaja tetapi yang lain-lain juga sedang diusahakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mat Salleh itu, apa dia? Nama orang?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Nama dia, bukannya mat salleh orang putih! Nama dia!

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan macam kita dok kata pada orang putih itu?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Bukan! (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan ya.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Nama dia Mat Salleh, Tuan Yang di-Pertua. (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik, baik.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kementerian juga memberi perhatian kepada usaha-usaha pemuliharaan warisan kesenian negara mengikut keutamaan, satu negeri untuk satu produk, misalnya ghazal, boria, dabus, keroncong, tumbukilang, dondang sayang, rodan dan sebagainya. Ini satu tarian satu negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, untuk negeri Kelantan, apa dia Yang Berhormat?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Kelantan? Di sini tidak ada Kelantan, boria Pulau Pinang misalnya, rodan kalau tidak silap saya Terengganu, dondang sayang Melaka, ghazal Johor, Pahang apa agaknya? Barangkali Jogetlah.

**Tuan Yang di-Pertua,** akhir sekali saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada semua Ahli

Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan kepada kementerian sama ada yang dijawab ataupun tidak dijawab oleh saya tadi dan mereka ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Kesemua teguran, cadangan dan pandangan akan diambil perhatian dan akan diberi pertimbangan sewajarnya di dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini di masa hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

4.00 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh sejak ianya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 6hb Mei 1996.

Adalah terlalu ramai untuk saya menyebut satu persatu Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul ini yang menyentuh bidang dan fungsi Kementerian Sumber Manusia. Kementerian menerima baik pandangan, cadangan dan teguran membina yang telah diutarakan dan akan bertindak proaktif meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Perbincangan Usul RMK-7 ini banyak tertumpu kepada persoalan sama ada kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia dapat menyediakan asas sumber manusia yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan menghadapi persaingan global.

Memandangkan ekonomi negara akan beralih kepada pertumbuhan yang

didorong oleh produktiviti, penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan kecekapan penggunaan buruh serta penggunaan modal dan teknologi dalam pengeluaran secara intensif. Justeru itu, penyediaan asas sumber manusia akan terus menjadi teras utama usaha pembangunan sumber manusia dalam tempoh RMK-7.

Pembangunan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk memenuhi keperluan negara semasa dan yang akan datang hendaklah dipikul bersama antara kerajaan dan sektor swasta. Bagi pihak kerajaan, tanggungjawab ini dipikul bersama oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Dalam hubungan ini, dalam tempoh RMK-7 ini, Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk membina 6 buah Institut Latihan Perindustrian dan 3 buah Pusat Latihan Lanjutan dan Kemahiran Tinggi, dengan izin, Advanced Skill and Technological Training Centre, termasuk sebuah Japan-Malaysia Technical Institute di Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Keningau dan Santubong, negeri Sabah dan Sarawak masing-masing akan ditubuhkan sebuah Institut Latihan Perindustrian.

Penubuhan Institut Latihan Perindustrian di negeri-negeri tersebut adalah selaras dengan strategi kerajaan untuk menyediakan kemudahan latihan perindustrian bagi membangunkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dan terlatih di seluruh negara. Tenaga kerja di Sabah dan Sarawak setelah dilatih dan memperolehi kemahiran yang sewajarnya akan dapat menyumbang kepada tabungan tenaga kerja mahir di negara ini.

Mereka turut dijangka akan mendapat upah yang lebih lumayan dan taraf hidup mereka akan meningkat. Mereka juga

boleh merebut peluang-peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang akan tercetus dengan banyaknya, terutamanya di Semenanjung Malaysia, sekali gus memperkukuhkan lagi usaha-usaha integrasi nasional.

Bagi menggalakkan sektor swasta melibatkan diri secara langsung di dalam industri latihan, Kementerian Sumber Manusia telah menawarkan Skim Pinjaman Faedah Rendah kepada kumpulan industri, persatuan-persatuan majikan dan institut latihan swasta untuk membolehkan mereka menambah mesin dan peralatan latihan dalam bidang teknikal, pembinaan bengkel dan pembelian peralatan latihan, khususnya dengan teknologi baru.

Selain itu, sektor swasta juga disediakan galakan-galakan cukai tertentu, di antaranya ialah:

- (i) sumbangan wang tunai, mesin dan peralatan kepada institut latihan teknikal dan vokasional kerajaan dan separa kerajaan dibenarkan sebagai potongan cukai pendapatan;
- (ii) syarikat swasta yang menubuhkan institut latihan teknikal dan vokasional baru atau membuat pelaburan tambahan bagi maksud meningkatkan alat kelengkapan atau membesarkan keupayaannya layak mendapat galakan Elaun Cukai Pelaburan 100% selama 10 tahun; dan
- (iii) institut-institut latihan teknikal dan vokasional layak mendapat pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan pendidikan, alat kelengkapan, mesin dan jentera yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain menyediakan infrastruktur untuk latihan perindustrian, Kementerian Sumber



Manusia juga memperkenalkan kursus-kursus yang menjurus kepada keperluan perindustrian berteknologi tinggi masa akan datang. Kursus-kursus seperti Communications Technology, Computer-Aided-Design, Computer-Aided-Manufacturing dan Technology Management sudah pun diperkenalkan dan dijalankan.

Untuk menangani era teknologi maklumat seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, kementerian ini sudah pun merancang kursus-kursus dalam bidang IT, misalnya Multimedia Development, Product Development and Industrial Design, Computer Maintenance dan Computer Interfacing and Signal Processing untuk dilaksanakan di bawah RMK-7 ini.

Di samping itu, seruan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong agar pegawai-pegawai daripada beberapa buah kementerian, termasuk Kementerian Sumber Manusia diberi pendedahan intensif dan komprehensif terhadap fenomena perubahan yang lahir dari globalisasi, ledakan teknologi maklumat yang mendadak dan ekonomi digital sudah diambil perhatian. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, persediaan untuk melatih dan memperlengkapkan pegawai-pegawainya, terutama tenaga-tenaga pengajar untuk menangani isu-isu pembangunan sumber manusia masa akan datang sudah bermula dan akan dijalankan secara berterusan.

Sejak tahun 1995, seramai 117 orang tenaga pengajar Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dihantar untuk mengikuti latihan peningkatan dalam bidang-bidang baru yang bakal diperkenalkan di Institut-institut Latihan Perindustrian generasi akan datang. Mereka dihantar ke United Kingdom, Amerika Syarikat dan Germany untuk mengikuti kursus-kursus latihan tertentu, misalnya Electronic

Communication and Networking, Robotic and Automation, CAD/CAM dan Machine Maintenance Technology.

Seramai 69 orang lagi dijangka akan dihantar untuk menjalani latihan tersebut dalam tahun ini. Di samping itu, seramai 28 orang pengajar telah dihantar untuk mengikuti kursus Business and Technical Education Council Higher National Diploma di United Kingdom tahun ini yang bertujuan memperkukuhkan kelulusan akademik mereka.

Pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan juga giat menyediakan anggota-anggotanya untuk menjalani kursus latihan berlandaskan competency-based education and training. Melalui kursus latihan ini, mereka akan lebih berpengetahuan dan cekap mengendalikan kursus dan membangunkan kurikulum kerana kursus itu memberi pendedahan menyeluruh dalam keseluruhan aspek latihan dari sudut teori dan juga amali.

Pada tahun 1995, seramai 21 orang anggota MLVK telah dihantar ke negara-negara seperti Kanada, United Kingdom dan Amerika Syarikat untuk menjalani latihan tertentu dan 22 lagi dijangka akan dihantar dalam tahun ini. Latihan-latihan sedemikian akan dipergiatkan dan menjadi program berterusan untuk meningkatkan, bukan sahaja pengetahuan tenaga-tenaga pengajar mengenai bidang-bidang kemahiran terkini, tetapi mempertingkatkan kualiti dan methodologi latihan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, strategi untuk menyusun semula perindustrian negara yang termasuk pemindahan industri berintensifkan buruh ke negara lain tidak bermakna pekerja-pekerja, khususnya pekerja-pekerja tempatan akan kehilangan kerja dan mata pencarian mereka. Peluang-peluang pekerjaan di negara ini masih

banyak walaupun kita akan beralih kepada industri berintensifkan modal dan teknologi, termasuk automasi dan robotik yang menjimatkan penggunaan buruh. Apabila strategi-strategi itu berjaya dicapai kelak, tenaga manusia masih diperlukan untuk mengawal selia mesin dan robot dan mereka perlu mahir dalam penyelenggaraannya.

Justeru itu, kebimbangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa ramai pekerja-pekerja tempatan akan kehilangan pekerjaan dan dipinggirkan tidak tepat dan wajar tidak ketengahkan. Ini kerana ianya boleh membantutkan usaha-usaha kerajaan menjayakan peralihan kepada industri berintensifkan modal dan teknologi, di samping boleh menyemaikan pandangan negatif terhadap latihan semula dan meningkatkan kemahiran di kalangan pekerja-pekerja tempatan.

Sebaliknya, desakan, seruan dan galakan harus diberi kepada pekerja-pekerja kita untuk mendorong mereka merebut peluang-peluang latihan semula dan peningkatan kemahiran dan menyemarakkan budaya latihan di kalangan mereka, termasuk di kalangan para majikan.

Dalam masa kerajaan merancang peralihan itu, pekerja-pekerja tempatan dijangka sudah menerima latihan yang sewajarnya untuk menghadapi pekerjaan masa akan datang. Berbekalkan dengan kemahiran yang lebih tinggi dan lebih canggih, dengan sendirinya mereka dijangka akan mendapat upah yang lebih lumayan, sesuai dengan peningkatan dalam tahap kemahiran mereka dan juga produktiviti.

Proses-proses pengeluaran menggunakan teknologi, automasi dan robotik juga bertujuan meningkatkan produktiviti. Justeru itu, sistem upah yang dihubungkaitkan dengan produktiviti yang

dicadangkan oleh kerajaan dan disokong oleh pihak majikan harus diterima oleh para pekerja. Sistem tersebut akan menguntungkan semua pihak dan pasti boleh mendatangkan upah yang lebih lumayan kepada pekerja memandangkan produktiviti akan menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi masa akan datang.

Sehubungan itu, pemerhatian Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah bahawa mengawal harga tenaga buruh tempatan supaya sentiasa rendah demi menarik pelaburan asing tidak pernah menjadi strategi kerajaan dan memang diakui adalah satu pendekatan yang pasif. Sebaliknya kerajaan mengambil langkah-langkah seperti yang disebutkan tadi untuk meningkatkan upah pekerja-pekerja tempatan tanpa menjejaskan daya saingan keluaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menegaskan bahawa pekerja-pekerja kita sekarang akan dibangunkan seiring dengan arus perkembangan perindustrian berteknologi tinggi melalui latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran. Untuk menyokongnya, Kementerian Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia memperuntukkan geran latihan untuk latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran kepada pekerja-pekerja sektor swasta. Dalam hubungan ini, semua kursus yang dijalankan oleh majikan bagi tujuan melatih semula, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja seperti kursus dalam bidang teknikal, kraf, kualiti, produktiviti dan pengurusan layak mendapat bantuan kewangan di bawah kumpulan wang berkenaan. Kursus-kursus motivasi yang diserapkan dengan nilai-nilai murni keagamaan, kecemerlangan bekerja dan sebagainya juga layak dipertimbangkan untuk bantuan kewangan tersebut.

Justeru itu, persoalan Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang ingin

mengetahui sama ada sudah cukup peruntukan untuk meningkatkan kemahiran dan ketabahan jiwa pekerja-pekerja dan rakyat Malaysia sudah terjawab di atas. Saya ingin menambah bahawa pelatih-pelatih yang mengikuti latihan perindustrian di Institut Latihan Perindustrian di bawah Jabatan Tenaga Rakyat akan didedahkan dengan kursus berbentuk kemanusiaan anjuran Biro Tatanegara. Untuk memperkukuhkan lagi kekuatan fizikal dan mental mereka, pelatih-pelatih ini juga akan diwajibkan mengikuti salah satu aktiviti ko-kurikulum yang disediakan misalnya Pasukan Simpanan Tentera Darat, Pertahanan Awam dan Persatuan Bulan Sabit Merah. Begitulah seriusnya Kementerian Sumber Manusia menyediakan kemudahan dan peluang latihan kepada pekerja bagi mereka mendapatkan latihan yang secukupnya untuk pembangunan kemahiran dan juga insan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai 1 Julai 1993 hingga 10 Mei 1996 bilangan pekerja-pekerja yang telah menjalani latihan semula dan peningkatan kemahiran sudah mencecah angka 889,053 orang dan terus meningkat. Latihan tersebut membabitkan geran latihan berjumlah lebih RM200.59 juta. Saya berharap dengan kenyataan-kenyataan tadi, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat dari Keningau bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, Senai, Labuan dan Hulu Langat akan yakin bahawa Kementerian Sumber Manusia sedang giat berusaha menjanakan sebanyak yang mungkin pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran dan terlatih untuk menampung keperluan negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas perkara-perkara berhubung tenaga buruh wanita yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelang, Sepang, Santubong, Kepong, Senai dan Tumpat, kerajaan sedar akan potensi tenaga buruh

wanita meredakan tekanan kekurangan tenaga kerja kerana kajian menunjukkan sejumlah besar tenaga kerja di luar tenaga buruh adalah terdiri dapat suri-suri rumah (2.45 juta orang). Oleh itu, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menggalak dan menarik lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh misalnya menyeru sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak; menggalakkan majikan-majikan menyediakan asrama dan menubuhkan bahagian kaunseling khusus untuk pekerja-pekerja wanita dan menggalakkan konsep kerja home work, konsep separa masa dan waktu kerja anjal.

Sementara Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan cadangan dan pandangan yang bernas mengenai isu menggalakkan tenaga kerja wanita memasuki pasaran buruh, namun pandangan yang negatif sesetengah pihak harus dikikis dan dakwaan tidak berasas perlu disangkal. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mengesyorkan supaya kerajaan meminda semua undang-undang di negara ini yang dikatakan mendiskriminasikan wanita, di antaranya ialah Akta Kerja 1955 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia. Perkara ini tidak seharusnya timbul kerana kedua-dua akta ini tiada unsur-unsur diskriminasi antara pekerja wanita dan lelaki. Semua pekerja, baik lelaki atau wanita adalah dilayan secara saksama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Malahan pekerja-pekerja wanita mendapat faedah dan perlindungan yang lebih daripada pekerja lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Contohnya....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Sekejap. Contohnya pekerja wanita diberi cuti bersalin bergaji penuh dan mereka tidak boleh bekerja waktu malam tertentu kecuali dengan kebenaran daripada Jabatan Buruh. Saya hendak jawab habis dulu. Sekejap.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pula memilih untuk mempersendakan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penyertaan suri-suri rumah sebagai tenaga kerja negara. Seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah ikhlas dan mempunyai foresight kerana ianya adalah satu langkah ke arah meningkatkan penggunaan tenaga kerja tempatan, meningkatkan pendapatan keluarga dan mengurangkan penggantungan kepada tenaga kerja asing.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun beliau berusaha untuk menjawab tetapi mengenai undang-undang yang mendiskriminasikan wanita itu saya nampak dia kurang faham. Cuma saya mencadangkan supaya beliau berhubung dengan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terutamanya ia ada HAWA yang lengkap dengan pusat sumber yang termoden, memang ada banyak maklumat daripada situ yang boleh menunjukkan di mana peruntukan undang-undang yang Yang Berhormat sebutkan tadi yang mendiskriminasikan wanita. Bahkan juga Yang Berhormat Menteri di sini pun ada menyebutkan banyak kali, ada peruntukan-peruntukan mendiskriminasikan wanita. Cuma Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya berhubung dengan Menteri yang berkenaan supaya kita tahu di mana wujudnya diskriminasi.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-

kadang sesuatu pandangan menyatakan sesuatu peruntukan itu discriminate tetapi untuk orang yang lain—bukan. Ini subjektif. Misalnya kita tidak menggalakkan wanita bekerja di waktu malam kecuali mendapat kebenaran. Itu kadang-kadang dilihat sebagai satu discrimination tetapi dalam pandangan yang lain pula boleh dilihat untuk memberi perlindungan yang lebih kepada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sambil banyak telah diperkatakan mengenai pembangunan sumber manusia yang menjurus kepada keperluan industri masa akan datang, namun golongan pekerja sektor perladangan tidak akan diabaikan. Pekerja-pekerja estet dijangka akan juga dikehendaki melalui proses latihan semula dan peningkatan kemahiran kerana kerja-kerja di estet akan juga berubah menggunakan kaedah-kaedah pengeluaran teknologi moden. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang bahawa pekerja-pekerja estet tidak akan terpinggir dari arus pembangunan ekonomi negara. Kebajikan mereka sentiasa mendapat perhatian kerajaan.

Sehubungan dengan itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian menyeluruh mengenai masalah-masalah sosial di sektor perladangan. Jawatankuasa ini diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan dianggotai oleh beberapa kementerian termasuk Kementerian Sumber Manusia. Saya minta Ahli Yang Berhormat supaya bersabar dan memberi masa yang cukup untuk jawatankuasa itu menjalankan kajiannya dan mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor mereka kepada kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah menyatakan bahawa perkembangan perindustrian yang pesat di negara telah mengakibatkan pertumbuhan banyak kilang di negara ini. Beliau mengingatkan kerajaan supaya memberi perhatian

istimewa kepada pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk mewujudkan kesedaran dan menanamkan sifat bertanggungjawab di kalangan majikan dan pekerja bagi mencegah kemalangan perusahaan. Memang diakui isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah tidak kurang pentingnya di dalam agenda Kementerian Sumber Manusia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bilangan insiden kemalangan perusahaan di tempat kerja menunjukkan pengurangan yang positif. Ini diukur dari segi bilangan kemalangan yang dilaporkan kepada PERKESO kian menurun sejak 1992 sehingga 1995; sedangkan bilangan majikan dan pekerja bertambah dengan banyak. Pada 1992 bilangan kemalangan perusahaan yang berlaku di tempat kerja ialah 130,019 orang dan telah susut kepada 99,413 orang dalam tahun 1995. Sungguhpun demikian, Kementerian Sumber Manusia mengambil langkah-langkah berterusan mengurangkan lagi insiden kemalangan perusahaan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan isu berhubung syarikat-syarikat milik warganegara Taiwan yang beroperasi di negara ini dan telah bertindak tidak bertanggungjawab dengan cara memberhentikan operasinya dengan tiba-tiba dan menghilangkan diri tanpa membayar gaji dan faedah-faedah statutori kepada pekerja-pekerja. Beliau ingin mendapat kepastian dari Kementerian Sumber Manusia terutamanya mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk membela pekerja-pekerja yang telah menjadi mangsa kepada tindakan yang tidak bertanggungjawab itu. Ingin saya menjelaskan bahawa siasatan masih dijalankan dan tindakan-tindakan konkrit untuk menangani isu ini sedang dirancangkan. Di mana mungkin, Kementerian Sumber Manusia melalui

Jabatan Buruh akan membantu pekerja-pekerja yang terbabit mendapatkan bayaran-bayaran yang mereka layak mengikut peruntukan undang-undang.

Selain itu, satu sesi dialog sedang dirancang untuk diadakan dengan pengusaha-pengusaha dari Taiwan bagi menegaskan akan tanggungjawab mereka terhadap pekerja dan juga untuk mendapat kepastian bahawa masalah seumpama ini tidak akan berlaku.

Sementara itu satu pemeriksaan besar-besaran seluruh negara ke atas kilang-kilang milik warganegara Taiwan berjumlah 926 buah akan dijalankan untuk memastikan perbuatan yang didedahkan itu boleh dielakkan. Pemeriksaan itu dijangka akan diperluaskan merangkumi syarikat milik warganegara asing. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia ingin menasihatkan pekerja-pekerja supaya membuat laporan kepada Jabatan Buruh yang berdekatan sekiranya mereka telah menjadi mangsa ataupun tanda-tanda yang mereka menjadi mangsa kepada perbuatan serupa itu tidak kira kepada siapa majikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jawapan saya telah mencakupi semua perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia.

Bagi perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab di sini, kementerian ini memberi jaminan ianya telah diambil maklum, akan diberi penelitian dan pertimbangan sewajarnya. Dengan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan serta teguran membina bagi dijadikan panduan dan rujukan kepada Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

4.22 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Batu Gajah, Cheras, Sungai Benut, Johor Bahru, Sibul, Labuan, Keningau, Larut, Tanjong, Seremban, Sungai Petani, Bayan Baru, Balik Pulau, Kapar, Seputeh, Selangau, Bagan, Serdang, Sipitang, Pengkalan Chepa, Parit, Sepang, Bukit Bintang dan Bukit Mertajam yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat - Yang Berhormat dari Sungai Benut, Sibul, Keningau, Tanjong, Kepong, Cheras, Seremban, Bayan Baru, Kapar dan Selangau telah menyentuh isu perumahan terutamanya pembangunan perumahan kos rendah.

Ingin saya maklumkan bahawa pihak kerajaan masih terus memainkan peranan di dalam usaha membina rumah kos rendah terutama sekali dari segi pengawasan pembangunan dan kawal selia.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, program pembangunan perumahan akan diteruskan dengan memberi penekanan ke atas penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua warganegara Malaysia, terutama golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan akan memperkemaskan lagi peraturan yang sedia ada bagi menjamin pembangunan industri perumahan yang teratur. Sektor swasta akan memainkan peranan yang semakin penting dalam memenuhi permintaan perumahan. Beberapa langkah akan diambil untuk mempercepatkan pembangunan rumah kos

rendah termasuk meneruskan peruntukan Tabung Perumahan Kos Rendah untuk sektor swasta. Bagi melaksanakan projek perumahan baru, KWSP melalui MBSB akan turut serta dalam pembinaan rumah kos rendah. Sektor bank dan institusi kewangan akan menyediakan peluang yang lebih baik kepada golongan yang berpendapatan rendah dan mereka yang berada dalam sektor informal untuk memiliki rumah.

Bagi memastikan bahawa pembangunan perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan mencapai sasarannya, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan mempererat lagi kerjasama untuk mengesan dan menyelaraskan rancangan pembinaan dan pengagihan perumahan terutama sekali untuk rumah-rumah kos rendah.

Kerajaan akan menggunakan sistem pendaftaran berpusat bagi semua permohonan rumah kos rendah di setiap negeri. Di bawah sistem ini pemohon rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam dan swasta akan dipilih dari daftar pusat yang dikendalikan oleh kerajaan negeri. Langkah ini dibuat bagi menentukan pengagihan rumah kos rendah dibuat secara teratur supaya kumpulan sasar sahaja yang dapat membeli atau menyewa rumah kos rendah.

Aktiviti penyelidikan akan diteruskan untuk menghasilkan bahan binaan murah, tetapi berkualiti dan teknik pembinaan yang lebih baik. Ini akan memastikan rumah-rumah yang dibina berkualiti dan mampu dimiliki atau disewa oleh golongan berpendapatan rendah.

Mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Cheras, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah mengambil kira mengenai jumlah rumah kos rendah yang belum siap dalam Rancangan Malaysia Keenam, sektor

awam dan sektor swasta semasa menetapkan sasaran Rancangan Malaysia Ketujuh. Jumlah ini termasuk 29,000 unit rumah kos rendah oleh sektor awam dan 82,000 unit bagi semua kategori rumah oleh sektor swasta. Satu program baru iaitu rumah sederhana rendah telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah sendiri.

Mengenai Pelan Induk Perumahan yang dicadangkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil kira perkara ini semasa menggubalkan Dasar Perumahan Negara. Dasar ini dijangka siap akhir tahun ini.

Yang Berhormat dari Labuan telah menyentuh mengenai perancangan susun atur dan seni bina bangunan di taman-taman perumahan di seluruh negara dan menyarankan agar para arkitek perlu memainkan peranan penting dalam aspek ini. Kerajaan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan para arkitek perlulah menggunakan daya kreativiti yang lebih tinggi dalam mereka bentuk rumah kediaman.

Berhubung dengan reka bentuk pelan tataatur, tindakan-tindakan sedang diambil bagi memastikan daya kreativiti yang lebih tinggi digunakan bagi tapak cadangan topografi dan tumbuhan semula jadi bagi sesuatu projek pembangunan. Peruntukan-peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyediakan garis-garis panduan tertentu bagi membantu pihak pemaju dan badan-badan profesional melaksanakan peruntukan-peruntukan ini. Antaranya ialah yang berkaitan dengan penjagaan topografi semula jadi, pemuliharaan bangunan di lereng bukit, pemuliharaan pokok-pokok dan bangunan-bangunan bersejarah di tapak pembangunan,

keperluan kajian geologi dan geoteknik dan sebagainya. Garis-garis panduan ini apabila siap kelak akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara dan Kerajaan Tempatan untuk kelulusan dan pelaksanaan secepat mungkin.

Yang Berhormat dari Batu Gajah, Tanjong dan Kepong telah menyentuh mengenai isu IWK khususnya berkaitan cara kutipan bayaran pembetulan dan penyemakan semula kadar pembedaan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ini Tuaran bangun.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah kepada topik yang lain, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa negeri Sabah mengalami kesukaran untuk memenuhi atau menampung pembinaan rumah kos rendah yang begitu tinggi permintaannya di Sabah. Tetapi saya difahamkan bahawa kerajaan negeri walaupun dengan bantuan Kerajaan Persekutuan hanya mampu untuk membina lebih kurang 5,000 buah rumah kos rendah, sedangkan permohonan dianggarkan lebih kurang 14,000. Itu persoalan yang pertama.

Yang kedua, apakah dasar kerajaan mengenai pemaju-pemaju perumahan yang memang sedar tentang keperluan Kerajaan Malaysia untuk mereka menyumbang ke arah membina rumah-rumah kos rendah khususnya ataupun pembinaan rumah untuk semua rakyat Malaysia tetapi mereka lebih cenderung untuk membina rumah di luar negara.

Saya difahamkan bahawa beberapapemaju yang berasal dari Malaysia telah mula membuat pembangunan perumahan raksasa di negeri China. Adakah ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, padatkan soalan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, saya akan habiskan soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan buat ucapan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Adakah ini diambil perhatian di dalam pelaksanaan Dasar Perumahan Negara?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perumahan kos rendah yang masih berkurangan di Sabah, kita menyarankan kepada sektor swasta di Sabah dan juga kerajaan negeri supaya dapat berkerjasama, supaya apabila tapak-tapak perumahan ataupun taman-taman perumahan hendak dibangunkan maka disyaratkan sekurang-kurangnya 30% daripada kawasan-kawasan ini dibangunkan dengan perumahan kos rendah, supaya dengan cara ini akan ada subsidi bersilang (cross subsidy) yang dengan ini akan dapat mempraktikkan pembinaan rumah-rumah kos rendah. Kalau misalnya di Semenanjung, kita boleh menjual rumah kos rendah dengan harga RM25,000 tetapi di Sabah dan Sarawak harga ini tidak mungkin akan dapat dicapai oleh pemaju-pemaju.

Maka dengan sebab itu perlulah ada subsidi bersilang (cross-subsidy) yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada pemaju-pemaju ini supaya dengan cara ini pembinaan rumah kos rendah di Sabah dan juga di Sarawak dapat dipraktikkan. Satu cara yang hendak digalakkan ialah dengan mempercepatkan proses-proses,

misalnya, conversion tanah ataupun mengurangkan birokrasi dari segi sub-division, dengan izin, dan sebagainya. Ini akan dapat mengurangkan kos pembinaan rumah di Sabah dan juga di Sarawak.

Berkenaan dengan adanya pemaju-pemaju perumahan dari Malaysia yang memajukan perumahan di negara-negara luar, saya merasakan ini satu perkara yang boleh meningkatkan lagi kemajuan ekonomi negara kita. Kita patut berasa bangga, oleh kerana tidak cukupnya rumah yang hendak di bina di negara kita, maka mereka ini keluar dari negara kita untuk membangunkan rumah di negara-negara lain, misalnya, di negeri China dan sebagainya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ini satu perkara yang saya kurang jelas iaitu mengenai pemaju-pemaju. Pihak kerajaan juga selalu menyeru kepada pemaju-pemaju supaya membantu kerajaan membina rumah-rumah di negara kita, terutama rumah kos rendah dan banyak juga rungutan daripada pihak berkuasa tempatan bahawa pihak pemaju tidak berminat untuk membina rumah-rumah, terutama rumah kos rendah, tetapi mereka lebih berminat pula untuk membuat development di luar negara. Jadi, saya kurang faham dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini telah dibincang dan diambil kira untuk memajukan pembangunan perumahan di negara ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas (free enterprise) yang mana kalau misalnya pemaju-pemaju ini memikirkan mereka boleh mendapat keuntungan maka mereka akan membina rumah di Malaysia, tetapi kalau mereka tidak mempunyai tanah dan tanah juga tidak disediakan oleh kerajaan negeri, tetapi ada negara-negara



luar yang menyediakan tanah dan mereka berpendapat bahawa mereka boleh mendapat keuntungan di negara luar, maka sudah tentu mereka akan berhijrah untuk membina rumah di negara luar. Serupa juga, misalnya, kalau dahulu peladang-peladang ataupun tuan-tuan milik ladang akan membuka ladang di Malaysia, tetapi hari ini mereka membuka ladang, misalnya, di negara yang berjiran dengan Malaysia. Ini disebabkan peluang mendapat tanah lebih banyak di negara jirandan kemungkinan juga dengan adanya harga buruh yang lebih rendah, maka mereka membuka ladang di luar daripada Malaysia.

Jadi, saya merasakan bahawa ini tidak menjejaskan ekonomi Malaysia, malah akan mempertingkatkan lagi ekonomi negara kita. Tetapi kalau misalnya mereka mendapat tawaran untuk membina rumah dan mereka ada tanah di sini, tetapi tanah di sini tidak dimajukan, sebaliknya mereka pergi ke luar negara untuk majukan tanah di negara luar, maka ini bolehlah kita katakan bahawa mereka mementingkan negara luar daripada negara sendiri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sendiri menggalakkan warga Malaysia untuk melabur di negara-negara asing—satu langkah yang secocok dengan dunia baru dan global ekonomi dan sebagainya. Cuma bolehkah kementerian ini membuat kajian dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, berapa pemaju di negara ini yang mencari alasan untuk mengelakkan daripada membina rumah kos rendah? Ini memang banyak. Walaupun Yang Berhormat menyebutkan hampir 99% yang dapat memenuhi sasarannya, tetapi nampaknya ada sesetengah pemaju yang tidak membina, walaupun dasar kerajaan

itu menggalakkan mereka berbuat demikian, misalnya, di Bandar Utama di Petaling Jaya, tidak dibina satu unit pun rumah kos rendah—dengan alasan. Sebab itulah saya berharap Yang Berhormat dapat membuat kajian supaya kita tahu bilangan yang tidak mematuhi dasar ini.

Kedua, mengenai kualiti, walaupun tadi Yang Berhormat menyebutkan ada usaha untuk memastikan kualiti semua unit rumah kos rendah ini adalah baik, saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji dengan sendiri perbezaan kualiti di antara unit-unit rumah kos rendah di satu negeri berbanding dengan negeri yang lain. Mengapa di sesetengah tempat kualitinya lebih baik dan di sesetengah tempat kualiti itu sangat dahsyat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan projek perumahan di Bandar Utama, sebenarnya ini lebih terpulang kepada kerajaan negeri. Itu sebab tadi saya menyarankan supaya kerajaan negeri mengenakan syarat sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah yang dibina mestilah rumah kos rendah. Tetapi kalau misalnya kita ambil kawasan Wilayah Persekutuan, kemungkinan untuk membina rumah kos rendah yang berharga RM25,000 tidak sesuai lagi untuk Kuala Lumpur. Jadi, mungkin juga untuk Negeri Selangor, mungkin kerajaan Negeri Selangor boleh membuat keputusan bahawa kalau misalnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hendak dibina 150,000 unit rumah, maka 45,000 unit ataupun 30% mestilah rumah kos rendah. Kemungkinan yang dibina ini di luar daripada kawasan yang disebutkan tadi, tetapi ini sebenarnya terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri, cuma kita menyarankan kepada kerajaan negeri supaya daripada jumlah rumah yang dibina, 30% mestilah dibina rumah kos rendah untuk memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kualiti rumah, daripada segi kualiti, saya merasakan bahawa ini juga bergantung kepada pemborong atau kontraktor yang dipilih kerana dari segi kerajaan apabila kita membina rumah, kita mahu kualiti rumah yang baik, tetapi kalau Yang Berhormat ingin melihat satu blok rumah yang cantik, bolehlah kita pergi ke Jalan Jelatek di Datuk Keramat, kerana di situ baru siap dan masih belum diduduki—lebih kurang 300 unit rumah kos rendah yang dibina dan saya dapati pembinaannya cukup cantik dan kalau kita tidak tahu bahawa rumah ini rumah kos rendah, kita mungkin menyangka bahawa ini rumah kos sederhana.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Jalan Jelatek—saya akan pergi dan tengok dengan sendiri. Cuma Yang Berhormat sebutkan tadi, itu bidang kuasa negeri masing-masing, sebab itulah di dalam beberapa tahun ini kita nampak kualiti itu tidak begitu baik kerana arahan ataupun pujukan ataupun galakan daripada kerajaan pusat tidak sampai kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan dan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagaimana pihak kerajaan persekutuan dapat memastikan bahawa dasar Kerajaan Persekutuan ini dapat disampaikan dan diterima pakai oleh pihak negeri-negeri yang tertentu?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam akhbar di Selangor pun, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan satu projek di Negeri Selangor iaitu pembinaan lebih kurang 20,000 unit rumah kos rendah—kalau tidak silap di Puchong dan di Negeri Johor—satu projek perumahan kos rendah yang mungkin terbesar di Asia dilancarkan yang berjumlah 12,000 unit dan kemungkinan meningkat kepada 140,000 unit. Jadi ini akan disiapkan dalam masa 3 - 4 tahun akan datang.

Jadi, kalau kita lihat kepada perkembangan-perkembangan ini, kita

perlu melihat secara positif, saya mempunyai keyakinan bahawa target kita untuk mendapat 800,000 unit rumah dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dengan 30% sekurang-kurangnya rumah kos rendah akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Gajah, Tanjong dan Kepong telah menyentuh mengenai.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Timbalan Menteri pun bagus, dia kerja bagus, Tuan Yang di-Pertua. Kita kena sokonglah. Cuma masalah perumahan murah tidak akan selesai selagi rakyat ada di dunia ini. Sampai bila pun, boleh dikatakan semua rakyat bukan kaya semua. Yang susah pun banyak. Jadi, saya ingin mencadangkan kalau boleh setiap projek perumahan, setiap syarikat yang mengemukakan rancangan projek perumahan mereka itu, pihak majlis tempatan yang meluluskan pelan-pelan tersebut mesti memastikan bahawa peruntukan untuk rumah kos rendah ini mesti ada. Kerana saya faham kadang-kadang mereka ada kos tinggi, kos sederhana sahaja, kos rendah tidak ada. Hendaklah diwajibkan, kalau tidak ada kos rendah, maka pelan tersebut tidak boleh diluluskan. Jadi, hari ini majlis kerajaan tempatan, dengan arahan daripada kementerian, saya ingat dapat mengimplimentasikan program ini. Kalau tidak, maklumlah setiap syarikat perumahan, kalau dia tak boleh untung 30% dia tak buat projek. Minimumnya 30%. Jadi, keuntungan berlipat ganda, sedangkan rakyat yang marhain banyak. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya ini, mesti kalau tidak ada low cost, no approval, dengan izin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju, dan saya berharap supaya kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mengambil saranan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan ini dengan lebih serius lagi.

Yang Berhormat dari Batu Gajah, Tanjong dan Kepong telah menyentuh mengenai isu IWK khususnya berkaitan cara kutipan bayaran pembentungan dan penyemakan semula kadar pembentungan yang dilaksanakan oleh IWK. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa pihak kerajaan sedang membuat kajian yang terperinci mengenai caj pembentungan ini supaya satu kadar yang lebih realistik dan memenuhi kehendak rakyat dapat diputuskan. Ingin saya maklumkan juga bahawa dakwaan Yang Berhormat dari Kepong bahawa dewan orang ramai di Kampung Baru Balakong telah digunakan sepenuh masa sebagai pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri dari MCA adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pejabat yang terdapat di dewan orang ramai tersebut.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** .....adalah Pejabat JKKK, Kampung Baru Balakong, dan penggunaannya atas kebenaran dari Majlis Daerah Hulu Langat sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Serdang dan ADUN kawasan Balakong sebagai Wakil Rakyat tempatan hanya menggunakan dewan itu sebulan sekali untuk berjumpa dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Ia tidak digunakan bagi maksud politik. Perjumpaan tersebut diatur oleh JKKK yang berkenaan dan tidak

merupakan satu pusat perkhidmatan tetap sepertimana yang didakwa. Untuk makluman Yang Berhormat, pusat Ahli Parlimen Serdang, ADUN Balakong dan Pejabat MCA cawangan Balakong berada di tempat yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana beliau tidak pernah ke situ.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat hendak bantu diakah ataupun hendak minta penjelasan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Minta penjelasan, boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Siapa Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, beri dia peluang. Dia hendak minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *(Menyampuk)*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya minta penjelasan. Rompin sibuk sangat. Sibuk sangat dengan Rompin. Adakah Yang Berhormat pernah pergi ke Balakong pada akhir-akhir ini. Adakah Yang Berhormat tengok—*(Sambil menunjukkan gambar)* gambar saya tunjukkan. Gambar ini jelas. Saya buat permohonan juga kepada kementerian dahulu. Tunjuk kepada saya bagaimana saya dapat mengadakan, menyekatkan dewan orang ramai di kawasan saya, di kawasan-kawasan di mana ada ADUN dan Ahli Parlimen DAP, kita minta dewan orang ramai disekat

kepada dua belah; sebelah kita jadikan pusat perkhidmatan SA dan ADUN dan Ahli Parlimen DAP, dan juga bersama dengan JKKK, dan juga badan para penduduk di situ, kita bersama-samalah, mungkin seminggu sekali ataupun sebulan sekali. Kita bersama-sama seperti yang dilakukan di Balakong. Sebab itu dibenarkan. Ini tidak salah dia kata.

Inilah kami hendak mempelajari iktibar tersebut. Kami akan berasa gembira jika Yang Berhormat dapat memberitahu kami cara-cara untuk menjayakan permohonan tersebut, sepertimana yang dilakukan oleh Ahli Parlimen dan ADUN di Balakong. Dan setelah mendapat maklumat atau pengajaran daripada Yang Berhormat, kami akan mengemukakan permohonan dengan cara-cara yang betul kepada pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak yang berkenaan untuk mengadakan sistem yang sama, iaitu sistem yang baru ini untuk perkhidmatan kepada rakyat. Dan saya boleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak soalkah.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):**.....ataupun sekadar hendak baca surat sahaja, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu soalan. Soalan ada banyak lagi. Satu soalan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Padatkan soalan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan padatkan dengan sepadat-padatunya. (*Ketawa*) saya beri perkhidmatan dengan sendiri, tidak ada wakil saya untuk memberi perkhidmatan. Kalau Yang Berhormat boleh memberi pengajaran kepada saya, saya akan adakan pusat

yang sama di dewan orang ramai di kawasan-kawasan DAP untuk memberi perkhidmatan secara langsung dengan baik, dengan sopan-santun pula. Bolehkah Yang Berhormat beri jawapan yang tepat?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pusat ini tidak digunakan oleh Ahli Parlimen Serdang dan juga ADUN kawasan Balakong untuk pejabat mereka. Tetapi hanya digunakan sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk-penduduk sebulan sekali. Dan kemungkinan yang tidak perlu ada ialah lambang ataupun yang menunjukkan bahawa ianya pejabat. Tetapi ianya hanya digunakan sebulan sekali sebagaimana yang saya dimaklumkan oleh penduduk-penduduk di situ, bukan oleh Ahli Parlimen atau ADUN, tetapi oleh penduduk-penduduk di situ yang dihubungi oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bagaimana cara DAP hendak memohon untuk mendapat tempat dan sebagainya. Saya rasa ini tidak penting, tidak perlu. Kerana yang penting ialah bila Wakil Rakyat pergi ke situ, penduduk datang. Jadi, itu sebenarnya bukan pejabat Wakil Rakyat, tetapi hanya tempat berjumpa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya, adakah Yang Berhormat—tadi bila dia sebutkan, saya nampaknya dia tak pernah pergi ke kawasan itu. Selepas saya bantu dia dengan gambar foto pun tak begitu faham lagi. (*Sambil menunjukkan gambar*) Ini dituliskan 'Pusat Perkhidmatan' dengan lambang MCA dan Barisan Nasional, dacing di situ. Adakah itu kemungkinan

kita letakkan lambang 'Roket' di situ? (*Ketawa*) Barisan Nasional boleh, DAP tak boleh menggunakan dewan orang ramai.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Roket di bulan. Roket naik bulan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita hendak letak lambang DAP di situ juga kalau boleh, dan adakah Yang Berhormat sanggup menolong rakyat di situ, kerana mereka tidak ada dewan orang ramai. Kalau kita gunakan sebagai penceroboh di situ, separuh daripada dewan, macam mana mereka boleh gunakan untuk majlis jamuan dan sebagainya. Ini masalah. Di dalam itu sudah tidak ada tempat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak menjadikan dewan ini sebagai tempat untuk mencari publisiti murah. Beliau tahu kalau misalnya DAP hendak sewa dewan di Gerik, anytime boleh datang ke Gerik, kita beri sewa Dewan Majlis Tempatan, PAS hendak kempen pun kita beri kerana saya rasa tidak ada kerajaan di Asia ini terutama di Tenggara Asia yang lebih demokratik daripada Kerajaan Barisan Nasional. Tidak usahlah kita hendak main politik di dalam Dewan ini. Saya rasa kalau DAP hendak gunakan dewan ini minta sahaja kepada Pengerusi Kampung Baru ini, mereka boleh guna, ini bukan kuasa Menteri, bukan kuasa Timbalan Menteri, kuasa Pengerusi Kampung Baru tadi.....

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** .....Serupa juga dewan di kampung-kampung, pengerusi JKKKlah yang menjaga dewan-dewan ini.

**Seorang Ahli:** Lu ciloklah! (*Kepada Yang Berhormat dari Kepong*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini.....

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya teruskanlah.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat dari Tanjong berkaitan dengan pemulihan sistem pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan adalah terlalu umum. Sesungguhnya sistem yang diamalkan sekarang adalah paling sesuai dengan kehendak serta keperluan pembangunan dan keadaan struktur sosial serta budaya negara kita. Ini terbukti bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah antara yang tertinggi di rantau ini. Yang Berhormat dari Tanjong harus sedar sebab sebahagian besar daripada pembangunan yang berlaku adalah tertumpu di dalam kawasan-kawasan yang ditadbir oleh kerajaan tempatan.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku sejak kebelakangan ini, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Di antara langkah-langkah tersebut ialah menyediakan peruntukan yang mencukupi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi memperbaiki sistem perparitan dan saluran serta sungai-sungai di seluruh negara yang sering kali menyebabkan berlakunya banjir kilat. Untuk tahun 1996 sahaja Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM100 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan longkang dan parit di negara ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan sememangnya memandang berat mengenai isu pengurusan dan pelupusan sisa pepejal dan bercadang untuk

menswastakan pengurusan sampah di negara ini. Dalam program penswastaan ini pelbagai teknologi yang lebih moden akan diperkenalkan. Ini termasuklah penggunaan incinerator serta kitar semula sampah sarap. Dengan memperkenalkan sistem-sistem ini, maka amalan pelupusan sampah secara terbuka akan diganti dengan sistem pelupusan yang lebih selamat.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut mengenai isu kesan pembangunan kepada alam sekitar seperti pemotongan pokok-pokok dan kejadian tanah runtuh, ingin saya maklumkan bahawa pihak kerajaan memang prihatin dan mengambil langkah-langkah yang wajar supaya alam sekitar tidak terancam hasil daripada kesan pembangunan. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih ketat bagi sebarang pembangunan fizikal seperti mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri mewajibkan pemaju mengemukakan laporan geco-technical bagi pembangunan di lereng bukit dan sebagainya. Selain daripada itu, beberapa akta, undang-undang kecil dan peraturan dipinda jika terdapat kekurangan pada undang-undang tersebut dalam menangani masalah ini antaranya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989. Semua ini dilakukan oleh kerajaan semata-mata untuk menjamin mutu alam sekitar kita terpelihara dan dalam masa yang sama kita mengecapi pembangunan yang pesat.

Mengenai isu pusat-pusat permainan video seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan tidak lagi membenarkan penubuhan pusat-pusat video bagi permainan yang berunsur negatif seperti keganasan seks dan

perjudian. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak akan menghalang pusat-pusat video yang mengadakan aktiviti-aktiviti yang berunsur kekeluargaan, dengan izin, family amusement.

Yang Berhormat dari Bayan Baru antara lain telah membangkitkan isu penggunaan tandas awam. Kerajaan amat prihatin mengenai isu kebersihan tandas awam ini dan banyak pihak berkuasa tempatan telah menswastakan pengurusan kebersihan tandas-tandas awam ini melalui kontrak kepada pihak-pihak yang berminat. Dalam Pertandingan Program Bersih dan Indah yang dimulakan lima tahun dahulu, satu kriteria yang diambil kira ialah kebersihan tandas awam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Pendidikan awam juga dititikberatkan oleh kerajaan bagi memastikan supaya program-program kebersihan tandas awam berjaya.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan isu pasar malam. Ingin dimaklumkan bahawa pihak berkuasa tempatan sememangnya mengambil tindakan mengenai tahap kebersihan di pasar-pasar malam. Tong-tong sampah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan di tapak pasar malam untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan dilakukan selepas tamat perniagaan. Pihak berkuasa tempatan juga adalah diarahkan supaya mengenakan syarat-syarat dalam pengeluaran lesen supaya tiap-tiap peniaga menjaga kebersihan kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Kerja Raya.

4.56 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan

Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Cheras telah menyentuh tentang keputusan kerajaan membenarkan Syarikat Kamunting Corporation Bhd. meneruskan pengutipan tol untuk selama 7 tahun lagi selepas tempoh perjanjian konsesi tamat pada 7hb Jan 1996. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa mengikut Perjanjian Kontrak Konsesi yang telah ditandatangani pada 15hb April 1985, tempoh konsesi bagi projek tol Jalan Kuching adalah selama 9 tahun dan tamat pada 7hb Jan 1996.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 1987, syarikat konsesi telah diarahkan untuk menjalankan beberapa kerja-kerja tambahan yang berjumlah sebanyak RM14,591,000. Kerja-kerja tambahan yang dimaksudkan termasuklah pembinaan plaza tol baru, pelebaran lintasan keretapi supaya menjadi empat lorong dua hala, pemindahan dan menaikkan taraf perkhidmatan utiliti seperti penukaran dari paip AC kepada paip MS dan pembinaan lorong motosikal. Perbelanjaan untuk menampung kerja-kerja tambahan tersebut telah dibuat melalui pinjaman daripada sumber asing iaitu Union Bank of Switzerland. Dalam urusan pertukaran mata wang asing untuk menampung kerja-kerja tambahan yang diarahkan itu, pihak syarikat konsesi telah menghadapi kerugian sebanyak lebih kurang RM10 juta. Tambahan kos yang dialami oleh syarikat konsesi adalah berjumlah RM24,951,000.

Mengikut Artikel 38 kepada Perjanjian Kontrak, kerajaan boleh mengarahkan syarikat konsesi menjalankan kerja-kerja tambahan yang di luar daripada kontrak asal. Artikel 38 juga membolehkan syarikat konsesi diberi imbuhan bagi perbelanjaan yang dikenakan untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan itu secara melanjutkan tempoh konsesinya. Ini akan membolehkan syarikat menampung tambahan kos melalui hasil pungutan tol. Kementerian telah mengkaji tambahan kos sebanyak RM24,951,000 itu dan setelah mengambil kira ramalan trafik yang dibuat dalam tahun 1987 mendapati tempoh tambahan selama 7 tahun lagi adalah diperlukan bagi membolehkan syarikat konsesi mengutip balik perbelanjaan tambahan yang dibuat. Dalam tahun 1988, kerajaan telah bersetuju dengan perlanjutan tempoh konsesi selama 7 tahun mulai 8hb Jan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa walaupun keputusan untuk melanjutkan tempoh konsesi selama.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat ....

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:**.....tujuh tahun telah dibuat dalam tahun 1988.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalnya ialah kenapa keputusan masa itu 1988 untuk melanjutkan tempoh konsesi untuk dilanjutkan lagi 7 tahun, yang optional, tidak pernah diumumkan walaupun inilah yang patut dibuat demi kepentingan orang ramai dan ini dirahsiakan?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, soal perkara ini diumumkan kepada rakyat atau tidak ianya tidaklah menjadi masalah. Kalau pun orang tahu dahulu dan sekarang, saya fikir tidak ada bezanya kerana kenyataannya adalah bahawa kalau pun kerajaan mengumumkan dahulu dengan tujuan yang telah saya katakan tadi iaitu memberikan peluang oleh kerana syarikat konsesi diarahkan membuat kerja-kerja lain daripada yang termaktub dalam perjanjian konsesi dan jika diberitahu sekarang, maknanya sama juga, kerajaan akan membayar balik, sama ada melalui melanjutkan tempoh konsesi atau mengcompensatekan syarikat konsesi yang menjalankan tugas ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapati bahawa sebab Kamunting Corporation dibenarkan untuk terus mengutip tol dan diberi kebenaran untuk melanjutkan tempoh konsesi 7 tahun lagi ialah oleh kerana tambahan kerja RM24 juta pada tahun 1987. Ini bercanggah dengan keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa konsesi ini dilanjutkan lagi untuk tempoh 7 tahun ialah kerana perbincangan yang sedang dijalankan untuk upgrade kemudahan dan membuat perubahan-perubahan untuk menampung kenaikan trafik. Itu adalah dua sebab yang berbeza. Apakah sebenarnya rasional mengenai perlanjutan konsesi ini?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat kena dengar dahulu saya habiskan baru Yang Berhormat dapat tahu mengapa. Itulah, saya ingat saya bacakan dahulu dan kalau ada persoalan, Yang Berhormat boleh bangkitkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa walaupun keputusan untuk melanjutkan tempoh konsesi selama 7 tahun telah dibuat dalam tahun 1988,

kerajaan hanya mengeluarkan gazet untuk melanjutkan tempoh konsesi selama 6 bulan sahaja dahulu, iaitu belum lagi—7 tahun. Ini adalah bagi membolehkan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri meneliti keperluan-keperluan pelaksanaan beberapa kerja-kerja tambahan baru yang luar daripada skop konsesi asal.

Kerja-kerja tambahan ini adalah bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar Jalan Kuching. Jadi, maknanya dalam hal ini setelah mengambil kira unjuran trafik pada tahun 1998 dan jika difikirkan sekarang mungkin trafik bertambah, sama ada wajar atau tidak tempoh yang diberikan itu munasabah untuk membolehkan Syarikat Kamunting memungut balik RM24 juta, termasuk interest atau bunga, sama ada wajar atau tidak dan itulah sebabnya ianya masih dalam pertimbangan kerajaan.

Jadi, seperti saya katakan tadi, walau bagaimanapun, keputusan ini belum lagi dibuat dengan secara rasmi untuk membenarkan Syarikat Kamunting meneruskan selama 7 tahun. Hanya 6 bulan sahaja buat sementara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah ini bererti bahawa ada dua sebab dalam perkiraan untuk keputusan yang akan diambil untuk mungkin melanjutkan tempoh konsesi selama 7 tahun, pertama oleh kerana pertambahan kerja pada tahun 1987 sebanyak RM24 juta, kedua mengenai upgrading kemudahan-kemudahan di jalan tol, adakah benar bahawa Kamunting Corporation sudah ada membentangkan satu cadangan untuk upgrading tol Jalan Kuching itu yang akan menelan belanja sebanyak RM800 juta, walhal kos asal ialah RM100 juta dan kalau begitu, bukankah ini bererti bahawa bukan sahaja tempoh akan dilanjutkan lebih daripada 7 tahun, tetapi tol adalah sangat tinggi?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan tadi,



bahawa oleh kerana perkara ini masih dalam pertimbangan dan banyak perkara yang perlu diambil kira daripada semua aspek, jadi tidak ada apalah yang kita katakan walaupun barangkali betul ada pihak Kamunting menghantar cadangan yang berjuta-juta ringgit. Tetapi kerajaan dalam memikirkan perkara ini perlu mengambil kira kepentingan umum.

Jadi, oleh kerana itu, kita akan tunggu keputusannya bagaimana. Sama ada kerajaan akan bersetuju dengan cadangan-cadangan, kalau ada daripada Kamunting atau tidak. Jadi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjong bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai cadangan Kamunting untuk RM800 juta itu, apakah keadaan sekarang? Adakah ini diterima atau ia ditolak atau adakah ini digantikan dengan cadangan-cadangan yang lain?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab pada setakat ini soal sama ada diterima atau ditolak kerana kita tahu dalam hal-hal ini, memang ada orang yang berminat dalam mengendalikan tol Jalan Kuching ini.

Oleh kerana itu, terserahlah kepada pihak kerajaan, khasnya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk memikirkan sedalam-dalamnya yang boleh memberikan jawapan yang sebaik-baiknya di dalam masalah menangani perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa ada orang yang berminat untuk mengendalikan tol ini. Adakah ini bererti bahawa ada cadangan yang diterima baik

dari EPU atau kementerian yang berkenaan mengenai pengendalian tol Jalan Kuching. Selain daripada Kamunting Corporation, berapa cadangan ada diterima?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapatlah memberitahu berapa banyak, tetapi memang kita tahu ada orang berminat dalam perkara ini. Jadi, terlalu awal untuk saya memperkatakan di sini. Jadi, setakat itu sahajalah yang dapat saya jawabkan.

Di dalam hal lain pula, Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyentuh tentang kebenaran kepada PLUS untuk menaikkan kadar kutipan tol sebanyak 24 kali di dalam tempoh konsesi 30 tahun sehingga tahun 2018.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa perjanjian konsesi menetapkan bahawa mulai tahun 1996, PLUS dibolehkan menaikkan kadar tol mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu berdasarkan perjanjian konsesi, kenaikan tol bagi kenderaan kelas satu iaitu motokar ialah daripada 7.5 sen sekilometer kepada 10 sen sekilometer pada tahun 1996.

Bagi tahun-tahun selepasnya atau seterusnya, tol akan dinaikkan dalam kadar 6% atau mengikut Indeks Harga Pengguna, mengikut mana-mana yang lebih rendah. Kenaikan tol bagi tahun 1996 masih lagi dalam pertimbangan kerajaan dan belum lagi diputuskan.

Saya ingin menerangkan bahawa di dalam membuat pertimbangan mengenai kenaikan tol, keupayaan PLUS untuk menunaikan obligasinya, khususnya obligasi membayar balik pinjaman kewangannya dan juga obligasi penyelenggaraan lebuh raya di sepanjang tempoh konsesi juga akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga supaya ditubuhkan

Badan Penyemak Pensiwaan untuk menyemak semula kadar bayaran tol, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kadar bayaran tol tidak ditetapkan sewenang-wenangnya oleh kerajaan. Ianya ditetapkan hasil kajian terperinci ke atas unjuran kewangan dan unjuran bilangan trafik di sepanjang tempoh konsesi berjalan.

Dalam menetapkan kadar bayaran tol, fakta beban kewangan ke atas pengguna adalah menjadi asas pertimbangan yang utama. Atas asas ini, kerajaan telah memberi beberapa kemudahan kepada syarikat konsesi seperti pinjaman sokongan atau pun soft loan dan pendahuluan bagi pengambilan balik tanah.

Dengan kemudahan-kemudahan ini, kadar tol dapat dikurangkan. Oleh itu, adalah tidak perlu satu badan ditubuhkan untuk menyemak kadar tol kerana asas-asas yang akan digunakan oleh badan ini tidak akan lari dari asas-asas yang juga digunakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sungguhpun cadangan PLUS untuk menaikkan kadar tol 33%, kalau ia ditolak, ia tidak akan menjejaskan keuntungan atau profitability PLUS dan ini tidak patut dijadikan satu alasan untuk menaikkan atau meneruskan tol itu?

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, ini boleh jadi dugaan sesiapa sahaja, tetapi sebabnya mengapa ianya masih tertangguh sejak Januari sampai sekarang belum ada sebarang jawapan ialah oleh kerana kerajaan masih meneliti dengan mengambil kira kepentingan pengguna jalan raya yang telah banyak diperkatakan berhubung dengan kenaikan ini akan menyebabkan implikasi yang lain.

Jadi, oleh kerana itu, kerana pihak PLUS mendakwa mereka terpaksa

membayar pinjaman yang besar dan buat masa ini mereka rugi dan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh kerajaan, Unit Perancang Ekonomi perlu membuat kajian dan penelitian yang sedalam-dalamnya sama ada benar-benar PLUS rugi dalam perkara ini atau tidak, maka barulah dapat keputusan yang saksama dan adil sebelum sebarang keputusan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah meminta supaya jejambat kenderaan di persimpangan Jalan Pesisiran Perling dan Jalan Skudai di persimpangan Jalan Gelang Patah dan Jalan Skudai di persimpangan Jalan Pontian dan Johor Bahru dapat dilaksanakan supaya mengelakkan atau menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya yang serius di jalan itu.

Berhubung dengan masalah-masalah lalu lintas di negeri Johor, saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan pembinaan tiga persimpangan bertingkat di sepanjang Jalan Persekutuan 1 di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Persimpangan-persimpangan bertingkat tersebut akan dibina di sepanjang Jalan Johor Bahru ke Skudai iaitu di Tampoi, Skudai dan Gelang Patah.

Menyentuh tentang kesesakan di persimpangan Jalan Pesisiran Perling dan Jalan Skudai, saya ingin memaklumkan ianya sedang dikaji oleh syarikat konsesi Projek Laluan Kedua iaitu Link Kedua Bhd. Satu cadangan penyelesaian akan dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah membangkitkan berkenaan pembangunan infrastruktur terutamanya pembinaan jalan pesisir di negeri Sarawak yang dapat membuka banyak regional growth centres yang dapat menghasilkan banyak keuntungan kepada orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Jalan Pesisir Pantai di negeri Sarawak telah diberi keutamaan oleh kerajaan negeri. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 5 projek jalan pesisir pantai iaitu Jalan Matu-Igan Oya, Jalan Lundu-Sampadi Lelang, Jalan Tanjung Manis-Rejang-Beloi, Jalan Teriso-Melebu-Usa dan Jalan Lingga-Sebuyau dan peruntukan diluluskan untuk projek ini ialah sebanyak RM124 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapit meminta supaya diluluskan peruntukan pembinaan jalan raya bagi menghubungkan Bahagian Kapit dengan bandar-bandar utama di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh terdapat dua buah projek jalan raya yang diluluskan untuk dilaksanakan iaitu Jalan Raya Nanga-Machan dan Jalan Raya Nanga Nungun-Jagau-Ulu Ngemah. Kedua-dua jalan tersebut yang panjangnya 42 kilometer dan diperuntukkan wang peruntukan sebanyak RM25 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan mengenai lebuh raya Pantai Timur dari Karak, Kuantan dan Kuala Terengganu lewat dimulakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek lebuh raya pantai timur merupakan satu projek yang besar yang memerlukan koordinasi pelbagai pihak. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, projek menyumbang kepada pembangunan koridor lebuh raya yang akan didirikan. Memandangkan bahawajajaran lebuh raya tersebut akan merintasi sebahagian besar negeri Pahang dan negeri Terengganu, maka persetujuan pihak-pihak negeri diperlukan bagi menentukan jajaran yang bakal dipilih pula. Selain daripada aspek tersebut, pihak kerajaan juga perlu meneliti ke atas aspek kewangan projek serta viability projek dan lain-lain perkara lagi. Rundingan ke atas lebuh raya pantai timur

masih sedang dijalankan sehingga ke hari ini dan belum ada sebarang penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah meminta supaya pembinaan jalan-jalan baru di Sandakan diberi perhatian untuk menampung bilangan lalu lintas yang semakin bertambah dan aktiviti-aktiviti perindustrian yang semakin meningkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah meluluskan pembinaan Jalan Lintas-Sibuga dan melebarkan Jalan Labu. Jalan-jalan ini bertujuan untuk menampung bilangan lalu lintas yang semakin bertambah dan aktiviti perindustrian yang semakin meningkat di kawasan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kluang meminta supaya dinaikkan taraf jalan dan jambatan di daerah Kluang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah disediakan bagi daerah Kluang terutamanya untuk projek memperelokkan Jalan Kluang-Jemaluang di laluan Persekutuan 50 Kluang-Johor. Di samping itu, projek jambatan lintasan kereta api di bandar Kluang juga akan disiapkan dalam masa tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Beaufort telah membangkitkan projek pembinaan Jalan Raya Beaufort-Mempakul dan Lebuh raya Pan-Borneo supaya dapat dimulakan lebih awal. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sedang berunding dengan beberapa buah syarikat kontraktor untuk melaksanakan projek Jalan Raya Beaufort-Menumbuk dan Mempakul. Sekiranya rundingan ini berjalan mengikut jadual, kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan pada bulan Ogos 1996 ini.

Bagi Lebuh raya Pan-Borneo, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan projek Jalan

Beluru-Long Teru dan Long Lama, laluan kedua Lutong-Kuala Baram dan jalan dari Langa Medamit-Kuala Medalam-Bukit Buda dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu telah membangkitkan lebih banyak lebuh raya dalam negeri Terengganu dibina misalnya di antara Kuala Berang ke Kuala Terengganu bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ada disediakan untuk memperelokkan dan menaikkan taraf jalan-jalan dalam negeri Terengganu. Bagi jalan-jalan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu, kerajaan akan mengambil perhatian terhadap masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu dan pihak JKR akan mengambil tindakan bagi mengenal pasti serta merancang kerja-kerja bagi melebarkan jalan tersebut untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai perlunya persimpangan bertingkat di lebuh raya Utara-Selatan mempunyai jalan masuk/keluar dua lorong untuk setiap hala. Beliau telah memberikan contoh Persimpangan Bertingkat Juru di mana jalan keluar masuk adalah sempit dan mempunyai hanya jalan satu lorong setiap hala sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedar mengenai masalah jalan yang sempit di kawasan-kawasan perindustrian di Seberang Perai terutamanya di kawasan berhampiran Persimpangan Bertingkat Juru di Lebuhraya Utara-Selatan.

Sebenarnya syarikat konsesi PLUS telah pun menjalankan kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan 1 dan persimpangan di kawasan tersebut. Kerja-kerja menaik taraf ini telah pun disiapkan

pada bulan Januari tahun ini dan telah pun dibuka kepada lalu lintas. Dengan siapnya projek ini dapatlah dikurangkan sedikit kesesakan lalu lintas yang berlaku itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah bersetuju mengambil alih pengurusan beberapa batang jalan persendirian dan negeri terutamanya jalan-jalan yang menghala ke kawasan-kawasan perindustrian. Ini adalah untuk membolehkan kerajaan melaksanakan terus kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggarakan jalan-jalan berkenaan.

Bagi mengatasi secara keseluruhannya kesesakan yang berlaku di Seberang Perai, Pulau Pinang sukalah saya memaklumkan di sini bahawa kerajaan bercadang untuk melaksanakan sebuah projek besar yang dinamakan Jalan Lingkaran Butterworth (Butterworth Outer Ring Road). Projek yang akan dilaksanakan secara penswastaaan ini akan mengandungi jalan tiga lorong sehala dan apabila siap dijangka akan dapat mengatasi kesesakan lalu lintas di seluruh wilayah Seberang Perai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah membangkitkan isu pembinaan jalan raya Genting Highlands-Bukit Fraser dan Cameron Highlands. Sukalah saya memaklumkan bahawa pembinaan jalan raya ini masih dalam peringkat kajian termasuklah kajian mengenai kesan-kesan ke atas alam sekitar.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Baram telah menyentuh mengenai pembinaan jalan raya Pan-Borneo Highway. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Miri dan Merapok dihubungkan oleh sebatang jalan yang melintasi negara Brunei Darussalam. Jalan-jalan tersebut yang berada di Bahagian Miri dan Limbang telah pun siap dibina ke taraf jalan tar iaitu:

- (a) Jalan Miri-Lutong-Kuala Baram-Sempadan Brunei sejauh 35 kilometer;

- (b) Jalan Limbang-Sempadan Brunei sejauh 43 kilometer;
- (c) Jalan Limbang-Ulu Pendaruan sejauh 15 kilometer;
- (d) Jalan Lawas Temburong sejauh 25 kilometer; dan
- (e) Jalan Lawas-Merapok-Sindumin sejauh 34 kilometer.

Di sepanjang jalan sejauh 152 kilometer ini terdapat 3 batang sungai, iaitu Sungai Limbang, Sungai Pendaruan dan Sungai Terusan. Jambatan melintasi Sungai Limbang telah pun siap dibina pada tahun 1994. Manakala jambatan-jambatan bagi Sungai Pendaruan dan Sungai Terusan masih lagi dalam peringkat perancangan di antara Kerajaan Malaysia dan negara Brunei Darussalam kerana ianya melibatkan sempadan kedua-dua negara.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan pembinaan sebahagian daripada Lebuhraya Pan-Borneo iaitu:

- (a) dari Beluru-Long Teru-Long Lama sepanjang 75 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.
- (b) Jalan Nanga Medamit-Kuala Medalam-Bukit Buda-Limbang sepanjang 40 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM8.8 juta.
- (c) Jalan Kubong-Ulu Pendaruan-Limbang sepanjang 10 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sipitang juga telah membangkitkan pembinaan jalan utama di daerah Sipitang. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan beberapa projek di daerah Sipitang seperti berikut:

- (a) projek jalan dari Sipitang ke Beaufort sepanjang 40 kilometer di mana kerajaan sedang berunding

dengan beberapa kontraktor mengenai pelaksanaan jalan raya ini, peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak RM30 juta; dan

- (b) Jalanraya Beaufort-Menumbok-Membakul sejauh 90 kilometer, kerajaan juga sedang berunding dengan beberapa konsortium kontraktor mengenai pelaksanaan jalan ini dan peruntukan yang diuntukkan ialah sebanyak RM73.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian sahajalah penjelasan saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya dan saya berharap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang tidak dijawab, kami akan ambil perhatian bagi tindakan-tindakan kementerian selanjutnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan tumpuan sepanjang perbincangan berhubung dengan tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar.

5.24 ptg.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan iltizam yang

tinggi Yang Berhormat sekalian untuk bersama-sama membantu kementerian untuk membangunkan kawasan dan rakyat luar bandar, insya-Allah.

Sepanjang perbahasan tersebut banyak sekali perkara-perkara berkaitan yang telah dibangkitkan dan dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara tersebut telah menyentuh Program-program Pembangunan Rakyat Termiskin; Pembangunan Manusia; Pembangunan Infrastruktur Asas dan Peningkatan Ekonomi Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan rancangan lima tahun pertama dalam usaha membawa perubahan besar dan menyeluruh kepada sektor luar bandar. Untuk membawa perubahan menyeluruh ini, kerajaan telah menggubal falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar yang dijadikan teras kepada perancangan dan pelaksanaan strategi dan program pembangunan di luar bandar. Falsafah ini digubal untuk memastikan kawasan dan penduduk luar bandar tidak terpisah daripada arus perubahan pembangunan negara yang menuju ke arah sebuah negara yang maju berasaskan perindustrian. Ianya juga untuk memenuhi tuntutan kepada perlunya diadakan satu transformasi baru atau transformasi kedua kepada pembangunan luar bandar.

Transformasi pertama yang dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan telah banyak membawa perubahan kepada luar bandar yang dapat dilihat dari aspek penyediaan kemudahan asas dan penurunan kadar kemiskinan. Contohnya pendapatan bulanan purata isi rumah luar bandar telah meningkat dari RM951 pada tahun 1990 kepada RM1,300 dalam tahun 1995. Kadar kemiskinan luar bandar berkurangan daripada 21.1% tahun 1990 kepada 15.3% bagi tempoh yang sama. Manakala liputan bekalan air bersih telah meningkat dari

80% dalam tahun 1990 kepada 89% pada tahun 1995. Liputan bekalan elektrik luar bandar pula telah meningkat dari 80% pada tahun 1990 kepada 92% tahun 1995.

Sungguhpun pembangunan luar bandar telah bertumbuh dengan pesat, tetapi masih terdapat isu-isu yang merupakan cabaran kepada kementerian ini yang perlu diselesaikan pada masa hadapan. Isu terpenting ialah untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan isi rumah di luar bandar dan bandar yang sekarang ini didapati semakin meluas.

Pendapatan isi rumah di bandar pada tahun 1990 ialah RM1617 berbanding dengan di luar bandar RM951, manakala pada tahun 1995 jurang ini menjadi semakin meluas di mana di bandar pendapatan purata sekeluarga ialah sebanyak RM2,596 berbanding dengan di luar bandar hanya sebanyak RM1,300 sahaja. Perbezaan ini adalah kerana kebergantungan penduduk luar bandar kepada kegiatan ekonomi tradisi yang tidak berproduktiviti tinggi berbanding dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi di luar bandar.

Transformasi kedua ini cuba menggerakkan luar bandar menjadi kawasan yang lebih maju, lebih menarik dan menguntungkan. Dengan matlamat tersebut senario luar bandar pada tahun-tahun yang akan datang mestilah memiliki ciri-ciri desa yang berdaya saing, dengan kedua-dua sektor pertanian komersil moden dan industri sebagai aktiviti utama.

Perkampungan tradisi akan disusun dengan lebih teratur. Lebih banyak industri luar bandar, kecil dan besar harus dibawa ke kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama ciri-ciri desa yang teratur dan maju terus dikekalkan. Teras kepada falsafah ini adalah penekanan kepada pembangunan manusianya supaya penduduk luar bandar menjadi penduduk yang lebih berdikari, yang berdaya tahan,

berinisiatif, berilmu, memiliki etika serta nilai hidup yang murni dan boleh menjamin kemajuan mereka.

Rancangan Malaysia Ketujuh akan ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia, pengukuhan nilai kekeluargaan, pembangunan masyarakat berdikari, penyediaan infrastruktur yang lebih berkualiti, pembangunan ekonomi luar bandar yang lebih mampan, sistem penyampaian yang lebih berkesan dan pengwujudan institusi atau agensi kerajaan yang lebih bertanggungjawab untuk memenuhi matlamat falsafah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, isu pembangunan luar bandar yang paling banyak dibangkitkan adalah berhubung dengan kekurangan infrastruktur asas luar bandar khususnya di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Seramai 15 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang antara lain ialah ketiadaan bekalan air yang bersih dan bekalan elektrik serta terdapat banyak jalan-jalan yang tidak berturap dan kualiti jalan yang masih rendah.

Kementerian memang memandang berat ke atas penyediaan infrastruktur berkualiti di luar bandar dan dengan itu menjadikan ia sebagai satu inisiatif utama yang akan giat digerakkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Peruntukan sebanyak RM2.5 bilion atau RM2,500 juta telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk ketiga-tiga komponen utama infrastruktur asas luar bandar, iaitu bekalan air, elektrik serta jalan-jalan.

Dalam usaha meningkatkan liputan dan kualiti infrastruktur asas ini, antara pendekatannya ialah jalan-jalan luar bandar akan dilaksanakan dengan menggunakan piawaian-piawaian yang baru dengan kerjasama JKR bagi

memastikan mutu-mutu jalan adalah lebih baik daripada jalan-jalan yang dibina sebelum ini.

Bekalan air dan bekalan elektrik akan menggunakan pelbagai kaedah dan alternatif untuk mempercepatkan pelaksanaannya bagi kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Sadong, Beaufort, Tuaran dan Selangau membangkitkan isu mengenai peruntukan projek-projek infrastruktur dan utiliti di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi pengetahuan Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Persekutuan amat sedar mengenainya dan oleh yang demikian, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar kepada kedua-dua negeri tersebut. Sebagai contohnya, negeri Sabah dan Sarawak masing-masing dicadangkan peruntukan sebanyak RM160 juta dan RM150 juta ataupun kedua-duanya berjumlah RM310 juta bagi bekalan elektrik luar bandar dan ini merupakan 73% daripada jumlah semua peruntukan bekalan elektrik luar bandar yang disediakan daripada jumlah besar sebanyak RM425 juta.

Bagi peningkatan liputan bekalan elektrik luar bandar juga, kementerian saya akan mempergiatkan pengenalan kaedah-kaedah baru menggunakan tenaga solar, hybrid-system, set-generator, mini hydro dan sebagainya yang mula dilaksanakan secara besar-besaran mulai tahun ini bagi negeri Sabah dan Sarawak dan perkampungan Orang Asli di Semenanjung.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Selangau yang ingin tahu jumlah peruntukan luar bandar Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Sarawak adalah sukacita dimaklumkan jumlah peruntukan pembangunan infrastruktur luar bandar yang dicadangkan bagi negeri Sarawak ialah berjumlah sekurang-

kurangnya sebanyak RM312 juta dan negeri Sabah sebanyak sekurang-kurangnya RM302 juta. Angka ini boleh disemak bergantung kepada keupayaan pelaksanaan program di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Sadong dan Sri Aman telah membangkitkan mengenai keperluan infrastruktur khususnya jalan-jalan luar bandar di Sarawak. Kerajaan sedar akan keperluan yang telah dibangkitkan itu dan sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih sempurna di negeri Sarawak termasuk di kawasan Batang Sadong dan Sri Aman secepat yang mungkin. Walau bagaimanapun, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, disebabkan keluasan negeri Sarawak yang luas dan penempatan yang berselerak itu maka kos pelaksanaan infrastruktur di negeri ini menjadi amat tinggi dan menyukarkan dan ini melambatkan pelaksanaan pembinaan jalan-jalan di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Pokok Sena, Libaran, Yan dan Santubong telah membangkitkan isu jalan-jalan kampung yang masih belum diturap dan berdebu, khususnya di kawasan Parit Sulong, Johor dan beberapa tempat lain.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai keperluan pembinaan jalan-jalan yang lebih tahan dan berkualiti bagi menampung kegunaan kenderaan-kenderaan yang lebih besar dan lebih berat. Yang Berhormat dari Parit Sulong juga telah mencadangkan supaya kaedah penswastaaan jalan-jalan kampung yang dicadangkan dilaksanakan di negeri Johor, di mana kerajaan negeri akan mendahulukan peruntukan pembinaan bagi kos pembinaan jalan kampung di seluruh negeri Johor dan kemudiannya pendahuluan itu dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan.

Beliau juga mencadangkan satu dana untuk membiayai pembinaan jalan kampung di seluruh negara diwujudkan bagi satu tempoh yang tertentu. Kerajaan sedar masih banyak lagi terdapat keperluan jalan-jalan kampung di seluruh negara. Kajian terbaru kementerian menunjukkan keperluan semasa pada masa ini ialah sebanyak tidak kurang daripada 18,000 kilometer jalan-jalan kampung.

Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk memenuhi keperluan tersebut seberapa banyak dan seberapa cepat yang boleh. Walau bagaimanapun di sebabkan keperluan peruntukan yang tinggi berbanding dengan peruntukan yang terhad, kerajaan terpaksa menentukan pelaksanaan projek mengikut keutamaan yang ditentukan dengan kerjasama kerajaan negeri dan Wakil-wakil Rakyat sekalian. Kita menjangkakan keupayaan kita untuk melaksanakan sebanyak kira-kira 50% sahaja daripada keperluan yang dimaksudkan itu. Di samping itu kerajaan juga sedang mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti jalan kampung mengikut spesifikasi baru sepertimana yang telah saya terangkan.

Berhubung dengan cadangan untuk penubuhan satu dana bagi membiayai kos pembinaan jalan kampung, kementerian ini menyambut baik cadangan tersebut dan akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam. Ini termasuklah untuk mengkaji peranan dan sumbangan daripada mereka yang terlibat dalam penswastaaan lebuhraya yang besar dan membuat keuntungan yang banyak untuk melihat kemungkinan mereka untuk memainkan peranan membantu membina jalan-jalan kampung di sekitar dan berdekatan dengan lebuhraya yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Santubong telah membangkitkan mengenai dasar pembiayaan bekalan air luar bandar iaitu mencadangkan dasar



pembiayaan yang sedia ada iaitu sebanyak 80% dalam bentuk pinjaman dan 20% dalam bentuk grant ditukarkan kepada 80% dalam bentuk grant dan 20% dalam bentuk pinjaman. Mengenai perkara ini, Kabinet telah menyemak dasar tersebut dan membuat kajian yang teliti terhadapnya dan kerajaan berpendapat dasar yang ada sekarang perlulah dikekalkan memandangkan lebih banyak Jabatan Bekalan Air di negeri-negeri sedang dalam proses diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 4 Ahli Yang Berhormat membincangkan program pembasmian kemiskinan. Yang Berhormat dari Kepong telah menanyakan mengenai taraf garis kemiskinan di Malaysia. Dalam perkara ini, kerajaan telah menggunakan konsep pendapatan garis kemiskinan (poverty line income) sejak dari Dasar Ekonomi Baru lagi iaitu sejak dari Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1971-1975. Bagi tujuan perancangan, pendekatan Pendapatan Garis Kemiskinan amat sesuai untuk memberikan gambaran perubahan yang menyeluruh yang dicapai oleh kerajaan sejak bermulanya program pembasmian kemiskinan.

Pada masa yang sama, bagi tujuan perancangan yang lebih khusus atau di peringkat micro planning, pendekatan-pendekatan lain masih dan tetap juga digunakan dan angka yang ada tidaklah tetap malah dikaji dari semasa ke semasa agar memberikan gambaran tahap pendapatan yang sesuai bagi menentukan keadaan kemiskinan.

Yang Berhormat dari Sri Aman menanyakan apakah program atau rancangan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (Kepong)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong bangun dan minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penejelasan. Adakah Yang

Berhormat sedar bahawa perolehan (earnings)—kalau Yang Berhormat sanggup membuat kajian di dalam tempoh satu atau dua dekad, sejak bermulanya Rancangan Malaysia Kedua, Yang Berhormat akan mendapati bahawa ada perbezaan di antara perolehan (earnings) dengan pendapatan dan garis panduan yang digunakan oleh Yang Berhormat sekarang. Saya nampak daripada Rancangan Malaysia Ketujuh tidak ada perbezaan sangat di antara wilayah-wilayah dan juga di antara bandar dengan luar bandar, walhal kita nampak ada perubahan dari segi penghijrahan dari kampung ke bandar dan sebagainya. Ini memang angka yang diberi di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh itu tidak membayangkan keadaan yang sebenarnya—walaupun saya ada baca kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan pihak kementeriannya akan mengkaji masalah kemiskinan di bandar. Saya ada baca kenyataan itu satu atau dua bulan yang lepas. Walau bagaimanapun, cadangan saya ialah kita hendak membayangkan keadaan sebenarnya—pendapatan sahaja tidak cukup kerana kita mesti mengkaji perolehan (earnings) juga.

**Dato' Haji Annuar bin Musa:** Kita bersetuju dengan pandangan itu, malah dalam mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan mengenai kemiskinan pada minggu lepas kita telah bersetuju untuk membuat penelitian pada angka-angka ini, termasuklah satu kajian sedang dibuat untuk kawasan bandar dan untuk melihat juga kepada keadaan di luar bandar. Sebab itu saya katakan angka ini tidak semestinya tetap dan tentunya angka yang berbeza akan dipakai bagi luar bandar dan di bandar, malah untuk tujuan perancangan, kita bersetuju termiskin di luar bandar ialah pada tahap RM205.00 tetapi bagi dibandar ialah RM410.00.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Aman menanyakan apakah program atau rancangan untuk membasmikan kemiskinan dan program

pembangunan rakyat termiskin khasnya program bantuan ASB/PPRT. Bagi pengetahuan Yang Berhormat dari Sri Aman, kerajaan menggunakan bancian pendapatan isi rumah (households income survey) untuk menentukan kadar kemiskinan bagi tempoh sesuatu masa dan kajian ini dibuat secara berterusan dan termasuk melibatkan penduduk di negeri Sarawak juga. Program membasmi kemiskinan meliputi segala aspek pembangunan iaitu pembangunan ekonomi seperti dengan menggunakan kaedah pembukaan tanah-tanah baru untuk ditempatkan rakyat miskin, pembangunan semula tanah-tanah terbiar sepertimana yang dijalankan oleh Felcra, penanaman tanaman-tanaman komersil yang mempunyai produktiviti yang lebih tinggi, perikanan dan ternakan serta perniagaan kecil, pembangunan sosial seperti kesihatan, pendidikan, latihan kemahiran, latihan perubahan sikap, pembangunan infrastruktur asas dan sebagainya.

Kesemua program-program ini dilihat sebagai satu pendekatan bersepadu dan telah diwujudkan sekian lama. Kerajaan yakin dengan adanya program tambahan, bantuan ASB-PPRT ini akan dapat meringankan lagi dan membantu lagi kumpulan sasar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah mencadangkan supaya ditubuhkan yayasan pembasmian kemiskinan. Buat masa ini, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah yayasan yang khusus ataupun yayasan pembasmian kemiskinan, memandangkan di negeri-negeri telah pun ditubuhkan yayasan-yayasan sedemikian sebagai badan-badan bukan kerajaan atau NGO. Dalam pelaksanaan program PPRT sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh, penumpuan akan diberikan dan keutamaan akan diberikan kepada penglibatan NGO secara lebih meluas. Selain daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, yayasan-

yayasan membasmi kemiskinan negeri-negeri dan badan-badan, persatuan-persatuan belia dan sebagainya akan digalakkan untuk turut terlibat dalam program-program yang berkenaan. Satu seminar peringkat kebangsaan, 'Peranan dan Penglibatan NGO Dalam Pembasmian Kemiskinan' akan diadakan pada bulan Ogos yang datang ini.

Walaupun begitu, kerajaan juga telah mengadakan satu lagi program baru yang dinamakan Bakti Desa untuk mendorong selain daripada NGO, syarikat-syarikat korporat yang berkeupayaan untuk turut membantu membangunkan luar bandar yang antara lain termasuklah membantu pelaksanaan program-program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Alhamdulillah, sejak Bakti Desa ini mula dilancarkan, sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang membangkitkan isu mengenai pengagihan pembangunan dan masalah kemiskinan di antara wilayah di negara ini. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa negara kita yang kaya dengan hasil buminya walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu masih terdapat segelintir golongan rakyat yang masih lagi tinggal di dalam kemiskinan. Atas alasan itulah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM722 juta untuk menangani masalah kemiskinan. Dan daripada jumlah tersebut, RM200 juta diperuntukkan khusus kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menggubal program-program membantu kumpulan miskin dalam membuat perusahaan yang kecil. Ini adalah satu peruntukan yang besar kerana sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, Amanah Ikhtiar hanya diberikan sebanyak RM18 juta, dan kemudian Amanah Ikhtiar memohon dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM76 juta. Tetapi memandangkan kepada kecemerlangan dan keberkesanan program Amanah

Ikhtiar, kita bersedia memberikan peruntukan sebanyak RM200 juta dengan harapan Amanah Ikhtiar akan memperhebatkan dan memperluaskan programnya kepada kumpulan sasar di seluruh negara termasuk di Sabah dan juga di Sarawak.

Kita harap juga dengan program itu akan memungkinkan kita dapat menurunkan kadar golongan termiskin ke tahap 0.5%, iaitu dengan yang berbaki bagi golongan tua, uzur dan cacat sahaja, manakala yang lain akan digalakkan untuk bekerja dengan pelbagai kaedah bantuan dan bimbingan oleh kerajaan dan badan-badan NGO itu.

Di samping itu, program pembangunan insan akan diberikan penekanan bagi meningkatkan kesedaran, perubahan sikap dan menumpukan kepada aspek kerohanian, pembangunan keluarga dan juga peningkatan pengetahuan dan minda. Projek-projek ekonomi dan pembangunan insan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan dipelopori oleh Institut Kemajuan Desa (INFRA) atau dengan izin, Institute for Rural Advancement.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang juga membangkitkan isu pembangunan industri luar bandar sebagai satu strategi untuk mengimbang pembangunan wilayah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Marang, bagi program pembangunan industri luar bandar, sebenarnya sejumlah 310 projek dengan nilai RM22.9 juta, daripada keseluruhan 707 projek dengan nilai sebanyak RM53.6 juta yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebenarnya telah diluluskan untuk kelima-lima negeri, Kelantan, Terengganu, Kedah, Sabah dan Sarawak. Adalah tidak benar kalau dikatakan bantuan-bantuan ini hanya ditumpukan di negeri yang sahaja. Sejumlah 43.8% daripada pengusaha-pengusaha yang

menerima bantuan di bawah industri luar bandar adalah daripada negeri-negeri ini berbanding dengan kadar 35.7% yang sepatutnya diperolehi oleh negeri ini sekiranya pengagihan dibuat secara sama rata antara 14 buah negeri. Dari segi kos mesin yang diberikan, kelima-lima negeri ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Dato' Yan bangun. (*Ketawa*)

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap tahniah kepada Menteri fasal tolong orang kampung banyak. Cuma yang saya dapati atas bantuan industri luar bandar ini ialah dari segi pemasarannya. Jadi, ada syarikat-syarikat ataupun individu-individu yang mengusahakan bahan-bahan makanan dan sebagainya. Jadi, mereka menghadapi masalah dari segi pemasaran. Jadi, apakah cara kementerian agar masalah ini dapat diatasi dan pengeluaran mereka ini akan dapat dipertingkatkan, dan kualiti, mutu mereka ini dapat dipertingkatkan. Jadi, di kawasan saya ini, saya hendak minta tambahlah kepada Yang Berhormat Menteri yang saya amat sayang supaya tambah tiga lagi tahun ini, fasal banyak sangat orang-orang kawasan saya ingin berniaga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman, kementerian memang sedar tentang masalah pemasaran ini. Untuk tujuan itu, satu syarikat telah diwujudkan dengan dipelopori oleh gabungan modal anak-anak Syarikat RISDA dengan nama Nasco Trading, dengan sebahagian bantuan awal oleh kerajaan untuk menumpukan khusus kepada aspek memasarkan produk keluaran luar bandar itu secara lebih teratur

dan tersusun. Buat permulaan sebagai percubaan, satu jenis produk luar bandar dengan menggunakan jenama UMI telah pun mula menembusi pasaraya-pasaraya dalam negara kita, dan kita harap ianya akan dapat diperluas kepada produk-produk lain dengan adanya syarikat yang ditubuhkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Saya puashatilah dengan jawapan ini. Cuma kalau boleh FAMA diberi kesempatan bersama dengan Nasco ini untuk memasarkan, kerana pihak FAMA juga, saya difahamkan juga memasarkan barang-barang ini di peringkat antarabangsa. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju kalau FAMA dengan Nasco ini kita adakan usaha sama untuk mempertingkatkan lagi pemasaran keluaran-keluaran luar bandar ini?

**Dato' Haji Annuar bin Musa:** Jawabnya amat setuju dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga tidak pernah mengabaikan aspek industri kecil di luar bandar. Malah program industri luar bandar akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dengan lebih giat lagi dengan peruntukan kira-kira sebanyak RM19 juta. Dengan penerusan program ini, kerajaan percaya akan mencapai matlamat untuk meningkatkan jumlah usahawan luar bandar yang berkualiti dalam sektor industri selaras dengan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, memupuk dan membangunkan usahawan luar bandar yang berkualiti dan mengamalkan nilai-nilai keusahawanan yang tulen, menggerakkan dan membangunkan aktiviti industri yang berdaya maju dan strategik di luar bandar selaras dengan dasar perindustrian negara serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar dan mewujudkan kawasan luar bandar yang lebih maju, menarik dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk mengadakan semula aktiviti industri yang dijalankan secara sampingan, kerana pendekatan ini telah pun dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima dahulu dan didapati kurang berkesan. Sebaliknya penggunaan tenaga kerja di luar bandar akan digunakan secara lebih optimum dengan cara pengagihan semula supaya tidak wujud pengangguran secara tidak ketara. Ini bermakna dengan pengagihan semula tenaga kerja ini, petani-petani dalam bilangan yang ekonomik akan menumpukan sepenuh masa dan tenaga mereka dalam pertanian secara komersil, manakala tenaga kerja selebihnya adalah digalakkan digunakan di sektor-sektor lain, khususnya di sektor industri, walaupun sebahagian daripada mereka memerlukan sedikit latihan.

Sektor industri luar bandar ini di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya, akan juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk kampung dan membendung daripada berlakunya penghijrahan mereka ke bandar-bandar. Secara tidak langsung masalah sosial dan lain-lain masalah yang dikaitkan akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin telah menyentuh perlunya pendekatan baru dilaksanakan oleh Felcra dan Risda dalam usaha membentuk programnya selaras dengan arus perdana pembangunan di masa akan datang. Dalam hal ini, saya menjelaskan bahawa pendekatan kedua-dua agensi ini di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan ditumpukan kepada pembangunan tanah pertanian pekebun kecil secara komersil, di mana pengurusan secara perladangan dan berkelompok akan diutamakan. Di samping itu, usaha peningkatan produktiviti terus dipergiatkan melalui

penggunaan teknologi moden dan dengan menggalakkan penggunaan klon-klon yang bermutu dan memberi pulangan hasil yang lebih cepat dan tinggi. Penggunaan kaedah yang tidak menggunakan ramai tenaga buruh serta penggunaan bagi sektor estet getah, sistem-sistem baru termasuk sistem torehan kekerapan rendah atau dengan izin, 'low intensive tapping system.'

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Saya mohon sedikit penjelasan berkenaan dengan pengurusan Felcra dan Risda. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini mempunyai piawaian tertentu dari segi pengeluaran daripada ladang-ladang Risda dan juga Felcra, sebagai contoh macam Felcra mengadakan ladang kelapa sawit, adakah bagi sesuatu keadaan tanah dan sesuatu tempat diberikan atau dapat ditakrifkan berapa tan satu hektar pengeluaran kelapa sawit dan berapa tan satu hektar pengeluaran getah. Oleh kerana di kawasan saya ada sedikit perbezaan ataupun perbezaan yang ketara dari segi pengeluaran daripada kawasan Risda dan juga Felcra kalau berbanding dengan estet-estet yang diusahakan oleh pihak swasta dan perbandingan ini adalah perbandingan yang ketara bukan perbandingan yang 5% ataupun 10%. Saya mohon penjelasan, terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih. Sebenarnya ada bagi tujuan pengawalan mutu dan pengurusan produktiviti bagi estet Risda dan Felcra memang dirujuk kepada angka tunjuk berasaskan kepada prestasi di ladang-ladang swasta tetapi kita juga mengakui

adalah tidak mungkin dalam banyak keadaan ladang Felcra dan Risda dapat menandingi ladang-ladang swasta kerana kebanyakan ladang Felcra dan Risda ini dibuat secara small-holders grouping yang skilnya pada skil yang lebih kecil dan kurang berproduktiviti tinggi dan tanah-tanah yang dipilih juga bukanlah merupakan tanah yang terbaik kerana kita berasaskan kepada pemilikan tanah pada satu-satu masa, manakala bagi ladang komersil pada skil yang luas dan biasanya pada keadaan tanah yang lebih baik.

Walaupun demikian, kita memberikan satu panduan secara umum. Mereka haruslah berusaha untuk mencapai tahap kira-kira 80% berbanding dengan estet-estet komersil dan terdapat juga beberapa ladang-ladang Risda dan Felcra yang prestasinya seimbang ataupun setara dengan ladang-ladang komersil dan ini bergantunglah kepada kadar keluasan, mutu tanah serta pengurusan tempatan itu sendiri.

Berhubung dengan masalah masa depan Felcra dan Risda, sukalah saya memaklumkan pada masa ini, kerajaan khususnya EPU dan kementerian sedang menimbangkan beberapa cadangan untuk menyusun semula dan memberi garis panduan baru bagi Risda dan Felcra. Option seperti pengkorporatan dan penswastan sedang ditimbangkan dengan serius.

Walau bagaimanapun, oleh kerana ini semua mempunyai implikasi yang luas kepada penduduk luar bandar dan pekebun kecil, maka kerajaan dan kementerian mengambil langkah berhati-hati dan membuat kajian yang mendalam sebelum keputusan-keputusan tertentu dibuat mengenainya. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan Felcra dan Risda akan menggunakan pendekatan baru setelah perakuan-perakuan ini diputuskan oleh kerajaan tidak beberapa lama lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan penghargaan

dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh banyak perkara yang tidak dapat saya ulaskan kesemua pada petang ini dan kesemua pandangan itu, Insya-Allah, akan saya berikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebelum kita teruskan, saya ingin menjemput seorang Menteri mencadangkan Peraturan Mesyuarat 12(1).

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan dan diputuskan ke atas usul Menteri Kewangan yang tertera sebagai No. 3 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas dari itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan

ditangguhkan seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan dan diputuskan ke atas usul Menteri Kewangan yang tertera sebagai No. 3 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas dari itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

5.54 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di atas usul Rancangan Malaysia Ketujuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberikan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan ke atas program-program Rancangan Malaysia Ketujuh yang menyentuh

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yan, Machang dan Sungai Petani telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan pengambilan tanah dan Akta Pengambilan Tanah. Yang Berhormat dari Lumut telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan tanah simpanan Melayu, Yang Berhormat dari Rompin telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Felda, Yang Berhormat dari Kluang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan dan pembangunan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat menjawab soalan yang berkaitan dengan Akta Pengambilan Tanah, jadual pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 memperuntukkan pampasan yang diberi kepada tuan tanah adalah berdasarkan kepada nilai pasaran. Walau bagaimanapun seksyen 15 akta tersebut membolehkan pentadbir-pentadbir tanah, dengan izin, "enter into any arrangement with the person having an interest in such land in such a way as may be equitable having regard to the interest of the parties concerned".

Tuan Yang di-Pertua, mungkin peruntukan ini masih kurang difahami oleh pihak-pihak yang terlibat. Oleh itu, ianya akan diperjelaskan lagi dalam cadangan pindaan yang sedang dalam proses sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Yang Berhormat dari Machang, Akta Pengambilan Tanah 1960 sememangnya dalam rangka kajian semula supaya kepentingan tuan tanah terpelihara dan peruntukan-peruntutannya lebih telus. Kerajaan negeri telah diminta supaya lebih berhati-hati dalam pengambilan tanah ini. Malahan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

telah mengarahkan supaya kerajaan-kerajaan negeri memberhentikan mengambil tanah-tanah rakyat yang berasaskan kepada matlamat ataupun tujuan ekonomi. Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedang diambil untuk mempercepatkan urusan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Lumut, saya ingin memaklumkan mengenai kedudukan tanah-tanah rizab Melayu sehingga 1hb Januari 1995 mengikut negeri-negeri. Maklumat-maklumat tersebut adalah seperti berikut. Saya ingin membandingkan angka asal iaitu kedudukan semasa ERM diperkenalkan dan angka pada masa kini iaitu 1hb Januari 1995. Bagi negeri Perlis tanah simpanan Melayu ialah 37,348 hektar asal, sekarang 37,482 hektar bererti ada sedikit surplus. Kedah 964,911 hektar asal, sekarang 830,692 hektar, defisit ataupun kekurangan sebanyak 134,218 hektar. Wilayah Persekutuan, asal 1,067 hektar sekarang 787 hektar, Negeri Sembilan 207,738 hektar, sekarang 209,881. Johor, asal 275,562 hektar, sekarang 278,169 hektar, Pahang, asal 500,307 hektar, sekarang 518,021 hektar iaitu lebih daripada asal sebanyak 17,000 hektar. Terengganu 91 hektar, sekarang 91 hektar juga tidak ada perubahan. Kelantan 1,493,130 hektar dahulu iaitu asal, sekarang 1,493,130 hektar, tidak ada perubahan. Perak 884,120 hektar asal, sekarang 887,254 hektar iaitu defisit ataupun kekurangan daripada asal sebanyak 6,866 hektar. Selangor 161,658 hektar asal, sekarang 173,599 hektar iaitu kekurangan sebanyak 8,000 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah tanah simpanan Melayu apabila mula-mula ERM diperkenalkan ialah sebanyak 4.545937 juta hektar dan sekarang adalah berjumlah 4.4129110 hektar, bererti ada kekurangan sebanyak 126,800 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat dari Rompin supaya

dirangkakan satu strategi baru bagi pembangunan tanah oleh Felda, sukalah saya menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh agensi tersebut ketika ini adalah selaras dengan arus pembangunan negara. Sesuai dengan dasar kerajaan, Felda tidak lagi membangunkan tanah-tanah pertanian yang baru dan mulai tahun 1990, tidak ada pengambilan peneroka-peneroka dibuat.

Selain dari itu, untuk rancangan-rancangan Felda yang telah dikeluarkan hak milik kepada peneroka-peneroka, kerajaan tidak ada halangan untuk ianya dibangunkan semula bagi maksud-maksud lain sekiranya ia mempunyai potensi. Walau bagaimanapun, sebelum kelulusan pembangunan semula diberi, kerajaan akan memastikan bahawa kepentingan peneroka-peneroka adalah dijamin dan pembangunan semula tersebut akan benar-benar memberi faedah dan manfaat yang lebih besar kepada mereka.

Dalam hal ini juga, sukalah saya memaklumkan bahawa satu kajian semula dasar dan strategi pembangunan tanah serta agensi-agensi yang berkaitan sedang dilaksanakan. Tujuan kajian semula ini adalah untuk memastikan strategi pembangunan tanah di masa hadapan dan aktiviti-aktiviti agensi terlibat adalah sejajar dan selaras dengan main stream development of the country, ataupun dengan izin, pembangunan negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang iaitu berkaitan soal hak milik yang tidak diberi kepada peneroka-peneroka, ianya sebenarnya bukanlah merupakan satu isu. Semua peneroka Felda yang telah menjelaskan bayaran kembali akan diberikan hak milik. Penggunaan pekerja-pekerja ladang hanyalah bagi kawasan-kawasan perladangan yang tidak ditempatkan peneroka. Mereka dibayar

gaji upahan mengikut kadar sewajarnya berdasarkan upah yang diberi oleh ladang-ladang swasta.

Penggunaan buruh-buruh asing hanya dibuat bagi menampung kekurangan pekerja-pekerja tempatan. Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, sukacita dimaklumkan bahawa buat masa ini, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi melalui Jabatan Pembangunan Koperasi telah menyediakan satu tabung pinjaman yang dinamakan Tabung Modal Pusingan yang boleh dijadikan sumber modal bagi koperasi-koperasi yang berdaftar.

Pinjaman ini diberikan kepada koperasi-koperasi dengan syarat-syarat yang mudah untuk semua aktiviti ataupun projek koperasi yang berdaya maju. Buat masa ini, tabung tersebut mempunyai RM51.2 juta yang boleh digunakan sebagai pinjaman kepada koperasi-koperasi. Dalam tempoh masa 5 tahun yang lepas, antara 1991 hingga 1995, sebanyak 297 pinjaman telah dikeluarkan yang bernilai RM40.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, koperasi-koperasi adalah juga dibolehkan mendapat sumber modal daripada sumber-sumber lain termasuk institusi kewangan seperti Bank Rakyat, bank-bank komersil yang lain serta syarikat kewangan dan sebagainya.

Saya juga berterima kasih di atas pandangan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan gerakan koperasi. Pihak kementerian akan terus memainkan peranan mempertingkatkan daya maju koperasi melalui tindakan-tindakan:

- (i) memberikan nasihat dan bimbingan pendidikan dan latihan kepada ahli-ahli, ahli Lembaga dan pengurusan koperasi serta kakitangannya;



- (ii) memastikan koperasi mematuhi kehendak undang-undang iaitu akta, peraturan dan undang-undang kecil dalam mengendalikan urusan-urusannya; dan
- (iii) memberikan bantuan kewangan di mana wajar dalam bentuk pinjaman atau pun grant.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang, memberi pandangan di atas perkembangan kementerian saya.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Belia dan Sukan.

6.05 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, di antaranya, Yang Berhormat dari Parit Sulong, Batang Lupar, Larut dan Lumut yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan dan yang telah menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan bidang tugas kementerian ini dalam tempoh perbahasan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah mencadangkan supaya proses pengurangan kakitangan awam atau dengan izin, down-sizing of the civil service bagi beberapa kementerian, termasuk Kementerian Belia dan Sukan dimansuhkan kerana membabitkan generasi dan sumber manusia yang penting kepada kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Belia dan Sukan akan dibekalkan dengan sejumlah RM854 juta yang akan diagihkan antara lain, untuk:

- (i) membina Pusat Rakan Muda;
- (ii) membina 9 Institut Kemahiran Belia Negara yang baru;
- (iii) membina infrastruktur dan kemudahan bagi Sukan Komanwel;
- (iv) menaiktaraf Pusat Latihan Kemahiran yang sedia ada;
- (v) menggerakkan Program Pembangunan Sumber Manusia; dan
- (vi) membangunkan pusat-pusat rekreasi, kecergasan dan kemudahan kecil atau gelanggang.

Dengan tugas yang begitu berat sekali, nescaya kementerian tidak akan dapat melaksana dan menyempurnakan projek-projek yang telah dikenalpasti ini tanpa jentera pentadbiran yang kuat dan lengkap. Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia atau lebih dikenali sebagai MAMPU sedang menjalankan kajian semula struktur organisasi Kementerian Belia dan Sukan.

Insyallah, dengan hasil kajian kelak, Kementerian Belia dan Sukan akan dibekalkan dengan sumber manusia yang optimum untuk menjayakan segala perancangan, sama ada ianya berupa pembangunan fizikal atau hardware, dengan izin, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, mahupun yang berbentuk program software atau social engineering, dengan izin, yang menjadi teras kementerian ini.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa peranan Kementerian Belia dan Sukan

semakin mencabar dengan peningkatan saiz bilangan belia yang mencakupi lebih kurang 8.3 juta orang. Kementerian memerlukan lebih ramai lagi pegawai-pegawai profesional dalam mengendalikan pelbagai program dan aktiviti.

Dahulunya, Kementerian Belia dan Sukan hanya memainkan peranan sosio-budaya. Kini, kementerian perlu lebih berdaya saing dan mampu menangani permasalahan sosial dari segi preventive, dengan izin, supaya masalah belia tidak mengancam keselamatan negara.

Kementerian kini juga perlu memainkan peranan ekonomi dalam membangunkan seramai mungkin usahawan muda di samping melahirkan pemimpin sosial dan generasi pelapis yang mempunyai kekuatan mental, fizikal dan spiritual.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong menyebut dengan cara terperinci mengenai aspek-aspek pendidikan dan latihan sumber manusia yang penting untuk memperkasa generasi muda. Kementerian saya sedar akan wujudnya jurang perbezaan pengetahuan di antara generasi muda luar bandar dan generasi dalam bandar dan juga menyedari hakikat bahawa kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains pelajar luar bandar iaitu anak-anak Melayu dan bumiputera adalah punca ketidakupayaan mereka membaiki diri.

Di bawah RMK-7, penekanan Kementerian Belia dan Sukan adalah ke arah menyambut cabaran memperkasakan generasi muda dengan memperkenalkan pelbagai program latihan untuk menyediakan generasi belia yang berkemahiran di dalam bidang teknikal dan bukan teknikal. Peluang latihan kemahiran yang lebih meluas akan disediakan kepada golongan muda lepasan sekolah yang tidak dapat menyambung pelajaran mereka dalam aliran pendidikan formal.

Antara program-program yang akan disediakan adalah seperti berikut:

- (i) program khas pendedahan kemahiran kepada belia lepasan sekolah iaitu Program Jati Diri;
- (ii) kursus jangka pendek, dengan izin, fast track di peringkat daerah;
- (iii) Skim Perantis Belia Negara; dan
- (iv) latihan dalam bidang, dengan izin, soft skills seperti industri hospitaliti, teknologi maklumat dan perkhidmatan.

Kementerian menjangka akan dapat mengeluarkan 172,000 orang belia berkemahiran dalam berbagai jurusan di seluruh negara menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan juga tidak melupakan keperluan sumber manusia yang berkualiti dari segi pengurusan dan keusahawanan, kemahiran komputer, telekomunikasi, mekatronik, robotik dan lain-lain aspek kemahiran. Kesemua cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai kursus-kursus telekomunikasi, penulisan teks kreatif dan fotografi untuk perisian komputer multimedia dan interaktif akan kementerian saya timbangankan untuk dijadikan isi kandungan kursus latihan.

Yang Berhormat dari Batang Lupar membangkitkan mengenai penglibatan murid-murid sekolah dan NGO dalam program Rakan Muda. Sememangnya perangkaan Pendaftaran menunjukkan bahawa 62.2% pendaftaran program adalah daripada mereka yang bawah 18 tahun dan masih di bangku sekolah. Pelaksanaan Program Rakan Muda melibatkan berbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam banyak peringkat dalam satu jalinan kerjasama yang bersepadu. Misalnya, bagi mewujudkan pusat-pusat Rakan Muda,

Kementerian Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerjasama Kementerian Pendidikan juga akan diperlukan supaya program tersebut dapat dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah. Akan tetapi, setelah setahun pelaksanaan program tersebut, hasil kajian penilaian yang dijalankan kerajaan telah mendapati bahawa pada peringkat awalan ini, remaja-remaja bermasalah harus dijadikan kumpulan sasaran utama. Oleh yang demikian, satu cadangan pembaharuan telah dikemukakan supaya program ini dijuruskan kepada kumpulan sasaran utama yang lebih tepat iaitu belia bermasalah.

Kementerian saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Batang Lupa bahawa bimbingan anak-anak muda di sekolah tidak harus diabaikan dan sememangnya Kementerian Belia dan Sukan menyalurkan peruntukan kepada NGO yang bergerak aktif di sekolah-sekolah seperti Pergerakan Puteri Islam, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, St. Johns Ambulance dan lain-lain lagi. Sepanjang pelaksanaan program Rakan Muda, NGOs adalah pelaksana utama program kami.

Yang Berhormat dari Larut pula menyentuh tentang keperluan menarik anak-anak muda melibatkan diri dengan pasukan-pasukan keselamatan seperti Polis, Askar, Tentera Laut dan Tentera Udara. Sesungguhnya, selain daripada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri, kerajaan melalui agensi-agensinya yang lain telah menjalankan pelbagai kursus dan latihan berasaskan disiplin ketenteraan dan polis untuk menanamkan perasaan cintakan negara atau ketatanegaraan dari alam pendidikan sekolah atau institut pengajian dan untuk pekerja-pekerja sama ada dalam bidang perkhidmatan awam mahupun swasta.

Untuk menarik minat anak-anak muda untuk menyertai pasukan beruniform ala

tentera yang berdisiplin ketat dalam Program Rakan Muda, Briged Rakan Muda memberi penekanan kepada kegiatan separa ketenteraan dan mempunyai komponen ketatanegaraan dan juga latihan bina semangat yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

Di bawah Program Rakan Masyarakat, kementerian merancang untuk menggembelngkan tenaga dengan agensi-agensinya berkaitan untuk menggalakkan belia menyertai pasukan-pasukan sukarela seperti Kor Kota, Rukun Tetangga, Bomba Sukarela serta Pasukan Ketenteraman Awam, Rela dan Pasukan Simpanan.

Di samping itu, di bawah lima agenda perdana memperkasa pembangunan belia, Kementerian Belia dan Sukan menerusi program Pimpinan Perdana akan melatih dan membentuk barisan pelapis pemimpin yang akan membantu kerajaan dalam menggubal dasar, strategi dan program pembangunan generasi muda.

Yang Berhormat dari Arau, Sepang dan Mersing rata-rata menyatakan bahawa ada di kalangan belia yang menjadi pewaris masyarakat dan tamadun Malaysia menghadapi kerosakan akhlak. Program-program yang diolah kementerian berhasrat melahirkan generasi muda yang bertanggungjawab terhadap bangsa, negara dan agama.

Program tersebut mendedahkan mereka kepada pelbagai kegiatan, bidang-bidang keusahawanan dan kemahiran yang memberi manfaat di samping mencegah mereka daripada terbabit dalam gejala buruk. Sukacita saya maklumkan bahawa usaha akan diambil untuk memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan wibawa diri para peserta bagi melahirkan nilai positif di kalangan anak-anak muda yang menyertai program kementerian, tidak kira sama ada ianya di bawah program bina sahsiah atau yang berbentuk aktiviti kegiatan keusahawanan mahupun kemahiran.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu memberi perhatian bahawa program-program Kementerian Belia dan Sukan seperti Belia Niaga bertindih dengan program-program Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar atas kumpulan sasaran yang sama. Dalam keadaan di mana negara berhadapan dengan cabaran untuk menyediakan pekerja mahir dan usahawan muda yang mencukupi, segala usaha meningkatkan keluaran tenaga pekerja belia negara melalui berbagai pendekatan haruslah digalakkan. Gabungan tenaga agensi-agensi latihan awam ini sangat diperlukan supaya dapat menampung keseluruhan belia lepasan sekolah yang dijangka berjumlah seramai 200,000 setahun. Namun demikian, cadangan Yang Berhormat dari Hulu Terengganu supaya ketiga-tiga kementerian yang terlibat merangka satu jawatankuasa untuk menyelaras program yang ada persamaan adalah satu cadangan yang begitu baik dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun telah menyentuh tentang perkembangan sukan di negara ini yang amat menggalakkan. Beliau meminta supaya beberapa jenis sukan seperti bowling dan perahu layar yang kurang diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa kerajaan menggalakkan sesuatu sukan dengan membina kemudahan dan membantu melaksanakan program untuk mencungkil bakat. Tanggungjawab utama meningkatkan mutu permainan dan memajukan sesuatu sukan pada asasnya adalah tanggungjawab persatuan sukan yang terlibat. Dalam sukan yang menunjukkan prestasi yang menggalakkan seperti bowling dan perahu layar, kerajaan sememangnya telah memberi perhatian yang sewajarnya dalam bersama-sama melaksanakan program latihan atlit elit dengan persatuan-persatuan berkenaan.

Di samping itu, berasaskan kepada strategi 'satu negeri satu sukan', kerajaan

akan menggalakkan setiap negeri yang dikenal pasti memajukan sesuatu sukan dengan membina kemudahan serta memberi latihan sistematik sukan yang terpilih.

Dalam tempoh RMK-7....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun, hendak beri jalan?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada konsep 'satu negeri satu sukan'. Cuma saya minta penjelasan dari Yang Berhormat, sekarang pihak Badminton Association Malaysia (BAM) telah dengan bantuan daripada Yang Amat Berbahgia isteri kepada Perdana Menteri telah pergi ke banyak negeri termasuk Kedah, Wilayah Persekutuan dan sebagainya untuk menggalak perkembangan sukan badminton. Kalau hendak adakan satu negeri satu sukan, macam mana kita buat, kerana di semua negeri akan diadakan usaha untuk memupuk badminton supaya setiap negeri boleh mencungkil bakat. Jadi, macam mana kita boleh adakan 'satu negeri satu sukan'? Itu yang pertama.

Yang kedua, sistem yang ada sekarang, nampaknya ada kelemahan. Misalnya prestasi pasukan Piala Thomas di Hong Kong memang tidak memuaskan. Saya tidak berpendapat bahawa tiap-tiap kali kita pergi kita menang Piala Thomas—itu mustahil, cuma saya mempertikaikan tahap pencapaian, dengan wang yang begitu banyak yang diperuntukkan, dengan usaha yang begitu banyak yang ditumpukan kepada pasukan badminton kita, maka kita berharap prestasinya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang

Berhormat sila kemukakan penjelasan, minta penjelasan. Kita tidak ada banyak masa, kemuka terus, minta penjelasan, jangan berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya akan ringkaskan, kerana masalah ini berpanjangan iaitu sejak tahun 1992 kita menang Piala Thomas dan selepas itu saya pun ada membuat kritikan kerana cara yang dibuatnya tidak begitu betul. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan sistem yang kita ada sekarang ada kelemahan, adakah rancangan untuk memperbetulkan kelemahan-kelemahan di dalam sukan seperti badminton ini?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ingin saya nyatakan di sini bahawa negara kita menggalakkan mana-mana pihak untuk meningkatkan prestasi sukan yang ada di negara ini, tidak kiralah kalau ada persatuan yang mempunyai penaung yang begitu dedicated dengan sukan itu dan mahu sukan itu dipertingkatkan di semua daerah, saya kira rakyat Malaysia akan menerima seruan itu dengan baik. Ini saya rasa tidak menjejaskan tindakan Kementerian supaya setiap negeri mempunyai satu sukan yang mereka dapat excel, dengan izin.

Saya rasa tidak ada percanggahan di dalam konsep ada beberapa sukan untuk semua negeri. Malah dengan adanya tindakan seperti yang mana dijalankan oleh pihak BAM untuk menyediakan gelanggang untuk rakyat jelata, saya rasa ini adalah satu tindakan yang baik dan kita hendak menggalakkan semua persatuan sukan lain supaya mengambil tindakan seperti ini meningkatkan prestasi sukan yang ada di negara kita, bukan hanya untuk sukan elit dan prestasi tinggi, tetapi sukan yang boleh dinikmati oleh sekalian rakyat jelata di Malaysia.

Bagi menjawab soalan yang kedua, mengenai prestasi Piala Thomas, kami pihak

kementerian memang bersetuju bahawa prestasi yang ditunjukkan di pertandingan Piala Thomas agak mengecewakan dan menyedihkan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah meminta supaya Persatuan Badminton Malaysia melakukan post-mortem untuk meneliti segala kelemahan-kelemahan supaya tindakan dapat diambil bagi memperbaiki prestasi Pasukan Badminton dalam merebut Piala Thomas yang pernah dimenangi pada tahun 1992. Dalam post-mortem ini, sudah tentu peranan pemain-pemain profesional serta persediaan semua pemain-pemain menghadapi pertandingan Piala Thomas sebagai satu pasukan akan dibincangkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tidak puas hatikah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak puas hati, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan, saya hendak bantu, hendak tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti dahulu!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan atau tidak beri jalan?

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Okaylah, kita beri satu lagi chance.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu lagi chance, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas sahaja saya hendak tolong dia sahaja. Tiap-tiap kali ada pertikaian, nampaknya ada satu keluarga dengan badminton itu, yang mengeluarkan suara yang lantang. Saya nampak perkara ini tidak betul juga, kerana BAM yang menguruskan semua dan kalau ada satu dua keluarga yang monopoli pun tidak baik juga. Ini akan menjejaskan sukan badminton.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian, kalau kerajaan atau BAM yang menguruskan semua aktiviti sukan badminton, tidak ada satu-dua keluarga yang istimewa yang boleh campur tangan—itu baik, kerana ini menunjukkan dengan profesional badminton kita itu tidak begitu profesional kerana prestasi kita tidak nampak sangat. Ini saya menyarankan supaya kita mengambil perhatian, jangan kita menjejaskan prestasi kita kerana satu-dua keluarga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu-satunya sukan yang kita boleh menang. Saya tidak mengatakan bahawa tiap-tiap kali kita menang, kalau separuh akhir pun cukuplah kadangkala, kerana kita tidak boleh ada bakat yang begitu baik tiap-tiap kali—itu saya setuju. Tetapi saya berharap dengan ringkasnya, Yang Berhormat dapat mengambil perhatian.

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk sukan badminton tiada mana-mana pihak yang memonopolikan sukan itu. Secara kebetulan bahawa ada satu keluarga yang mempunyai anak-anak yang begitu berbakat tinggi di dalam sukan badminton dan mereka telah pun berkhidmat dan memberi jasa untuk negara. Jadi, selain daripada mengambil perhatian tentang prestasi sukan, saya rasa kita janganlah lupa jasa mereka kepada negara, oleh kerana mereka pun telah membawa pulang beberapa pingat untuk

negara kita. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita sentiasa mengawasi perjalanan sukan dalam negara.

Sepertimana saya katakan sekarang ini sukan badminton ada pemain-pemain profesional daripada Nusa Mahsuri dan Wira Tangkis misalnya dan ada juga pemain daripada BAM sendiri. Jadi, saya ingin menyangkallah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kerana ada mana-mana pihak yang monopoli dalam sukan badminton. Kalau boleh kita semua gembira kalau ada daripada keluarga 'Tan' misalnya yang ingin menabur bakti untuk sukan-sukan lain di dalam negara kita.

Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, sila teruskan.

**Puan Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menggalakkan setiap negeri yang dikenal pasti memajukan sesuatu sukan dengan membina kemudahan serta memberi latihan sistematik sukan yang terpilih.

Dalam tempoh RMK-7, negeri Melaka telah terpilih sebagai negeri yang akan membangunkan sukan kapal layar. Gandingan negeri dan sukan terpilih yang lain adalah seperti berikut:

Negeri	Jenis Sukan
Perlis	Memanah
Kedah	Sepak Takraw
Perak	Gimnastik
Johor	Olahraga
Pahang	Menembak
Terengganu	Lumba Basikal
Kelantan	Badminton
Sabah	Terjun Air
Sarawak	Angkat Berat

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sokongan kepada Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Usul RMK-7. Jika ada apa-apa perkara lain yang dibangkitkan dan yang memerlukan perhatian kementerian, ianya akan dilakukan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.30 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Marang, Libaran, Bandau dan Gelang Patah telah menyentuh mengenai perkembangan teknologi maklumat dan menyeru kerajaan supaya mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi ini kepada semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia berhasrat untuk mentransformasikan ekonomi dan juga masyarakatnya ke arah penguasaan maklumat. Dalam proses ini

teknologi maklumat akan menjadi satu komponen penting dalam pembangunan negara. Malaysia telah mengenal pasti peranan-peranan teknologi maklumat seperti berikut:

- (i) sebagai satu alat penting dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh industri Malaysia.
- (ii) sebagai satu sektor yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan menyumbang kepada pendapatan negara; dan
- (iii) sebagai satu alat untuk meningkatkan kebijaksanaan masyarakat Malaysia.

Program-program yang akan dilaksanakan tertumpu kepada 3 aspek ini. Program-program ini termasuk dalam Pelan Tindakan Teknologi Maklumat Negara yang dikendalikan oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN). Pelan Tindakan ini juga merangkumi program-program teknologi maklumat dalam industri di semua sektor ekonomi untuk meningkatkan produktiviti, kualiti barangan dan perkhidmatan yang disediakan. Industri Teknologi Maklumat (TM) dan telekomunikasi tempatan juga akan dimajukan melalui program-program tertentu.

Pembangunan Multi media Super Corridor (MSC) adalah merupakan platform untuk menerajui proses transformasi Malaysia ke ekonomi digital dan memberi peluang kepada industri Malaysia untuk berkongsi dan mengambil manfaat yang dibawa oleh syarikat asing untuk memajukan teknologi maklumat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dengan mengatakan Malaysia tidak merealisasikan kepentingan teknologi maklumat dalam pembangunan negara. Usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di sektor awam telah lama dijalankan. Usaha-usaha

yang diambil oleh pihak kerajaan adalah melalui perancangan dan penelitian yang mendalam. Ini adalah kerana teknologi maklumat adalah suatu teknologi yang sentiasa mengalami perkembangan dan perubahan yang sangat cepat dan pesat. Oleh itu, dengan pendekatan ini akan memberi peluang yang lebih kepada Malaysia untuk memilih teknologi yang terkini. Tambahan pula kita perlu membudayakan masyarakat Malaysia terlebih dahulu sebelum dapat melaksanakan rancangan teknologi maklumat dengan berkesan dan meluas. Proses ini memerlukan masa dan kajian yang teliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa Filipina mempunyai backbone Internet yang paling canggih di Asia. Negara lain seperti Jepun, Korea dan Malaysia adalah jauh lebih maju.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata begitu, saya tidak kata bahawa Filipina adalah 'backbone' yang terancang dalam Asia, tetapi saya ada sebut masa itu, apabila dibandingkan dengan Malaysia, masa itu ada laporan, dan saya pun bukan dalam keadaan untuk mengesahkan laporan itu benar atau tidak benar, tetapi menggunakan satu hujah sahaja. Sudah tentulah Filipina tidak ada 'backbone' yang terancang dalam Asia.

**Datuk Law Hieng Ding:** Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjong di atas perhatian dan minat Yang Berhormat di atas perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia adalah jauh lebih maju dari segi prasarana dan menggunakan Internet. Perkara ini telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa menggulung perbahasan

Rancangan Malaysia Ketujuh semalam. Penjelasan berkenaan menggambarkan Malaysia berada di barisan hadapan di dalam pembangunan rangkaian Internet dan ini meyakinkan lagi untuk mencapai impian Wawasan 2020 dengan secepat mungkin.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sebutkan, negara-negara lain juga mempunyai cita-cita untuk membina bandar rayacyber, walau bagaimanapun, dari kajian dan pemerhatian yang dijalankan di dapati Malaysia adalah negara yang pertama yang akan melaksanakan satu kawasan intelligence yang mempunyai ciri-ciri dan komponen-komponen intelligence yang terpilih. Dengan itu, Malaysia akan berada di barisan hadapan dalam bidang teknologi maklumat yang terkini di dunia.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sedar bahawa keadaan ini akan sentiasa mengalami perubahan dan kita hendaklah sentiasa meningkatkan teknologi maklumat untuk terus bersaing dengan negara lain. Dengan kepesatan pembangunan dari segi infrastruktur dan komunikasi, Malaysia akan berada di barisan hadapan apabila program-program infrastruktur dan telekomunikasi yang sedang dirancang dan dilaksanakan pada masa ini, khususnya di kawasan Multi media Super Corridor (MSC) di siapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin peruntukan sebanyak RM400 juta yang diberi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk JARING adalah mencukupi untuk memenuhi semua keperluan yang telah dirancang. Pada masa ini beberapa program sedang ditumpukan kepada peringkat pertama, iaitu peningkatan kesedaran masyarakat kepada kepentingan teknologi maklumat dalam pembangunan nasional. Program-program ini termasuk ceramah-ceramah, persidangan, keluaran-keluaran melalui media massa dan sebagainya. Majlis Teknologi Maklumat Negara juga sedang dalam proses menyediakan satu rancangan yang lebih bersepadu dan sistematik untuk



melakukan transformasi ke arah masyarakat berilmu. Di bawah Pelan Tindakan Teknologi dijelaskan secara terperinci maklumat yang sedang disediakan oleh MTMM.

Institusi-institusi pendidikan dan latihan di sektor awam dan swasta akan diminta mengambil bahagian dalam rancangan ini bagi memastikan tenaga manusia yang mencukupi dalam rancangan-rancangan pembangunan teknologi maklumat.

Pada 24hb April 1996 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menulis surat kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Presiden Dewan Negara untuk menawarkan sambungan Jaring Internet di Bangunan Parlimen. Sukacita dimaklumkan bahawa perkhidmatan ini telah pun dilancarkan dengan rasminya pada hari semalam.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kepada saya untuk menghadiri majlis di atas. Sungguhpun MTMM baru berfungsi sejak Januari 1995, ini tidak bermakna bahawa tidak ada perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan teknologi maklumat sebelum ini.

Dalam tahun 1980-an terdapat juga jawatankuasa-jawatankuasa seperti Jawatankuasa Prosesan Data Negara atau National Committee on Data Processing yang diberi tanggungjawab untuk merancang dan mengawasi program-program teknologi maklumat dalam sektor awam. Penubuhan MTMM merupakan langkah untuk memantapkan lagi perancangan teknologi maklumat di peringkat kebangsaan. Di antara program pertama yang sedang dirancangkan oleh MTMM adalah pelan tindakan teknologi maklumat. Pelan ini akan memberikan tumpuan kepada 8 bidang teknologi maklumat termasuklah.

- (i) pembangunan tenaga manusia.
- (ii) infrastruktur telekomunikasi.
- (iii) undang-undang multimedia.
- (iv) pembangunan dan perolehan teknologi.
- (v) penggunaan teknologi maklumat di sektor industri.
- (vi) pembangunan industri teknologi maklumat tempatan.
- (vii) pengkomputeran dan proses reengineering dalam kerajaan, dan
- (viii) lebuhraya maklumat negara.

Pada peringkat permulaan ini, tiga bidang akan diutamakan, iaitu pembangunan sumber manusia, infrastruktur telekomunikasi dan juga undang-undang multimedia. Pihak kerajaan telah juga menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan pembangunan industri teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Marang, Yan, Larut dan Seremban di atas sokongan dan cadangan supaya kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mengenai saranan supaya kerajaan mengawal penggunaan dan penerokaan hasil bumi negara supaya tidak menjejaskan alam sekitar, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan memang memberi perhatian serius terhadap pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar dalam perancangan sesuatu projek. Setiap aktiviti yang ditetapkan hendaklah menjalankan kajian penilaian kesan pada alam sekeliling dan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan memuassakan Jabatan Alam Sekitar sebelum aktiviti tersebut boleh dilaksanakan.

Perkara berhubung dengan projek Bakun telah beberapa kali dijawab dalam Dewan yang mulia ini, dan saya tidak bercadang

untuk mengulangi mengenai perkara ini. Rancangan pemindahan biomass untuk menyediakan kawasan tadahan empangan dalam rancangan pengurusan kawasan tadahan telah dijelaskan di dalam laporan EIA terperinci, Projek Hidroelektrik Bakun. Laporan EIA berkenaan setelah diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah dipamerkan kepada orang awam. Laporan EIA terperinci 'Reservoir Preparation' telah dipamerkan kepada orang awam mulai 25hb Julai 1995, dan laporan EIA terperinci 'Dam Auxiliary Facilities' telah dipamerkan kepada orang awam pada 23hb Disember, 1995. Manakala rancangan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan pembangunan Projek Hidroelektrik Bakun sedang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar sedang melipatgandakan usaha menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan sumber tenaga yang sedia ada, dengan cara memperkemaskan prosedur-prosedur untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memberi mekanisme tambahan kepada usaha meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan ini, contohnya melalui kuasa merekod kenyataan dan mengenakan denda yang tinggi.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang berusaha untuk menubuhkan pejabat-pejabat baru di seluruh negara bagi memperluaskan liputan untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawasan alam sekitar. Program-program latihan yang intensif dan sistematik sedang dirancang dan akan dilaksanakan tidak lama lagi untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai pelaksana Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kerajaan pada masa ini mempunyai program penguatkuasaan maritime yang

kemas dan teratur. Program ini melibatkan tenaga kerja dan sumber-sumber teratur daripada pelbagai agensi maritim yang telah dapat bekerjasama dengan begitu baik sehingga menghasilkan peningkatan pengesanan dan penangkapan kapal-kapal yang membuang minyak ke perairan Malaysia. Pusat penyelarasan penguatkuasaan maritim telah dapat memainkan peranannya dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini. Di samping itu, satu prosedur penyelarasan penguatkuasaan telah diwujudkan untuk digunapakai oleh semua agensi terlibat.

Mengenai cadangan menubuhkan pusat operasi tumpahan minyak di Pantai Timur, ianya adalah satu cadangan yang baik dan boleh dipertimbangkan oleh kerajaan. Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan perkembangan isurawatan sisa toksik di Bukit Nenas. Mengenai perkara ini, Kualiti Alam Sdn. Bhd. telah menjalankan kajian EIA ke atas projek kemudahan bersepadu, pengeolahan dan pelupusan buangan berjadual di Bukit Nenas, Negeri Sembilan. Laporan yang telah dikaji oleh panel pengulas bebas yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati tidak ada kesan significant ke atas alam sekitar yang boleh berpunca dari projek tersebut. Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar pada 26hb Ogos 1993 telah meluluskan laporan berkenaan dengan syarat-syarat pelaksanaan projek yang terperinci.

Bagi melindungi alam sekitar dan kesihatan orang ramai, kerajaan akan memastikan syarikat terbabit, merekabentuk kemudahan tersebut mengikut standard antarabangsa. Dalam hal ini, kerajaan akan mengawasi pelaksanaan projek secara ketat melalui di peringkat rekabentuk pembinaan dan operasi kemudahan tersebut. Selain daripada menjalankan kerja-kerja pengawasan ke atas kemudahan tersebut, kerajaan juga akan memastikan perkara-perkara berikut.

- (i) buangan yang dibenarkan dilupus di kemudahan ini adalah buangan yang telah diolah terlebih dahulu, dan
- (ii) mengadakan pelan contingency untuk menjamin keselamatan pengoperasian kemudahan dan pengangkutan buangan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kita supaya pembangunan yang sedang dialami oleh negara berdaya mampan. Dalam mengejar kemajuan sumber semula jadi negara, dengan izin, renewable perlu diguna tanpa pembaziran, dan yang tidak renewable diguna seoptimum mungkin bagi memanjangkan tempoh hayatnya.

Dalam pada itu, keseimbangan perlu dicapai supaya pembangunan pesat tidak akan memberikan kesan negatif kepada persekitaran seperti pencemaran kepada sumber air, atmosphere, kehidupan flora dan fauna. Justeru itu, Dasar Alam Sekitar Negara yang sedang digubal melihat alam sekitar dari perspektif yang lebih meluas. Ia mengambil kira interaksi alam sekitar dengan pembangunan ekonomi dan sosial, pengurusan sumber semula jadi, pendidikan dan kesedaran awam dalam menyediakan strateginya ke arah mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif. Dasar alam sekitar negara ini akan saling.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Law Hieng Ding:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada hasrat kementerian untuk meningkatkan kawalan alam sekitar dan rancangan yang diaturkan untuk berbuat demikian. cuma saya hendak mengetahui apakah rancangan untuk melatih kakitangan, untuk mengambil

kakitangan yang pakar untuk melaksanakan dasar tersebut kerana nampaknya ada kekurangan kakitangan di negeri-negeri dan juga di kementerian sendiri yang dapat melaksanakan dan menghayati konsep pemuliharaan alam sekitar. Apakah rancangan yang sedang diadakan oleh pihak kementeriannya untuk mencapai matlamat ini?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan minat mengenai pengurusan hal ehwal alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar memang ada mempunyai beberapa rancangan untuk menjalankan pelbagai latihan kepada pegawai-pegawai melalui bengkel, seminar atau mengadakan institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri atau di luar negeri dan juga melalui rancangan kita memaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam oleh kerana perlunya masalah ini diatasi, tambahan masalah alam sekitar kita memerlukan tenaga yang lebih dan ini adalah diambil perhatian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan ini dengan harapan bertambahnya kakitangan, masalah ini akan diatasi secepat mungkin di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung jawapan saya. Dasar alam sekitar negara ini akan saling melengkapi strategi pemeliharaan nasional yang bertujuan untuk memulihara sumber asli, memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan dan berterusan dan peningkatan keberkesanan pengurusan dan penggunaan sumber asli.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar adalah satu, dengan izin, public goods, sungguhpun ianya bukan kepunyaan sesiapa tetapi sekiranya ia tercemar, kesannya akan dirasai oleh semua golongan masyarakat. Di atas sifatnya yang sedemikian, kerajaan perlu memainkan peranan yang aktif untuk

melindungi alam sekitar daripada tercemar. Namun demikian, perlindungan dan pemeliharaannya tidak boleh diletakkan di atas bahu kerajaan semata-mata. Kecuaian atau sikap acuh tidak acuh masyarakat terhadap alam sekitar akan menjejaskan kesejahteraan semua, tidak kira sama ada ianya menjejaskan kesihatan, keselamatan ataupun hanya nilai estetik. Menyedari hakikat ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sering melibatkan badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan dalam aktiviti-aktivitinya ke arah melindungi dan memelihara alam sekitar. Program-program pendidikan dan kesedaran awam sering dilaksanakan bagi memperkenalkan nilai-nilai alam sekitar yang selamat, bersih dan sihat kepada masyarakat awam dari peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Larut, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan tidak membenarkan pokok-pokok ditebang dengan sewenang-wenangnya. Dalam pada itu, kerajaan memang menggalakkan penanaman pokok-pokok. Kempen-kempen ke arah tujuan tersebut telah dan sedang dijalankan bagi menyedarkan orang ramai akan kepentingan mengekalkan pokok-pokok yang sedia ada dan juga menanam sebanyak mungkin pokok. Kempen penanaman pokok bagi penghijauan negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5hb April 1996, diharapkan menjadi pendorong kepada semua pihak terhadap usaha untuk mengekalkan pokok bagi memelihara kualiti alam sekeliling.

Untuk menjamin pembangunan yang dijalankan di atas tanah bukit tidak menimbulkan kesan buruk kepada alam sekitar, kerajaan-kerajaan negeri telah bersetuju untuk menetapkan secara pentadbiran pada peringkat awal supaya kajian EIA dijalankan terlebih dahulu sebelum sesuatu pembangunan dijalankan di atas tanah bukit.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon sedikit penjelasan. Kalau kita tengok di Genting Highlands, kita dapati bahawa kawasan Genting Highlands begitu diterokai dan dibangunkan, pada hemat saya, tanpa memikirkan kesan kepada alam sekitar. Setakat manakah kuasa kementerian mengikut perundangan tertentu boleh menjamin agar pembangunan tidak lagi akan diadakan di kawasan Genting dan seterusnya untuk memberi nasihat ataupun memberikan kata dua kepada pihak pembangun kawasan Genting agar mereka ini tidak terus menerokai dan juga membangunkan kawasan Genting, pada hemat saya, tanpa memikirkan soal alam sekitar. Terima kasih.

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menarik perhatian saya kepada pembangunan di tanah bukit seperti Genting Highlands ini. Memang dalam hati saya selalu terhadap pembangunan di tanah-tanah bukit ini termasuk beberapa highlands di negara kita ini. Cara yang diambil oleh kementerian saya ialah satu, melalui penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Yang keduanya, kita menjalin kerjasama dari pihak kerajaan negeri termasuklah kerajaan tempatan dan ketiganya, kita melalui satu dialog secara langsung dengan pemaju-pemaju atau tuan punya tanah itu, menyedarkan mereka mengenai kepentingan menjaga alam sekitar semasa memajukan tanah-tanah itu. Dengan harapan ini kesedaran mereka dan kejadian tanah runtuh dan pencemaran atau keretakan tanah akan berkurangan dan sedikit masa

lagi masalah ini boleh diatasi. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah yang terjadi kepada satu cadangan yang telah dibuat baru-baru ini oleh Penasihat Ekonomi, Tun Daim Zainuddin bahawa ada satu, dengan izin, central highlands agency supaya bertanggungjawab mengenai segala aspek pembangunan dan perlindungan alam sekitar di bukit-bukit. Adakah ini di dalam perbincangan sama ada satu agensi seperti itu perlu diwujudkan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengenai perkara ini adalah satu cadangan yang sangat baik, tetapi walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya ada sedikit kesukarannya oleh kerana ini melibatkan undang-undang dan kuasa badan itu. Walau bagaimanapun, kerajaan khususnya kementerian saya telah memberi pertimbangan di atas cadangan mengenai perkara itu dan salah satu caranya ialah kita cuba menubuhkan satu jawatankuasa kecil di tempat yang dipandang lebih serius seperti Cameron Highlands, Frazer's Hill dan Genting yang melibatkan agensi untuk menyelaraskan pembangunan di tempat itu. Saya harap ini adalah satu titik permulaannya dan kalau ini dibuktikan berjaya dan mungkin ini akan diperluaskan kepada satu badan yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, syarikat Asian Rare Earth Sendirian Berhad (ARE) telah memberhentikan operasinya secara rasmi pada 17hb Januari, 1994. Walau bagaimanapun, kilang ini tidak menjalankan sebarang aktiviti sejak 25hb Julai, 1992 setelah diarah oleh Mahkamah Tinggi Ipoh.

Oleh itu, semenjak 25hb Julai, 1992 pihak ARE tidak menghasilkan sebarang

sisa radioaktif thorium hydroxide, kesemua sisa thorium hydroxide telah dihantar dan disimpan di kemudahan peng storan jangka panjang (long term storage facility).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebenarnya tidak terdapat tempat pembangunan sisa radioaktif di belakang kilang ARE sebagaimana yang didakwa. Pihak Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) telah menjalankan siasatan setelah menerima aduan daripada seorang bekas pekerja ARE pada tahun 1994 tetapi dakwaan itu kemudiannya didapati tidak benar. Pada masa ini kilang ARE tidak beroperasi lagi. Mesin-mesin yang telah tercemar masih terdapat di kilang tersebut dan belum ditanggalkan lagi.

Walau bagaimanapun, ianya sentiasa diawasi dari semasa ke semasa oleh LPTA. Mesin-mesin yang tercemar ini akan ditanggalkan dan dihantar ke kemudahan pengurusan sisa di Bukit Kledang, Mukim Belanja. Kemudahan pen storan jangka panjang yang terletak di Bukit Kledang, Mukim Belanja merupakan kawasan yang paling sesuai. Tapak ini telah diluluskan oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada Jabatan Kaji Bumi, Jabatan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear dan Kerajaan Negeri Perak.

Penilaian yang terperinci telah dilakukan sebelum kemudahan peng storan jangka panjang dibina dan ianya mengikut standard antarabangsa. LPTA sentiasa mengawasi kemudahan peng storan jangka panjang ini untuk memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku. Pengawasan fizikal dan alam sekitar sentiasa dibuat bagi memastikan keselamatan orang awam dan alam sekitar sentiasa dilindungi. Banjir pula tidak mungkin berlaku kerana kemudahan ini terletak di atas bukit. Kajian struktur tanah juga menunjukkan bahawa kawasan tersebut adalah stabil. Contoh air di bawah tanah sentiasa diambil dan dianalisa bagi memastikan tidak ada sebarang kebocoran berlaku.

LPTA sebagai sebuah badan penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan akan memastikan keselamatan orang ramai dan alam sekitar terjamin dan tidak akan menjejaskan mereka. Sehingga kini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan kesan-kesan negatif yang berlaku di atas penggunaan bahan radioaktif semasa pengendalian bahan-bahan tersebut dijalankan.

LPTA sentiasa menjalankan pengawasan dan pengawalan terhadap industri-industri yang menggunakan bahan-bahan radioaktif. Pengawalan penggunaan bahan-bahan ini amatlah ketat, di mana hanya bahan radioaktif atau radas penyinaran yang memenuhi standard antarabangsa sahaja dibenar digunakan di negara ini. Penggunaannya hanya dibenarkan sekiranya ia mendatangkan manfaat yang sebenar dan tidak ada menimbulkan sebarang keburukan yang ketara.

LPTA juga menetapkan dasar pengurusan sisa radioaktif di mana pengguna bahan-bahan berkenaan dikehendaki melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) menghantar kembali sisa radioaktif yang tidak digunakan ke pembekal asal di luar negara;
- (ii) menghantar sisa radioaktif ke Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MIRNT) untuk diurus; atau
- (iii) menyimpan sisa radioaktif di premis pengguna setelah mendapat kelulusan daripada LPTA.

Pengguna bahan-bahan radioaktif tidak dibenarkan sekali-kali melupus sebarang sisa radioaktif di merata-rata tempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandau, Senai, Gelang

Patah, Sibul dan Rompin telah membangkitkan pembangunan sains dan teknologi negara serta mencadangkan supaya kerajaan berusaha memperkembangkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) selain daripada menambahkan bilangan pakar-pakar sains dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan Malaysia untuk terus membangun dan mencapai matlamat sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Dasar Pembangunan Negara akan bergantung kepada kemahiran dan keupayaan kita menguasai bidang sains dan teknologi termasuk teknologi maklumat.

Saya menyokong penuh kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa teras strategi pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi untuk mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi untuk pasaran dunia.

Untuk menjamin kejayaan Malaysia hendaklah menyediakan tenaga kerja yang terlatih serta iklim yang sesuai bagi penjana teknologi dan inovasi tempatan. Bagi mencapai tujuan ini, kerajaan akan menambahkan peruntukan bagi sains dan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Peruntukan sebanyak RM3 bilion bagi pembangunan sains dan teknologi telah disediakan. Jumlah ini adalah hampir dua kali ganda daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Ini menjaminkan keprihatinan dan komitmen kerajaan agar pembangunan negara terus berkembang serta eksportnya dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Kerajaan melalui Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru untuk menentukan supaya peruntukan penyelidikan dan pembangunan yang

nilainya ditambah hampir dua kali ganda digunakan dengan sebaiknya supaya hasil penyelidikan ini dapat digunakan lebih efektif.

Di antara inisiatif tersebut ialah proses pemilihan projek yang diberi peruntukan hendaklah di dalam bidang-bidang keutamaan, bermutu dan menunjukkan keberkesanan dari segi kos dan hasil yang dijalankan.

Projek-projek penyelidikan dinilai dengan rapi di peringkat teknikal dan strategik oleh pakar-pakar yang dilantik oleh MPKSN dari kalangan penyelidik di institusi penyelidikan, universiti dan industri.

Kementerian saya juga sedang menggalakkan sektor industri menambahkan usaha penyelidikan dan pembangunan mereka. Melalui peningkatan usaha R&D in-house, dengan izin, melalui kerjasama dengan institusi penyelidikan sektor awam atau universiti atau melalui penyelidikan secara kontrak, adalah diharapkan institusi penyelidikan kerajaan yang akan dikorporatkan seperti SIRIM akan mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan di sektor industri.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah pembangunan sumber tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Dalam hubungan ini, satu tabung baru khusus untuk pembangunan sumber manusia dalam bidang ini akan diwujudkan. Tabung ini akan digunakan untuk meningkatkan lagi bilangan pakar-pakar penyelidikan dan pembangunan kita dalam teknologi-teknologi tertentu.

Inisiatif ini adalah merupakan salah satu daripada strategi kerajaan untuk menambahkan bilangan tenaga kerja R&D, dengan izin, kepada nisbah 1,000 bagi setiap juta penduduk menjelang tahun 2000.

Di peringkat industri pula, usaha melatih semula atau retraining akan dipergiatkan supaya industri kita boleh menyusun semula keperluan produktiviti masing-masing melalui penggunaan teknologi atau automasi untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Program-program latihan peningkatan kemahiran di tempat kerja seperti Teaching Companies Scheme, dengan izin, akan diperkenalkan. Dengan cara ini, firma-firma pembuatan dapat ditingkatkan secara sistematik dan mampan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau adalah tepat.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Senai yang menyarankan supaya program penggalakan sains di peringkat sekolah dan orang awam ditingkatkan agar asas pembangunan sains dan teknologi negara lebih kukuh bagi menjayakan pembangunan negara ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020.

Program-program penggalakan sains dan teknologi ditumpukan terhadap golongan pelajar, guru dan orang-orang awam untuk menangani kekurangan pelajar-pelajar sains dan seterusnya ahli-ahli sains dan teknologi dalam jangka masa panjang. Saya amat berterima kasih kepada persatuan-persatuan saintifik NGO dan syarikat-syarikat yang telah bekerjasama dengan kementerian dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa kerajaan adalah mengenal pasti beberapa strategi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi meningkatkan keupayaan pembangunan sains dan teknologi. Ini termasuklah:

- (i) meningkatkan pelaburan dalam S&T, latihan dan pendidikan sains dan teknologi;
- (ii) menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam

perolehan pembangunan dan pemindahan teknologi baru yang lebih khusus;

- (iii) meningkatkan lagi pengurusan penyelidikan dan pembangunan oleh sektor awam agar lebih peka kepada keperluan industri serta pembangunan sosial ekonomi negara;
- (iv) meningkatkan lagi rangkaian strategik melalui kerjasama antarabangsa dalam bidang sains dan teknologi;
- (v) memajukan pembangunan industri teknologi maklumat tempatan; dan
- (vi) mengkaji semula undang-undang dan peraturan-peraturan yang menghalang pembangunan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini bahawa pembangunan sains dan teknologi bukanlah tanggungjawab kementerian saya sahaja, tetapi ianya memerlukan kerjasama dan sokongan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain serta penglibatan aktif sektor swasta bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berasaskan kepada penguasaan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan saya ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kementerian Kesihatan.

*7.16 mlm.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**  
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan semasa berucap membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Yan, Yang Berhormat dari Sri Aman, Yang Berhormat dari Lanang dan Yang Berhormat dari Kapar telah menimbulkan persoalan rancangan Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan cadangan penswastaaan hospital kerajaan yang dikhuatiri akan menekan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang Berhormat dari Marang juga telah menggesa pihak majikan supaya mengadakan subsidi pembiayaan untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan ke atas kakitangan dari golongan ini. Pihak majikan juga diminta memasukkan insentif kemudahan rawatan perubatan di syarikat atau agensi masing-masing.

Berhubung dengan pembinaan hospital-hospital baru pula, terdapat persaingan dalam penawaran kemudahan tersebut sehingga meningkatkan taraf kemudahan hospital ke taraf lima bintang. Implikasinya, dikatakan rakyat miskin serta golongan sederhana dan rendah tidak mampu mendapat rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti disebutkan dalam Bab 17, Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai pembangunan sektor kesihatan, usaha bagi memperbadankan dan



menswastakan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan akan menjadi aspek penting bagi perancangan penjagaan kesihatan.

Dalam proses melaksanakan cadangan ini, kerajaan sentiasa peka dan mengambil kira segala aspek termasuk kadar bayaran yang mampu dibayar oleh rakyat serta kadar bayaran melalui bantuan kerajaan untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah. Kerajaan tidak bercadang menswastakan semua hospital kerajaan, sebaliknya kajian akan dibuat untuk mengkorporatkan semua hospital besar di seluruh negara.

Dalam kajian pengkorporatan hospital, kementerian ini juga turut mengkaji pelbagai opsyen pembiayaan kos rawatan di dalam sektor awam dan swasta yang akan berasaskan kepada prinsip yang mampu menanggung sendiri kos rawatan dan yang tidak mampu akan terus diberi kemudahan subsidi kerajaan. Prinsip 'cross subsidy' juga akan diberi pertimbangan di mana rakyat yang mampu akan turut menanggung kos rawatan bagi yang tidak mampu bagi meringankan bebanan kerajaan.

Seperti yang telah dijelaskan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Usul mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh, kemudahan rawatan bagi pekerja-pekerja di firma yang besar hendaklah dimasukkan ke dalam syarat perkhidmatan, sama ada secara subsidi atau percuma sehingga kepada satu had tertentu. Dasar ini akan dikaji bersama lain-lain jabatan kerajaan yang berkaitan untuk merealisasikannya.

Di negara-negara maju, kemudahan penginapan kesihatan bertaraf hotel yang disediakan oleh sektor swasta adalah untuk memberi keselesaan kepada mereka yang mampu. Di Malaysia, kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan kepakaran yang setaraf wujud di seluruh negara untuk seluruh rakyat dengan bayaran yang paling

rendah. Pembinaan hospital swasta pada masa ini merupakan inisiatif pihak swasta untuk memenuhi kehendak perkhidmatan perubatan rakyat, terutamanya bagi yang mampu.

Hospital swasta yang sedang dan telah dibina terpaksa bersaing sesama sendiri dan juga hospital kerajaan untuk menarik pesakit atau pelanggan dan salah satu strategi yang telah diambil oleh pihak pengurusan hospital swasta ialah dengan menyediakan kemudahan hotel seperti bilik, makanan, tempat menunggu dan perkarangan yang bertaraf lima bintang, senarai peralatan yang canggih dan yang high-tech, termasuklah senarai prosedur-prosedur perubatan yang setanding dengan kemudahan peralatan mereka.

Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh hospital atau klinik tidak wajar diklasifikasikan mengikut kemudahan hotel. Kemudahan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan lebih mementingkan perkhidmatan perubatan yang berkualiti walaupun kemudahan penginapan yang disediakan tidak bertaraf lima bintang. Kerajaan juga telah memberi jaminan bahawa rakyat miskin akan diberikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti tanpa membebankan mereka.

Di samping itu, kerajaan juga sedang mengkaji sama ada hospital swasta..

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan satu dua minggu yang lepas itu untuk mengkategorikan hospital-hospital mengikut bintang-bintang seperti hotel itu

tidak benar, cuma satu laporan daripada akhbar sahaja dan kategori seperti ini tidak akan digunakan dan sepatutnya layanan yang serupa yang diberi kepada rakyat terutamanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, maksud Menteri Kesihatan yang telah memberitahu tentang keperluan untuk kita membuat senarai kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam pihak perkhidmatan sektor swasta adalah untuk menyenangkan pengenalan pasti kepada mereka yang ingin mendapatkan kemudahan rawatan mengikut apakah taraf kemudahan peralatan kepakaran yang ada di hospital-hospital swasta. Itu pun dilakukan secara bekerjasama dengan pihak awam dan ini tidak bermakna bahawa kalau kerajaan tidak menyediakan mengikut kategori yang disediakan untuk memberi panduan kepada masyarakat umum yang mampu untuk mendapat perkhidmatan itu berarti kerajaan tidak akan mengambil kira tentang kualiti-kualiti yang berasaskan kepada keperluan-keperluan yang lain yang lebih penting. Sebab itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Unit Penilaian Teknologi yang bertujuan untuk mengenal pasti keperluan-keperluan yang relevan dari segi penggunaan kemudahan dan peralatan supaya tidak timbul persoalan untuk mengenakan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan soal prosedur mahal kerana wujudnya peralatan yang mahal.

Di samping itu, kerajaan juga sedang mengkaji sama ada hospital swasta yang sedia ada dengan yang sedang dibina boleh menyediakan kemudahan penginapan yang bertaraf lebih rendah untuk pesakit atau golongan dari berpendapatan sederhana dan rendah di samping menyediakan kemudahan mewah untuk pesakit atau pelanggan dari golongan yang berada.

Perlu ditegaskan bahawa pihak Kementerian Kesihatan hanya boleh

menegur dari segi kualiti perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh hospital swasta. Penyediaan perkhidmatan hotel di hospital swasta tertakluk kepada dan keputusan pihak hospital berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah membangkitkan tentang kadar kematian bayi yang paling tinggi di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kematian bayi di Malaysia telah menurun dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat daripada data yang menunjukkan bahawa kadar kematian bayi di Malaysia pada tahun 1990 adalah 13.1 bagi setiap 1,000 kelahiran bayi telah menurun kepada 11.0 bagi setiap 1,000 kelahiran bayi pada tahun 1994. Begitu juga bagi negeri Sarawak, kadar kematian bayi turut menunjukkan trend yang menurun iaitu daripada 11.9 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1990 kepada 7.8 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup bagi tahun 1994. Jika dibandingkan dengan kadar kematian bayi bagi Malaysia, amat jelas kadar kematian bayi bagi negeri Sarawak adalah lebih rendah malah terendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah menyentuh isu bayaran hospital sebanyak RM2 yang dikenakan kepada pekerja asing adalah sama dengan yang dikenakan pada penduduk tempatan. Ini menyebabkan pekerja asing tertumpu kepada hospital kerajaan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menyediakan kemudahan perubatan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran yang dikenakan kepada pekerja asing untuk rawatan pesakit luar am di hospital kerajaan adalah RM2 bagi setiap lawatan iaitu dua kali ganda kadar untuk warganegara kita. Tujuannya adalah untuk tidak menggalakkan mereka menggunakan hospital kerajaan. Ternyata kadar ini adalah

terlalu rendah dan tidak membantu mencapai matlamatnya. Kesesakan di hospital kerajaan masih berlaku. Kementerian ini sedang mengkaji struktur caj hospital ke arah pemulangan kos yang munasabah.

Mengenai tanggungjawab majikan untuk menyediakan kemudahan perubatan bagi pekerja asing mereka, kementerian menyokong pendapat ini dan cadangan bagi mengadakan perlindungan insurans kesihatan wajib bagi pekerja asing sedang dikaji.

Beliau juga telah menyentuh tentang kesesakan bandar kesan daripada pembangunan negara sekarang. Terdapat pelbagai penyakit berhubung dengan masalah kejiwaan atau social psychostress, dengan izin, dan kesihatan mental. Beliau juga mencadangkan supaya Ordinan Pesakit Mental (Mental Patience Ordinance) dipinda. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa peka dengan masalah kejiwaan dan kesihatan mental dalam masyarakat negara ini. Beberapa langkah untuk mempertimbangkan perkhidmatan rawatan psikiatri telah dan sedang diusahakan.

Di antara langkah-langkah tersebut ialah mengkaji semula peruntukan Mental Disorder Ordinance 1952, (Semenanjung Malaysia) dengan izin, dan juga Mental Health Ordinance, (Sabah) 1951, dengan izin, dan dalam hal ini, kementerian sedang dalam peringkat akhir penggubalan satu undang-undang baru bagi seluruh negara. Undang-undang baru ini bertujuan mengatasi sebarang kelemahan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada. Selain daripada itu, ia juga untuk memberi galakan kepada pertumbuhan perkhidmatan psikiatri yang selaras dengan kehendak komuniti dan mengikut kaedah dan amalan psikiatri semasa. Undang-undang baru ini juga akan menekankan perhatian kepada rawatan dan rehabilitasi pesakit psikiatri di dalam hospital dan komuniti serta menjaga hak dan kepentingan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan isu Hospital Keningau yang merupakan hospital rujukan tetapi tidak mempunyai pakar dan kelengkapan yang mencukupi. Beliau juga telah membangkitkan masalah rawatan penyakit berjangkit, contohnya wabak taun di mana berlaku kesesakan ruang dan peralatan seperti katil. Pada dasarnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Hospital Keningau memang dijadikan hospital rujukan. Namun pada masa sekarang, pakar hanya dapat ditempatkan di hospital tersebut secara berperingkat-peringkat memandangkan Kementerian Kesihatan menghadapi kekurangan tenaga pakar yang serius. Pada 4 Mei 1996, seorang pegawai kontrak, pakar perbidanan dan sakit puan telah pun ditempatkan di Hospital Keningau. Penempatan pakar akan dilanjutkan ke bidang yang lain apabila keadaan mengizinkan. Sementara ini perkhidmatan pakar boleh diperolehi melalui lawatan pakar dari Hospital Queen Elizabeth.

Semasa wabak taun baru-baru ini, kes-kes telah dikendalikan dalam wad berasingan yang mempunyai 32 katil. Hanya pada 13hb. Mac 1996 sehingga 21hb Mac 1996 sahaja terdapat 40 kes sehari. Dalam keadaan tersebut, apabila bilangan pesakit melebihi bilangan katil yang ada, pesakit terpaksa ditempatkan di atas tilam yang disediakan di atas lantai. Walaupun kebanyakan kes ini merupakan pembawa kuman yang sihat atau healthy carriers, dengan izin, yang tidak memerlukan rawatan yang aktif, mereka tidak boleh diletakkan bersama pesakit di wad lain bagi mengawal merebaknya wabak taun. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebuah hospital baru dirancangan untuk Keningau dengan jumlah 300 katil. Perancangan dan pembinaan hospital ini akan mengambil kira segala faktor keperluan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh...

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kepong bangun ya. Hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Telah menyentuh tentang wabak....Ini Keningau. Yang Berhormat, Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai wabak taun.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Wabak taun ini ada di dalam...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tunggu.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh tentang wabak taun yang melanda Pulau Pinang serta penyakit berjangkit dan imunisasi. Sukacita saya maklumkan bahawa penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan penyediaan makanan bagi kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dijalankan oleh pihak berkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Sebagai tambahan, Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan pemeriksaan premis makanan di bawah Akta Makanan 1983. Setakat ini sebanyak 38 premis makanan telah pun ditutup di bawah akta tersebut. Kementerian Kesihatan juga sedar bahawa penyakit-penyakit dari negara asal pekerja-pekerja asing boleh terbawa masuk ke negara ini. Untuk mengurangkan atau mencegah kemungkinan berlakunya perkara ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah seperti:

- (i) melantik beberapa klinik di negara asal pekerja asing untuk

memeriksa mereka yang ingin bekerja di Malaysia dan mengesahkan mereka sihat dan bebas daripada penyakit berjangkit;

- (ii) Kementerian Kesihatan juga dalam proses mewujudkan satu mekanisme pengawasan dan penyeliaan, pemeriksaan perubatan tahunan bagi pekerja asing yang ada di negara ini. Dengan adanya mekanisme ini yang akan dilakukan oleh pihak swasta, maka mereka yang dikenal pasti berpenyakit berjangkit akan diberi rawatan dan jika perlu akan dihantar balik ke negara asal.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan ringkas sahaja penjelasan. Saya hendak bantu sahaja.

Yang pertamanya mengenai klinik-klinik ataupun tempat-tempat yang disahkan untuk mengadakan pemeriksaan perubatan bagi pekerja asing. Saya hendak menekankan bahawa saya pernah dari semasa ke semasa memberi rawatan kepada pekerja-pekerja asing, misalnya penyakit kusta. Apabila saya dapati pekerja itu mengidap penyakit kusta ini, saya pun berhubung dengan pihak kesihatan di negeri masing-masing, tetapi malangnya kerana mereka ini adalah pekerja yang datang tanpa izin ataupun dengan izin, mereka enggan untuk mendapat rawatan dengan secara rasmi, kerana mungkin ada sebab-sebab yang tertentu. Dengan yang demikian, macam mana kita dapat mengawal, ini adalah masalah yang serius. kerana Yang Berhormat pun tahu dengan penyakit yang berjangkit seperti batuk kering dan

sebagainya, tiap-tiap tahun ada 2,000 atau 3,000 kes dan di antara ada hampir 70% atau 80% adalah pekerja-pekerja asing? Ini perkara yang pertama.

Yang keduanya mengenai taun. Saya menyaksikan ada usaha-usaha daripada pihak kesihatan untuk mengatasi masalah wabak taun yang sedang berlaku di Pulau Pinang dan merebak ke negeri-negeri yang lain sekarang. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan satu siasatan yang menyeluruh untuk mengenal pasti punca-puncanya? Saya pun tidak tahulah punca apa tetapi daripada khabar angin ataupun laporan daripada akhbar sahaja yang mengatakan bahawa kilang air batulah, cincaulah dan sebagainya. Sebenarnya kita tidak tahu punca wabak itu dan bolehkah pihak kementerian mengadakan satu jawatankuasa untuk mengkaji dengan menyeluruh punca-punca yang menyebabkan wabak tersebut?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan memberi layanan perkhidmatan kesihatan kepada mereka (pekerja asing) daripada negara asing yang datang secara haram, polisi Kementerian Kesihatan tidak pernah pilih kasih kepada perkhidmatan yang kita berikan kepada orang ramai termasuk mereka dari kalangan pendatang haram. Jadi, saya ingin memaklumkan bahawa tidak timbul soal kementerian tidak memberi kerjasama dalam soal ini, malah tujuan kita tidak memberi maklumat kepada pihak yang berkuasa adalah untuk menjadikan mereka selesa dan tidak takut datang ke hadapan untuk membolehkan kita mengawal, mencegah dan mengenal pasti pembawa-pembawa penyakit terutamanya yang berbahaya dan berjangkit. Jadi, usaha itu telah mendapat tindakan baik.

Selain daripada itu, saya kira mestilah mendapat maklumat dan kerjasama daripada orang ramai untuk memaklumkan dan memberi nasihat kepada mereka,

bahawa tidak akan ada sebarang tindakan daripada pihak berkuasa polis umpamanya kerana itu bukan tugas kita. Tugas kita adalah untuk memberi perkhidmatan kesihatan untuk menjaga keselamatan negara secara umum.

Kedua, berkenaan dengan kes taun yang berlaku dan kini telah menjangkau daripada tarikh ataupun data yang kita dapati yang terakhir adalah berjumlah sebanyak 1,147— yang terkini. Data ini dilapor sejak pukul 9.00 pagi tadi, jadi ini merupakan data terakhir.

Untuk makluman Yang Berhormat sejak berlakunya wabak taun ini dari 10hb Mei 1996 yang mana 10 orang pesakit telah dimasukkan ke hospital Pulau Pinang kerana mengalami cirit-birit dan 'diagnosa' awal ialah kes keracunan makanan. Walau bagaimanapun, kolera merupakan salah satu differential diagnosis, dengan izin, dan empat daripada pesakit adalah guru pelatih dari Maktab Perguruan Persekutuan di Gelugor, Pulau Pinang sementara enam lagi adalah dari kawasan yang berlainan termasuk Paya Terubong, Air Hitam, Jelutong, Tanam Tun Sardon dan Telok Kumbang. Kejadian ini telah dilaporkan pada Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut dan pada hari yang sama pada 11hb Mei seorang pesakit telah disahkan sebagai pengidap kolera.

Berikutan dengan ini, tindakan-tindakan telah diambil seperti mengadakan bilik gerakan kolera yang ditubuhkan pada 11hb Mei 1996 dan dibuka selama 24 jam, 14 pusat kawalan wabak telah diwujudkan untuk menjalani kerja-kerja kawalan di lapangan. Pasukan kawalan ini terdiri dari kakitangan kesihatan negeri Pulau Pinang dan dibantu oleh pasukan dari negeri Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor. Empat pakar 'epidemiology' dari ibu pejabat telah dihantar ke Pulau Pinang untuk memberi bantuan pakar dalam penyiasatan wabak. Berikutan dengan ini, beberapa buah negeri Kedah, Perak,

Selangor, Terengganu, Negeri Sembilan dan Kelantan telah melaporkan kejadian kes kolera di negeri masing-masing dan siasatan kes menunjukkan bahawa mereka yang terlibat telah berada di Pulau Pinang dalam tempoh 10 hari yang lepas. Daripada analisa 'epidemiology' wabak kolera daripada graf epidemic curve, dengan izin menunjukkan point source epidemic, graf tersebut menunjukkan tanda-tanda awal kemungkinan berlaku secondary transmission iaitu daripada pembawa pertama. Data-data menunjukkan kebanyakan kes melibatkan mereka yang berumur 3 tahun hingga 60 tahun dan maklumat terperinci masih lagi dalam peringkat penganalisan. Walau macam manapun, wabak ini dalam kawalan dan kita mempunyai satu sistem pencegahan dan kawalan yang cukup baik dan Yang Berhormat janganlah bimbang....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:**  
Terima kasih, Timbalan Menteri, insya-Allah..... (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang juga memberi rawatan kepada pesakit-pesakit pendatang tanpa izin. Tetapi saya merasa amat dukacita dengan Yang Berhormat dari Kepong kerana melindungi pendatang-pendatang asing, kerana pendatang asing tanpa izin masuk ke Malaysia dan datang berubat di klinik beliau, tetapi beliau tidak melapor kepada pihak yang berkuasa. Jadi, saya ingin menyarankan supaya Yang Berhormat dari Kepong lebih prihatin lagi tentang tugas dan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Rakyat. Yang Berhormat setujukah supaya Yang Berhormat dari Kepong ini bertindak dengan lebih baik untuk menjamin negara kita ini tidak didatangi oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Setuju sangatlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan kementerian akan memberi perhatian kepada cadangan beliau tentang Hospital Kemaman. Sebenarnya memang ada di dalam perancangan kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan rawatan di hospital tertentu dengan perkhidmatan kepakaran.

Di bawah RMK-7 kementerian telah mencadangkan pembinaan dewan bedah dan central sterile supply department, dengan izin, yang dijangka dapat dimulakan pada tahun 1997. Hospital Kemaman juga merupakan salah satu hospital yang telah dikenal pasti akan ditempatkan dengan pakar dalam bidang kepakaran asas. Walau bagaimanapun, memandangkan sumber-sumber yang amat terhad, pelaksanaan perancangan ini perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan mengambil kira keperluan lain-lain hospital. Di antara faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan keutamaan sesebuah hospital untuk ditempatkan dengan pakar adalah:

- (i) beban kerja hospital serta bilangan kes yang memerlukan perhatian pakar dengan serta-merta;
- (ii) kemudahan hubungan dan kenderaan untuk rujukan;
- (iii) jaraknya dengan hospital terdekat yang telah ada perkhidmatan kepakaran;
- (iv) bilangan pakar yang ada di Kementerian Kesihatan; dan
- (v) masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh sesebuah hospital misalnya kadar kematian yang tinggi atau bilangan kes yang mempunyai komplikasi yang meningkat dan yang memerlukan perhatian khusus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Hulu Rajang

juga telah menyentuh tentang peruntukan perkhidmatan kesihatan di bawah RMK-7 dan Hospital Bakun/Belaga yang dimohon.

Seperti yang disebutkan dalam Bab 17 Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus memperluas dan mempertingkatkan taraf kesihatan untuk membolehkan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah pun menambah peruntukan untuk membeli tanah di Belaga dan projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja proses pengambiln tanah selesai.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang telah membangkitkan isu ketidakselesaian orang ramai mendapatkan rawatan di Hospital Kluang. Kerajaan peka bahawa Hospital Kluang memerlukan hospital ganti yang baru. Tapak bagi hospital ganti ini seluas 30 ekar telah dikenal pasti dan akan diproses perolahannya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran pula telah memohon supaya Hospital Tuaran dinaikkan taraf dengan menyediakan berbagai kemudahan seperti ICU, IJN dan tempat ibu bersalin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuai dengan kajian keperluan setempat, Hospital Tuaran akan dinaikkan taraf di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Komponen-komponen tambahan kepada hospital ini akan dirancang dengan teliti untuk meningkatkan kemudahan rawatan perubatan di daerah itu. Hospital ini nanti dirancang untuk berfungsi sebagai pusat rujukan bagi beberapa kemudahan kesihatan di daerah tersebut.

Sekianlah sahaja ulasan dan jawapan-jawapan saya kepada teguran-teguran yang dibangkitkan.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya

tidak tahulah, barangkali tadi saya ada urusan sedikit di luar, tetapi sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab atau tidak tentang 'privatisation' hospital kerajaan ini? Kerana hari itu saya meminta supaya kerajaan jangan 'privatise' kan hospital (rumah sakit) kerana ini akan membebankan rakyat, terutama sekali rakyat miskin. Walaupun kadang-kadang boleh dikecualikan, tetapi banyak kerenah-kerenahnya—kena cari Penghulu, D.O. dan Wakil Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, orang sakit bukan tunggu Penghulu atau tunggu D.O dan bukan tunggu Wakil Rakyat, jika dia hendak sakit, dia sakitlah. Jadi, kalau setiap kali sakit dia hendak cari Wakil Rakyat, teruk Wakil Rakyat pula. Jadi, adakah pihak kementerian hendak meneruskan cadangan menswastakan rumah sakit ini - ini adalah untuk kebajikan rakyat?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hospital yang akan diswastakan atau dikorporatkan adalah terlibat dengan hospital-hospital besar. Itu pun dalam peringkat kajian dan pihak EPU telah pun menyampaikan cadangan dan ini sedang dalam pertimbangan dan kajian kementerian untuk meneliti cadangan-cadangan tersebut iaitu bukan diswastakan, tetapi dikorporatkan, iaitu menyusun-atur organisasinya dan menyediakan opsyen-opsyen pembiayaan seperti yang dilakukan kepada IJN, contohnya.

Jadi, penswastakan yang lain seperti perkhidmatan IJN, penswastakan perkhidmatan klinikal secara direct dan juga penswastakan stor kerajaan yang telah pun dilaksanakan juga penswastakan dalam bentuk menjual khidmat ataupun 'contract out' perkhidmatan yang tidak mampu dijalankan oleh kerajaan tetapi mendapat kerjasama yang cukup baik daripada pihak

swasta dan sebagainya. Jadi, banyak bentuknya, tetapi semuanya bertujuan untuk mengurangkan bebanan kerajaan dan juga untuk menyelesaikan dan juga mengawal kualiti perkhidmatan yang kita beri kepada pihak mereka yang berpendapatan rendah. Tidaklah dengan tujuan untuk hendak menekan atau menyusahkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju hendak di korporatisekan atau apakah, tetapi hendak beri selesa kepada rakyat, maksud saya adakah rakyat akan dibeban dengan bayaran yang lebih daripada RM2.00 sekarang ini? Jadi, itu maksud saya—dia buat apa pun tidak apa, tetapi harga janggan lebih.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya, kerana, sekarang ini kalau kita tengok pada IJN, rakyat yang termasuk dalam kategori susah atau miskin yang dirujuk dan dicadangkan atau direkomen oleh Yang Berhormat juga - macam Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat di sini, secara automatik diberi pengecualian dan subsidi oleh kerajaan. Jadi, apa juga yang kita lakukan, sama ada pengkorporatan atau penswastan akan kita ambil kira tentang subsidi atau pembayaran yang tidak akan menyusahkan dan membebaskan mereka yang miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

*7.45 mlm.*

**Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan

program-program Kementerian Pembangunan Usahawan dan saya juga ingin merakamkan setinggi terima kasih di atas pandangan, ulasan dan teguran yang diberikan. Ada 5 perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Pembangunan Usahawan. Pertama - mengenai MARA, kedua - mengenai UDA, ketiga - mengenai usahasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera, keempat - mengenai skim vendor dan yang kelima - mengenai kontraktor.

Mengenai MARA, antara perkara-perkara yang dibangkitkan ialah perkataan komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera. Selain itu, dibangkitkan tentang peruntukan yang disediakan oleh MARA, dibangkitkan tentang masalah penyelewengan, dibangkitkan juga tentang isu-isu spesifik untuk memperbaiki perkhidmatan MARA termasuklah Giat Mara dan institusi-institusi latihan yang lain. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian telah pun mengemukakan Laporan Jawatankuasa Audit Pengurusan dan Kewangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan membuat pengumuman tentang keputusan kerajaan berkaitan Jawatankuasa Audit yang telah pun siap laporannya baru-baru ini.

Dalam hubungan ini kita ingin menekankan bahawa komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera tetap berada di tahap yang tinggi. Tidak seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian—yang tidak ada di sini, yang menyatakan bahawa komitmen kerajaan semakin kurang, kerajaan seolah-olah malu untuk menolong orang-orang Melayu—ini semua adalah tidak benar dan komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera dalam pelbagai bidang termasuklah latihan dan juga MARA sentiasa berada di tahap yang tinggi.



Mengenai dakwaan penyelewengan, juga oleh Kubang Kerian, kita ingin menekankan bahawa setakat yang diketahui sehingga kini, dalam laporan yang dikemukakan kepada saya, hasil siasatan Jawatankuasa Audit, tidak ada penyelewengan yang berlaku dalam MARA cuma ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan untuk itu kita menunggu hasil pengumuman hasil siasatan Jawatankuasa ini dan juga permohonan peruntukkan tambahan daripada MARA akan di buat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Ada beberapa isu berkaitan dengan peruntukkan yang dibangkitkan, umpamanya Yang Berhormat dari Yan ingin supaya duit ditambah, Yang Berhormat dari Tanjong Karang membangkitkan tentang bilangan biasiswa penuntut kita ke luar negara—perkara-perkara ini juga akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Selain daripada itu, juga dibangkitkan tentang Giat Mara oleh Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Hulu Langat dan juga oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut. Saya menghargai pandangan yang dikemukakan. Nampaknya Giat Mara mendapat perhatian daripada Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa program ini banyak membantu melatih, khususnya anak-anak kampung dalam kemahiran asas dan saya mengambil kira pandangan dari Yang Berhormat supaya program ini diperhebatkan.

Kita telah pun dimaklumkan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi tentang peruntukan yang diluluskan untuk Giat Mara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan kini kita sedang memperkemaskan butiran yang diberikan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan saya akan terus memastikan agar program ini dapat diperhebatkan lagi dalam tempoh

Rancangan Malaysia Ketujuh. Tuan Yang di-Pertua, itulah antara isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai MARA.

Yang Berhormat dari Sungai Benut, mengenai MARA juga, membangkitkan tentang lepasan Giat Mara dan IKM. Beliau antara lain mengatakan bahawa ada di antara mereka menjadi kuli di kilang-kilang dan sebagainya. Saya ingin menekankan bahawa yang dilahirkan oleh Giat Mara dan IKM bukan semuanya kuli, ada juga yang menjadi pekerja biasa, tetapi ada di antara mereka yang menjadi usahawan Yang Berhormat berjaya. Daripada maklumat yang dikumpulkan oleh Giat Mara umpamanya, kira-kira 883 bengkel telah dibuka oleh mereka, bermakna mereka telah berkecimpung di dalam bidang keusahawanan.

Mengenai pelatih-pelatih IKM pula, kira-kira 300 orang daripada mereka bekerja dengan PROTON dan juga PERODUA. Ini antara angka-angka yang menunjukkan bahawa lulusan Giat Mara dan juga IKM telah mendapat tempat dalam sektor industri negara dan kita di Kementerian Pembangunan Usahawan amat berbangga dengan pencapaian yang telah mereka capai setelah mereka keluar daripada institusi latihan ini. Itu mengenai MARA.

Keduanya mengenai UDA. Yang membangkitkan UDA cuma Kubang Krian. Beliau menyatakan perasaan dukacita kerana UDA dikorporatkan. Beliau menyatakan kebimbangan tentang harga-harga rumah dan juga ruang niaga akan naik dan sebagainya. Saya ingin memberi jaminan bahawa UDA walaupun dikorporatkan akan meneruskan misi untuk membantu bumiputera dan ruang niaga dan juga lain-lain komponen harta tanah yang dimajukan oleh UDA akan diberikan sedikit diskaun.

Jadi, berbanding dengan pemaju-pemaju hartanah yang lain harga rumah dan juga ruang niaga yang didirikan oleh

UDA tetap akan diberikan diskaun walaupun UDA telah dikorporatkan. Mengenai komitmen kerajaan untuk Melayu, kerajaan tidak segan dan silu dan tidak malu-malu dalam memperjuangkan kepentingan bumiputera, dan kita ingin memberi jaminan bahawa MARA dan UDA akan terus dengan peranan asalnya iaitu untuk melatih, membimbing dan membantu bumiputera dalam bidang latihan keusahawanan dan menyediakan ruang perniagaan.

Yang ketiganya, mengenai usaha sama dibangkitkan oleh Machang, Kapar dan juga Seremban. Mereka lahirkan kebimbangan tentang sama ada usaha sama yang diwujudkan ini akan merupakan, dengan izin, 'repetition' usaha sama yang telah wujud sebelum ini di mana terdapat fenomena 'Ali Baba', walaupun ada usaha sama antara bumiputera dan bukan bumiputera dan masih ramai lagi mengikut Machang yang bersifat Ali Baba.

Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah program usaha sama yang diikhtikarkan oleh kementerian yang melibatkan 24 usahawan, kita mengenakan peraturan yang ketat untuk memastikan bahawa tidak berlaku fenomena 'Ali Baba' ini. Kita ingin memastikan bahawa usaha yang dijalankan hari ini benar-benar merupakan usaha sama tulen antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Oleh itu, kita percaya bahawa fenomena ataupun kebimbangan Machang tidak akan berlaku dalam skim usaha sama yang digalakkan oleh pihak kementerian. Dalam pada itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Seremban dan juga Kapar atas pandangan yang diberikan tentang usaha sama ini.

Yang keempat, berkaitan dengan vendor. Mengenai vendor ini, bagi pihak Kementerian Kewangan, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat

dari Kemaman yang mengatakan kebimbangan mengenai skim vendor khususnya Petronas. Kemaman menyatakan bahawa yang dilakukan cuma memilih vendor, tetapi bukan dibangunkan usahawan tersebut. Saya ingin merakamkan terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Kemaman. Daripada tiga skim vendor Kementerian Kewangan, saya menjawab ini bagi pihak Kementerian Kewangan, daripada tiga skim yang telah ditubuhkan sehingga ini, memanglah Petronas merupakan badan yang paling sedikit dari segi nilai kontrak yang telah pun dikeluarkan.

Umpamanya, Telekom sehingga ini telah mengeluarkan kontrak berjumlah RM274.8 juta, melibatkan 20 orang usahawan. Tenaga Nasional—RM404.4 juta, melibatkan 22 usahawan. Petronas walaupun bilangan usahawan yang dikenal pasti ialah 23, tetapi nilai kontraknya RM29.4 juta. Jadi, jelas daripada angka-angka ini menunjukkan dari segi nilainya vendor yang diusahakan oleh Petronas nilainya adalah amat kecil. Dan kita ucap terima kasih kepada Kemaman atas pandangan yang diberikan tentang vendor Petronas. Ia akan diambil perhatian oleh kerajaan dalam mesyuarat terakhir yang diadakan pada 11hb April yang lalu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Berkaitan sistem skim vendor ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengingatkan sekali lagi betapa perlunya syarikat-syarikat kerajaan, khususnya Telekom, Tenaga dan Petronas dan juga syarikat-syarikat baru, iaitu Pos Malaysia, Keretapi Tanah Melayu, HICOM, Syarikat Malaysia Eksport Eksklusif dan MAS mendukung usaha kerajaan untuk menambahkan bilangan vendor di negara kita, khususnya di kalangan bumiputera.

Vendor ini juga dibangkitkan oleh Mersing dan Arau, tetapi isu-isu yang

dibangkitkan itu lebih melibatkan IKS untuk menyelerakkan lagi agihan vendor ke kawasan luar bandar yang telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah kontraktor juga dibangkitkan oleh Sungai Benut. Beliau ingin kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap kontraktor-kontraktor yang didapati menipu kerajaan khususnya dalam memalsukan dokumen untuk berdaftar sebagai kontraktor. Saya ingin maklumkan bahawa perkara ini telah pun kita rujuk kepada pihak-pihak berkenaan, khususnya Badan Pencegah Rasuah dan juga pihak polis. Saya telah pun mengeluarkan kenyataan berkaitan perkara ini. Cumanya pada masa ini kita sedang mengambil tindakan susulan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai jumlah ataupun nilai wang pendahuluan yang telah diberikan kepada kontraktor yang berkenaan; berapa jumlah yang dikeluarkan, berapa jumlah yang berjaya dipungut balik, dikutip balik oleh kerajaan. Ini merupakan tindakan susulan yang sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali ingin mengucapkan.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fasal Yang Berhormat Menteri tak sentuh tentang pengangkutan. Yang Berhormat tadi bercakap fasal vendor, tetapi saya dapati banyak sungutan daripada pengusaha-pengusaha pengangkutan bumiputera, di mana syarikat-syarikat besar daripada Jepun

yang melabur dalam negara kita ini mereka memonopolikan sistem pengangkutan dengan memeralatkan seorang dua bumiputera memegang ekuiti dalam syarikat tersebut, tetapi mereka memonopoli, macam Nippon Express, ada banyaklah syarikat-syarikat pengangkutan. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat ingin memastikan bahawa sistem yang dijalankan oleh pihak investor daripada luar negeri terutama Jepun ini dapat mengagihkan peluang pengangkutan ini kepada syarikat-syarikat pengangkutan tempatan dan bumiputera. Kerana banyak rungutan, handling. Begitu juga Petronas tidak langsung memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan eksport import bumiputera untuk menjalankan tugas-tugas pengimportan dan pengeksportan handling barang-barang mereka ini. Jadi, apakah pandangan kementerian tentang hal ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mustapa bin Mohamed:** Kita sedar bahawa perkara ini berlaku di kalangan beberapa buah syarikat. Antara lainnya syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Yan. Cumanya saya ingin memohon kerjasama Yang Berhormat dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain yang mempunyai maklumat yang spesifik. Yang kita hadapi di kementerian, kita ada maklumat, tetapi secara umum, dan ini tidak membolehkan kita mengambil tindakan tertentu untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan.

Jadi, saya mohon kerjasama, agar Ahli Yang Berhormat yang ada maklumat spesifik kemukakan kepada kami dan kita akan jalankan siasatan sewajarnya. Ini penting kerana kalau umum sahaja isu yang dibangkitkan, maka kita berada dalam gelaplah, macam sekarang merab-raba sahaja. Jadi, kalau tidak ada lagi persoalan yang dibangkitkan, saya ucapkan setinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berhujah dan membahas menyokong,

menegur aktiviti-aktiviti program-program kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*7.57 mlm.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh di mesyuarat Dewan Rakyat yang mulia ini. Sesetengah daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberi penjelasan oleh kementerian saya semasa sesi Soal Jawab di Dewan yang mulia ini. Meskipun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui jawatankuasa penswastan yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi dan dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas bertindak sebagai badan pengawas untuk menentukan bahawa terma-terma yang dipersetujui di antara pihak Bakun dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) termasuk harga yang tidak akan membebankan pengguna.

Dengan itu, penubuhan sebuah lagi badan penyemak penswastan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu adalah tidak perlu, jika hanya untuk menduplikasi peranan kerajaan yang sedang pun dijalankan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun secara rundingan terus dengan Syarikat Ekran adalah berdasarkan faktor-faktor berikut. Pertama, proses tender secara terbuka akan mengambil masa yang panjang, sedangkan permintaan tenaga elektrik negara sudah meningkat dengan pesat pada kadar melebihi 10% setahun. Yang kedua, Ekran Bhd. telah membuktikan dalam beberapa projek bahawa ia mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Yang ketiga, memandangkan projek ini terletak di Sarawak, wajarlah ia diusahakan oleh penduduk Sarawak.

Mengenai aspek-aspek lain Projek Bakun, kerajaan telah pun mengeluarkan sebuah risalah yang memberi penjelasan yang lengkap mengenai evolusi projek ini semenjak tahun 80-an yang turut menyentuh kemungkinan teknikal, daya maju projek, aspek ekonomi, ekologi serta sosial. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bolehlah membacanya dahulu sebelum membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Lembaga Elektrik Sabah (LLS) sedang mengkaji semula pengiraan caj sumbangan modal yang dikenakan ke atas permohonan baki bekalan elektrik dalam usaha untuk mengurangkan bebanan para pengguna dan pelabur. Ini adalah selaras dengan permohonan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Sabah melalui mesyuarat JKPN Bil. 2/1996. Laporan kajian tersebut akan dikemukakan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan nasihat secara berperingkat-peringkat.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar akan keperluan syarikat-syarikat

gergasi seperti Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad untuk memberi sumbangan sosial terutamanya untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, sukacita saya memaklumkan bahawa Tenaga Nasional Berhad sentiasa memberikan perhatian kepada program bekalan elektrik ke kawasan luar bandar. Setakat ini TNB telah pun memberikan bekalan kepada 3,479,998 orang pengguna di luar bandar.....

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bercakap berkenaan dengan bekalan elektrik ke luar bandar. Saya memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada satu kawasan di Jerantut yang hanya lebih kurang satu kilometer sahaja dari bandar Jerantut, yang pernah saya bawa dalam Dewan ini, ianya tidak mempunyai bekalan elektrik, mempunyai lebih kurang 60 keluarga dan pihak PLB peringkat daerah tidak dapat memberikan peruntukan dan pihak TNB pula mengatakan bahawa ianya di luar daripada apa yang dilaksanakan oleh pihak TNB. Jadi, saya memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri agar bekalan elektrik kepada 60 keluarga yang terletak hanya lebih kurang satu kilometer dari bandar Jerantut dapat diadakan. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerantut kerana membangkitkan masalah ini. Saya tidak ada maklumat terperinci mengenai perkara ini dan saya minta pegawai saya mengambil catatan mengenai perkara ini dan saya sendiri akan memberikan

perhatian khusus kepada perkara ini. Kalau sekiranya ia tidak melibatkan perbelanjaan yang besar, maka saya mintalah pihak TNB untuk memberikan keutamaan untuk membekalkan elektrik ke kawasan Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat memberikan sedikit masa kepada pihak TNB.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi, sebanyak 99.64% dari keseluruhan jumlah pengguna luar bandar di Semenanjung Malaysia telah pun menikmati bekalan elektrik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rompin, Sungai Benut dan Jelebu, terdapat kira-kira 9,362 orang pengguna lagi yang masih belum mendapatkan bekalan yang membabitkan sebanyak 315 projek. Sementara pengguna Rancangan Felda yang masih belum menikmati bekalan elektrik ialah seramai 3,120 orang.

Kerajaan memang sedar akan kekurangan kemudahan asas kawasan luar bandar di Sarawak. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan ini secara berperingkat-peringkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong, sebanyak 525 buah kampung dan rumah panjang yang melibatkan seramai 154,895 orang dari kawasan luar bandar telah dibekalkan dengan elektrik di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Sebanyak RM105 juta telah pun diperuntukan untuk menyediakan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar tersebut di antara tahun 1994 hingga 1996.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran untuk membina sebuah mini hidro di Sungai Kimalau pula, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Lektrik Sabah ada bercadang untuk membina mini hidro pukut di Lembah Kiulu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, permohonan untuk membina mini hidro dengan keupayaan terpasang 350 kilowatt

tersebut masih menunggu peruntukan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mersing, pihak TNB dijangka akan dapat menyalurkan bekalan elektrik 24 jam ke Gugusan Felda Tenggaroh selepas bulan Januari 1997 oleh kerana pencawang pembahagian utama (PPU) 33/11 KV di Tenggaroh dan kerja-kerja pembinaan talian atas 33 kv dari Ba Pasak ke Tenggaroh kosnya RM13 juta dijangka akan dapat disiapkan menjelang bulan Januari tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan-soalan yang telah dibangkitkan bersabit dengan perkhidmatan telekomunikasi terutama dalam aspek-aspek pembangunan, mutu perkhidmatan serta keperluan kakitangan, sukacita saya memaklumkan bahawa pembangunan perkhidmatan telekomunikasi khususnya di luar bandar adalah merupakan satu usaha yang berterusan. Ini terbukti kalau dibandingkan perangkaan di masa-masa yang lampau dengan tahap yang ada sekarang. Nisbah pertumbuhan perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar telah meningkat dari nisbah 1.3 bagi setiap 100 penduduk pada awal tahun 80-an kepada 3.3 untuk 100 penduduk pada awal tahun 90-an dan 7 untuk 100 penduduk untuk tahun 1995.

Matlamat kerajaan adalah untuk meningkatkan lagi kadar nisbah ini kepada 25 bagi setiap 100 penduduk menjelang tahun 2005 seperti yang termaktub dalam Dasar Telekomunikasi Negara. Ini hanya dapat dicapai melalui pelaburan yang besar oleh pengusaha syarikat telekomunikasi seperti Telekom Malaysia yang begitu komited bagi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap penduduk di luar bandar. Misalnya, sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, Telekom Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM1,500,000,000 ataupun RM1.5 bilion untuk pembangunan rangkaian

telekomunikasi luar bandar. Usaha-usaha ini akan berjaya dengan adanya teknologi-teknologi radio yang terbaru dan menjimatkan perbelanjaan serta mampu untuk menembus kawasan-kawasan terpencil yang memerlukan perkhidmatan.

Dari segi mutu perkhidmatan, saya tegaskan di sini bahawa mutu perkhidmatan telefon di kawasan luar bandar adalah setanding dengan kawasan bandar. Ini adalah kerana dari segi teknologi, peralatan yang digunakan oleh pembangunan rangkaian luar bandar adalah sama dan setanding dengan peralatan yang digunakan di kawasan bandar. Dengan apa sahaja kemudahan yang dinikmati oleh pengguna-pengguna di bandar boleh juga diperolehi oleh penduduk luar bandar seperti perkhidmatan faks, kemudahan tanpa nilai, perkhidmatan antarabangsa dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan penghantaran data dan perhubungan melalui satelit telah pun dibekalkan ke tempat-tempat terpencil seperti pulau-pulau yang menjadi tumpuan pelancong seperti Pulau Perhentian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan kakitangan untuk tujuan penerusan pembangunan perkhidmatan telekomunikasi, sukacita dimaklumkan bahawa Telekom Malaysia khasnya tidak akan menghadapi masalah. Ini kerana bilangan dan kemahiran kakitangan yang sedia ada adalah mencukupi dan mampu untuk menyokong pelaksanaan rancangan pembangunan telekomunikasi negara. Sukacita disebutkan juga bahawa pengusaha telekomunikasi di negara ini mempunyai rancangan latihan dan pembangunan sumber tenaganya sendiri. Ini termasuklah mengendalikan latihan-latihan dalam bidang telekomunikasi, teknologi maklumat dan bidang-bidang yang berkaitan dengan telekomunikasi.

Pada masa ini, Telekom Malaysia misalnya sedang dalam proses untuk

mewujudkan sebuah universiti khas untuk melatih tenaga kerja dalam bidang telekomunikasi. Mengenai rancangan masa depan kakitangan Telekom Malaysia, suka saya menegaskan bahawa semenjak penswastaan, tahap produktiviti kakitangan yang ada telah meningkat. Peningkatan produktiviti ini ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Saya tertarik kepada Universiti Telekomunikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, nampaknya bilangan kakitangan di STMB dan di organisasi-organisasi di negara ini tidak cukup untuk universiti, cuma adakah rancangan pihak kementerian ataupun STMB untuk mengambil pelajar-pelajar daripada rantau ini supaya kita dapat satu universiti yang berdaya maju?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, universiti ini masih lagi dalam rancangan pihak Telekom Malaysia dan saya diberitahu bahawa ia akan dibuka kepada semua pihak, bukan sahaja untuk melatih kakitangan STMB sahaja.

Peningkatan produktiviti ini membolehkan Telekom Malaysia mengurangkan atau menempatkan semula kakitangan mengikut kemahiran dan kehendak semasa syarikat. Ini juga bermakna pengurangan kakitangan yang dirancangan tidak akan menjejaskan program menambahkan pemasangan telefon sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Mengenai soal tanggungjawab sosial, Telekom Malaysia sangat peka dan mengambil berat berkenaan dengan perkara ini. Sebagai contoh, Telekom Malaysia telah menyediakan peruntukan yang cukup besar dalam bentuk biasiswa

kepada penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran di semua peringkat dan juga mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan di bawah Program Perpustakaan Desa.

Setakat ini, beberapa perpustakaan telah pun diwujudkan di tempat terpencil seperti di Gerik, Perak dan beberapa tempat yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir sekali, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

8.14 mlm.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong kerana begitu sensitif terhadap isu mengenai bab wanita yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membekalkan wanita tentang pengetahuan pembangunan keluarga ialah menggalakkan majikan-majikan menganjurkan latihan dan memberikan pendidikan kepada pekerja-pekerja wanita yang meliputi didikan kerohanian, kursus pra-perkahwinan, kursus keibubapaan, kursus kemasyarakatan yang merangkumi nilai-nilai murni dan etika. Kurikulum yang bersepadu hendaklah disediakan oleh majikan termasuk memberi kaunseling mengenai pekerjaan, peraturan kerja serta nasihat untuk mengatasi masalah-masalah peribadi yang akan wujud akibat bekerja iaitu berkaitan dengan dual role, dengan izin, sebagai suri rumahtangga dan bekerja.

Dari segi langkah-langkah untuk mengimbangi tanggungjawab dan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam penyediaan suasana kerja yang baik, beberapa tindakan telah dan akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia seperti yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri awal tadi dan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sendiri.

Di antaranya ialah, menggalakkan sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat-tempat berhampiran dengan cara memberi insentif pelepasan cukai bagi majikan bagi kos menyediakan kemudahan dan pembinaan bangunan.

Menggalakkan majikan-majikan menyediakan tempat kerja yang selesa untuk pekerja-pekerja wanita yang dilengkapi dengan tempat-tempat beribadat dan riadah serta menyediakan peraturan dan persekitaran bekerja yang berbentuk 'homely work environment'. Kemudahan perumahan dan asrama, pengangkutan percuma ke tempat bekerja dan faedah perubatan (medical benefit), dengan izin, yang sesuai diberikan.

Menggalakkan majikan-majikan memberi sebahagian daripada kerja-kerja

proses keluaran kepada suri rumahtangga untuk diproses di rumah dengan secara sub-kontrak. Ini adalah konsep yang telah dicadangkan oleh ILO dan disebutkan sebagai 'homeworkers'. Tetapi konsep ini telah pun dilaksanakan di negara ini dan disebut sebagai 'outworkers', dengan izin.

Beberapa aspek berkaitan dengan 'protection' atau perlindungan bagi pekerja dan jenis pembayaran bagi kerja yang dijalankan sedang dikaji dan perlu ditentukan sebelum konsep kerja ini disebarkan kepada seluruh majikan.

Akta Kerja 1955 yang sedia ada, tidak membezakan kerja sepenuh masa dan kerja sambilan. Difahamkan Kementerian Sumber Manusia sedang menimbang untuk meminda Akta Kerja 1955 supaya majikan-majikan berminat menggaji pekerja bekerja secara separa masa atau part time, dengan izin, kerana pekerja-pekerja sambilan akan diberi kemudahan-kemudahan secara proportionate, dengan izin, berdasarkan kepada bilangan masa kerja.

Menggalakkan lebih ramai wanita untuk menceburi bidang kemahiran. Dalam konteks ini Kementerian Sumber Manusia, melalui Jabatan Tenaga Rakyat sedang berusaha meningkatkan kempen untuk menarik balik pelatih wanita. Menerusi mengadakan seminar wanita dalam pembangunan, menambahkan kemudahan asrama kepada pelatih wanita, mengkaji kemungkinan menubuhkan institut khas pelatih wanita.

Menggalakkan majikan-majikan menempatkan kilang-kilang di tempat-tempat kerja di luar bandar, di mana wanita-wanita yang bekerja termasuk suri-suri rumah tempatan dapat bekerja.

Di samping itu, agensi-agensi dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan



Masyarakat juga mempunyai program-programnya sendiri untuk dilaksanakan bersama kumpulan-kumpulan sasarannya khususnya wanita.

Kerajaan telah menggubal Dasar Wanita Negara pada tahun 1989. Dasar Wanita Negara memperjelaskan kesungguhan kerajaan ke arah pengintegrasian sumbangan wanita dalam usaha-usaha pembangunan negara.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dipertanggungjawabkan untuk menggubal satu pelan tindakan untuk melaksanakan pelbagai perakuan yang terkandung dalam Dasar Wanita Negara.

Pelbagai program dan projek yang perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat untuk memajukan wanita, seperti agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dan sektor swasta. Di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan kesedaran awam dan kepekaan birokrasi kerajaan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan wanita;
- (ii) mengkaji semula perundangan dan institusi yang ada untuk memastikan ia akan mengambil kira serta menggalakkan lagi kepentingan wanita dalam pembangunan negara;
- (iii) menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan dengan wanita;
- (iv) memperkukuhkan jentera negara untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan wanita;
- (v) melengkapkan wanita dengan kemahiran untuk membolehkan mereka berdikari; dan

- (vi) menggerakkan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program memajukan kaum wanita.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perkara mengenai CEDAW dan platform for action, dengan izin. CEDAW ialah Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women dan platform for action ialah landasan bertindak yang telah diputuskan di Beijing.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedang mengadakan perbincangan dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji semula reservation yang dibuat ke atas CEDAW. Untuk memastikan peruntukan-peruntukan di dalam konvensyen ini dilaksanakan sepenuhnya, satu jawatankuasa akan ditubuhkan. Antara lain, Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab memperakukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan tersebut selaras dengan objektif konvensyen.

Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab untuk menyediakan laporan berkala yang perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi terhadap wanita yang beribu pejabat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Yang Berhormat dari Tanjong sebenarnya telah menyebut secara khusus Article 2(f) iaitu yang berbunyi, dengan izin:

“State parties condemn discriminations against women in all its form agree to pursue by all appropriate means and without delay a policy of eliminating discrimination against women and to this end, undertake to take all appropriate

measures, including legislation to modify or abolish existing laws, regulations, customs and practices which constitutes discrimination against women.”

Saya sukalah menyatakan bahawa hasil perbincangan yang pertama di antara tiga badan tadi telah bersetuju bahawa reservation ini ditarik balik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mengalu-alukan tindakan tersebut dan ini satu tindakan yang baik. Walau bagaimanapun, yang pertamanya, adakah Yang Berhormat sudah menyediakan satu laporan kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu seperti mana yang termaktub di dalam CEDAW yang mengatakan di dalam tempoh satu tahun iaitu daripada bulan Ogos tahun lepas kepada bulan Ogos tahun ini bahawa laporan kemajuan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia terhadap menghapuskan segala diskriminasi ke atas wanita di Malaysia, laporan ini dikemukakan kepada Setiausaha Agung dalam tempoh satu tahun. Itu yang pertama.

Yang keduanya, tadi saya ada dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Manusia yang mengatakan tidak wujud undang-undang yang mendiskriminasikan wanita, tetapi sekarang, Yang Berhormat Menteri sudah menyatakan bahawa pihak kerajaan sudah menarik balik reservation terhadapnya iaitu pihak Kerajaan Malaysia mengakui bahawa terdapat undang-undang yang mendiskriminasikan wanita. Ekoran daripada tindakan Yang Berhormat tadi, adakah undang-undang seperti Imigresen dapat dipindahkan secocok dengan pembatalan reservations tersebut?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah

sebut tadi, satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk membuat kajian dan untuk membuat laporan kepada ibu pejabat Bangsa-bangsa Bersatu. Saya sudah sebut tadi. Yang Berhormat tidur kot! (*Ketawa*) (*Disampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak tidur, yang pertama. Yang kedua, ada kenyataan daripada Kementerian Sumber Manusia yang bertentangan dengan kenyataan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Macam mana boleh berlaku?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tak apalah. Tak apalah, saya sudah cakap tadi. Apa yang hendak pergi hebohkan hal itu lagi? Memang ada undang-undang ini yang memang kita sedang kaji semula. Tugas kementerian saya adalah mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan wanita, gadis dan kanak-kanak. Ini kita jalankan sepanjang masa.

Jadi, dari satu masa ke satu masa kita dapat memperbetulkan keadaan dan apabila kita menerima CEDAW ini.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Kalau itulah yang dibuat, mengapa tidak beri maklumat atau penerangan kepada kementerian-kementerian yang lain supaya mereka jangan mengeluarkan kenyataan yang bukan-bukan!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tak apalah Yang Berhormat, saya buat kerja saya, sudah.

Undang-undang yang dianggap mendiskriminasikan itu memang sedang kita kaji semuanya dan insya-Allah, kita akan dapat memperbetulkan keadaan.

Ada lagi, iaitu Artikel 16 di bawah CEDAW ini ada (a), (b), (c), (d), (e), (f),

(g) dan (h). Di antaranya, (a) diminta supaya ditentukan umur kerana ini adalah mengenai perkahwinan dan dalam Undang-undang Keluarga Islam, tiap-tiap Kerajaan Negeri memang ada menentukan had umur yang paling rendah seseorang itu boleh berkahwin dan oleh kerana itu, cuma dia minta ditentukan umurnya dan tidak ada reservation, tetapi minta ditentukan umur. Dengan izin:

- (b) The same rights freely to choose the spouse and to enter into marriage only with their free and full consent. (Tidak ada reservation).
- (c) The same rights and responsibilities during marriage and at its desolution. (Ini ada reservation kerana ianya ada kaitan dengan Undang-undang Keluarga Islam).
- (d) The same rights and responsibilities as parents irrespective of their marital status in matters relating to their children. In all cases, the interest of the children shall be paramount. (Tidak ada reservation)
- (e) The same rights to decide freely and responsibly on the number and spacing of their children and to have access to the information, education and means to enable them to exercise these rights. (Tidak ada reservation)
- (f) The same rights and responsibilities with regards to guardianship, wardship, trusteeship and adoption of children or similar institutions where these concept exist in national legislation in all cases the interest of the children shall be paramount." (Yang ini reservation masih ditetapkan yang khususnya berkaitan dengan keluarga Islam).

Kalau Yang Berhormat hendak beri pandangan dan pendapat, saya ingin menyatakan bahawa perbincangan yang diadakan baru yang pertama, belum habis selesai membincangkan kesemuanya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Belum habis membincangkan kesemuanya kerana bagi perkara-perkara lain yang di luar bidang Mahkamah Syariah belum lagi kita buat keputusan. We only had our first meeting, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sabar, sabar, jangan bercakap, banyak lagi. (*Ketawa*)

"(g) The same personal rights as husband and wife including the rights to choose the family name, the profession and an occupation. (Ini juga ada reservation).

(h) The same rights of both spouses in respect of the ownership, acquisition, management, administration, enjoyment and disposition of property where the free of charge or for a valuable consideration." (Tidak ada reservation).

Artikel 7(b), iaitu yang mengatakan:

"State parties shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in all political and public life on the country and in particular, shall ensure on equal terms as men the rights to participate in the formulation of government's policy and the implementation or and to hold public

office and perform all public functions at all levels of government." (Tidak pernah dimasukkan dalam reservation). Itulah sebabnya saya ada di sini.

Ada dua lagi Artikel, iaitu Artikel 5(a) dan Artikel 9 yang belum lagi dibincangkan kerana ini rasa saya tidak ada berkaitan dengan Undang-undang Keluarga Islam. Jadi Yang Berhormat, sabar dahulu ya. Bila kita sudah buat perbincangan sekali lagi, kita akan putuskan perkara-perkara itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mempertikaikan apa yang disebutkan tadi. Saya akan tunggu keputusan yang dibuat oleh perbincangan-perbincangan akan datang.

Cuma satu perkara sahaja, bolehkah Yang Berhormat memberi taklimat atau penerangan kepada Menteri-menteri ataupun Timbalan Menteri yang lain supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan Yang Berhormat kerana apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi satu contoh sahaja dan ada banyak contoh lagi yang tidak secocok dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mungkin Yang Berhormat ada dengar dia kata tafsiran itu berlainan. Apa yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia dia kata hendak memelihara wanita, tetapi walhal, kenyataan itu bertentangan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya hendak sebut pula mengenai platform for action atau landasan bertindak, iaitu keputusan yang diambil di Beijing. Kita menerima landasan (platform) tersebut, tidak ada mana-mana seksyen dalam platform yang kerajaan

tidak bersetuju melaksanakannya. Saya sebutkan juga. Nanti Yang Berhormat kata mereka semua tidak tahu. Twelve critical areas ini yang menjadi isu-isu penting dalam landasan bertindak iaitu yang pertama, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

(i) The persistence and increasing burden of poverty on women.

Ini rasa saya tidak begitu berkaitan di negara kita sebab peratus kemiskinan telah banyak menurun, di tahun 1990 - 16.5% kemiskinan. Ini keseluruhannya, bukan wanita sahaja. 1995 turun kepada 8.9% - rasanya itu tidak menjadi isu besar dalam negara kita.

(ii) Unequal access to or inadequate educational and training opportunities of good quality at all levels.

Ini pun rasa saya tidak begitu berat dalam negara kita kerana beberapa bulan yang lalu saya telah membaca statistik yang menunjukkan bahawa tidak kurang daripada lima institusi pengajian tinggi, kemasukan siswi lebih ramai daripada siswa.

(iii) Inequality in health care and related services.

Juga rasanya tidak berat dalam negara kita sebab wanita mendapat segala kemudahan-kemudahan dan contohnya statistik yang telah disebut oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi dari segi kadar kematian bayi telah banyak menurun.

(iv) All forms of violence against women and the girl child.

Ini pun kita telah berusaha dan mengambil langkah yang jauh dari segi membaiki keadaan keganasan terhadap wanita dengan akan menguatkuasakan Akta Keganasan Rumahtangga mulai 1hb Jun 1996.

- (v) Effects of persecution and armed or other kind of conflict on women including those living under foreign occupation.

Juga rasanya tidak menjadi isu dan masalah dalam negara kita tetapi kita telah menunjukkan keprihatinan kita. Kerajaan kita telah membantu mereka yang menjadi mangsa dalam konflik dan keganasan-keganasan ini.

- (vi) Inequality in women access to and participation in the definition of economic structure and policies and the productive process itself.

Ini pun rasa saya banyak peluang yang sama telah diberikan kepada wanita. Banyak peluang diberi tetapi wanita belum mempunyai kemampuan untuk mengambil kesemuanya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Nantilah kejap! (*Ketawa*)

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sebab kementerian saya dengan Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun mengadakan perbincangan-perbincangan untuk membukakan peluang-peluang bagi wanita untuk mendapat peluang-peluang menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Ini sedang kami bincangkan.

- (vii) Inequality between men and women in the sharing of power and decision making at all levels.

Rasa saya kita sudah membuktikan, walaupun tidak 50-50 tetapi kita sudah membuktikan bahawa kita ada membenarkan sharing of power dalam

decision making dan saya mintalah supaya DAP beri ramailah wanita jadi calon next time.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat wanita yang lain termasuk dari Parit dan Kelang tidak berminat untuk membangkitkan masalah wanita...(*Disampuk*) (*Ketawa*) Tidak berminat langsung walaupun tidak puashati tetapi tidak berminat. Saya pun hairan juga.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** You pun lebih kurang wanita.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak menggunakan peluang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membangkitkan beberapa masalah. Yang pertamanya, di dalam DAP yang dipilih secara langsung ada 3 di dalam Jawatankuasa Tertinggi, 3 di antara 20 - 3 yang dipilih secara langsung. Tetapi saya tidak nampak di dalam UMNO yang dipilih secara langsung.

Yang kedua, adakah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah sangkut dengan yang ketujuh itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang. Memang. Dia kata DAP. Saya hendak tanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, dia kata tetapi...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tanya berapa Ketua Bahagian UMNO Wanitanya? Saya tidak nampak satu pun. Itu masalah mengapa tidak ada satu pun.

Yang ketiga, saya nampak suara wanita di dalam UMNO pun tidak begitu lantang. (*Disampuk*) Dan adakah....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Miss Tan Seng Giaw.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah! Cukuplah Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu lagi! Dia kata di dalam DAP. Saya hendak buat pembetulan. Cuma di dalam Barisan Nasional sahaja yang tidak beri calon DAP peluang.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat setuju bahawa keadaan sekarang tidak begitu adil kepada wanita? Misalnya wanita yang berkahwin dengan orang asing, hendak bawa mereka balik ke sini pun susah. Bila bawa balik, hendak dapat kerja pun susah dan kebanyakannya setakat ini terpaksa berhijrah ke negara yang lain dan setakat ini pun kalau suaminya orang asing, hendak dapat kerja di Malaysia sangat susah sekarang. Apakah tindakan Yang Berhormat?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini kalau tidak tahu maklumat mengenai UMNO, jangan cakap! Kita pun ada juga tiga orang wanita yang dipilih dalam Majlis Tertinggi. Don't be illinformed, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan janganlah insult saya, saya Ketua UMNO Bahagian. *(Tepuk)*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Menyampuk)*

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** BN katanya tidak beri peluang kepada calon wanita DAP. Yang Berhormat, BN bukan tidak beri peluang. BN kata boleh bertanding, siapa pun boleh bertanding tetapi rakyat tidak hendak pilih calon DAP. Rakyat lebih suka pilih calon Wanita UMNO, calon Barisan Nasional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *(Menyampuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak....

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Mengenai undang-undang Yang

Berhormat sebut, undang-undang ini di mana-mana negara pun ada undang-undang untuk menjaga kepentingan rakyatnya sendiri. Jadi kita tidak boleh pertikaikan perkara seperti itu.

Lagi satu.....

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Parit, Yang Berhormat.

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bersetuju bahawa Pergerakan Wanita-wanita daripada UMNO lebih berkesan lagi khidmatnya kepada masyarakat daripada wanita-wanita DAP?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sudah tentu! *(Ketawa)*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *(Menyampuk)* *(Ketawa)*

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Baiklah, saya balik Tuan Yang di-Pertua kepada the twelve critical areas tadi.

(viii) Insufficient mechanisme at all levels to promote the advancement of women.

Rasa saya kita telah banyak mengusahakan mengenai mekanisme, jentera untuk meningkatkan kemajuan wanita dan kalau tidak, tidaklah dunia memilih Malaysia iaitu memilih Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali sebagai Presiden of International Steering Committee on the Economic Advancement of Rural Women *(Tepuk)* untuk 1996/1998.

Ini bererti bahawa dunia mempunyai kepercayaan kepada wanita memandangkan kemajuan wanita yang sudah dapat dicapai dalam negara ini dan di samping itu juga Yang Amat Berbahagia Datin Seri sejak tahun 1992 telah pun dipilih sebagai Chairperson of the Regional Steering Committee on the Economic Advancement of Rural and Island Women for Asia Pacific Region.

Dan di Beijing pada tahun lepas sebulat suara beliau dipilih semula. Jadi, ini adalah bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kita telah banyak membuat kemajuan dari segi wanita.

- (ix) Promotion and protection of all universal human rights of women.

Rasa saya ini pun tidak begitu mudarat dalam negara kita kecuali ada beberapa undang-undang Yang Berhormat sebut, yang kita tahu yang perlu kita kaji semula dan perbetulkan.

- (x) Women and the media.

Juga rasa saya begitu ramai wanita kita melibatkan diri dalam media dan berjaya dalam media dan boleh katalah media kita ini baik juga, sebab tidak mengeksploitasikan wanita dalam media.

- (xi) Women and the environment.

Dari segi alam sekitar.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, dia bangun juga.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Okay.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Nampaknya Parit suka membidas saya sahaja, tidak mahu mempertahankan hak-hak wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di semua akhbar hendak cari chief editor wanita satu pun tidak ada. Cuma katanya semua beres, semua baik belaka, semua selesai belaka, tetapi satu chief editor wanita pun tidak ada!

Saya setuju dikebanyakan institut pengajian tinggi, bilangan wanita sudah meningkat, tetapi di tempat-tempat yang lain termasuk UMNO itu kurangnya, sangat kurang, walaupun Yang Berhormat bangga dengan satu orang ketua bahagian, tetapi kebanyakan—bukan. Hampir 99% itu lelaki ketua bahagiannya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat ini dia tidak ada point lagi ini. Tidak ada isu hendak bawa, itu pula jadi isu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Habis Kepong!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sebenarnya sama ada seseorang itu ingin atau tidak menjadi ketua, sama ada dia sanggup atau tidak sanggup. Kalau dia sudah tidak sanggup, takkan kita hendak paksa juga dia. Mungkin juga sistem atau structure DAP itu lain daripada UMNO, sebab UMNO 165 bahagian itu semua sudah ada ketua-ketua wanitanya. Begitu juga ketua-ketua pemuda-pemuda dia. Itu memang sistem kita, structure kita. Dalam DAP tidak ada—mungkin.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Itu dalam DAP mungkin tidak ada sistem macam itu dan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, ya tidak mahu benarkan lagi.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah:

- (xii) diskriminasi berlarut-larutan dan pencabulan hak kanak-kanak perempuan.

Di sini pun rasa saya tidak adalah perkara seperti ini, kecuali mungkin kes-kes penderaan yang bukan khusus bagi 'the girl child', dengan izin.

Itu dia 12 perkara yang kritikal di dalam landasan bertindak. Walau bagaimanapun, dalam seluruh landasan bertindak yang terperinci, kita ataupun kerajaan telah mengatakan reservation juga dan penjelasan mengenai perkara-perkara yang tertentu:

- (i) Malaysia tidak dapat menerima takrif istilah 'keluarga' yang turut merujuk kepada keluarga yang terbentuk di luar perkahwinan dan hak memilik anak tanpa pernikahan dan interpretasi istilah 'keluarga' 'individu' dan 'pasangan' merujuk kepada keluarga tradisional yang terbentuk daripada perkahwinan atau penyatuan yang berdaftar di antara lelaki dan wanita dan termasuk anak-anak serta anggota keluarga yang lain.

Itu pendirian kita.

- (ii) hak-hak untuk mempunyai anak hanya dibenarkan untuk pasangan yang telah berkahwin melalui penyatuan antara lelaki dan wanita.
- (iii) penerimaan perenggan 97 dalam 'platform for action' itu tidak bermakna penerimaan Malaysia terhadap hubungan seks rambang, sebarang bentuk 'sumberleweng' atau 'perversion', dengan izin, dan amalan seks yang merupakan sinonim kepada homoseksual atau lesbianism, dengan izin.

- (iv) dalam konteks perenggan 107(k) Malaysia menyokong pandangan bahawa perhatian untuk membendung pengguguran secara tidak selamat dan peruntukan bantuan kemanusiaan dalam perkara mengenai kesukaran yang berpunca daripada pengguguran sebagai salah satu usaha memperuntukkan penjagaan kesihatan. Pengguguran diharamkan dan tidak dibenarkan di Malaysia. Sebaliknya hanya boleh dilakukan atas alasan-alasan perubatan.

- (v) dalam konteks perenggan 109(k) sambil mengakui bahawa kesihatan remaja sebagai salah satu perkara yang memerlukan perhatian ekoran peningkatan kes-kes kehamilan remaja, pengguguran tidak selamat, penyakit-penyakit kelamin dan HIV, AIDS, Malaysia yakin dan percaya bahawa bimbingan ibu bapa tidak harus diketepikan. Begitu juga pemuaan dengan izin, permissiveness sexual dan amalan seks dan kehamilan yang tidak sihat di kalangan remaja tidak harus dibiarkan.

Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekejap! Sekejap! Ini orang kampung pesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu fasal hendak bawa pertanyaan daripada orang kampung yang susah iaitu mengenai bantuan welfare ini, jadi mereka merayu



sama ada dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kementerian akan menambah wang bantuan kepada mereka. Kerana wang yang diberi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, agak tidak mencukupi berbanding dengan kos sara hidup yang naik begitu tinggi. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula supaya peruntukan wang welfare ditambah untuk orang-orang yang kurang bernasib baik ini? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengamalkan sistem 'welfare state'. Kerajaan memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan kepada semua kumpulan sasar untuk mereka juga berdikari dan banyak jenis bantuan yang diberi bagi keluarga selain daripada peruntukan yang diberi untuk bantuan keluarga, ada juga bantuan anak-anak sekolah. Bantuan anak-anak sekolah ini dalam berbagai-bagai bentuk seperti pakaian seragam, tambang bas, cermin mata kalau dia perlu, untuk membeli buku dan sebagainya, bererti bahawa kalau keluarga itu dapat RM150 sebagai bantuan keluarga, ada yang lain lagi, jumlah-jumlah lain lagi yang ditambah kepada bantuan keluarga. Di samping itu, kementerian juga ingin melihat bahawa mereka ini dapat berdikari dengan pertolongan dan bantuan daripada jabatan dan agensi-agensinya di bawah kementerian.

Kita juga mempunyai skim usahawan kebajikan, iaitu mana-mana client Jabatan Kebajikan yang berminat kita boleh beri mereka geran pelancaran untuk menjalankan perniagaan-perniagaan kecil supaya mereka dapat berdikari dan dengan cara itulah kita membantu. Jumlah bantuan yang diberi sebenarnya baru sahaja dinaikkan pada tahun 1994 dan oleh kerana itu rasanya belum wajarlah kita untuk mengkaji semula di samping kita ada pula bantuan-bantuan lain yang boleh kita perbantukan kepada clients kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali mengucapkan terima kasih dan insya-Allah pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

**menyokong** kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

**melulus dan merestui** Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan

komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020.

#### AKTA KASTAM 1967

- (i) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1995;**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1995;**
- (iii) **Perintah Duti Kastam 1996;**
- (iv) **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1996;**
- (v) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1996;**
- (vi) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Kerutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1996;**
- (vii) **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996; dan**
- (viii) **Perintah Duti Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996.**

8.48 mlm

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam 1967, supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.7) 1995—P.U. A408 bertarikh 18hb Oktober 1995;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1995—P.U. A418 bertarikh 27hb November 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam 1996—P.U. A15 bertarikh 2hb Januari 1996;
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1996—P.U. A73 bertarikh 14hb Februari 1996;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1996—P.U. A96 bertarikh 14hb Februari 1996;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1996—P.U. A99 bertarikh 15hb Februari, 1996;
- (vii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996—P.U. A123 bertarikh 13hb Mac, 1996; dan
- (viii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996—P.U. A16 bertarikh 13hb Januari, 1996

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65 dan 66 Tahun 1996 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perintah Duti Kastam iaitu (Pindaan) (No. 7) 1995 ingin saya nyatakan ianya adalah bertujuan untuk mengadakan kod tarif yang khusus bagi memperjeniskan bahan pemusnah ozon ataupun, dengan izin, ozone depleting substances (ODS) yang telah disenaraikan secara umum di bawah

butiran 40, Perintah Duti Kastam iaitu larangan mengenai import 1988. Bahan pemusnah ozon terdiri daripada daripada bahan kimia Chlorofluorocarbon (CFC) dan Halon telah dikenal pasti sebagai punca meningkatkan suhu kepanasan di muka bumi. Pengwujudan kod tarif yang khusus akan memudahkan Malaysia melaksanakan keputusan United Nations Environment Programme (UNEP) untuk mengurangkan pengeluaran, pergerakan dan penggunaan bahan-bahan kimia tersebut.

Mengenai dengan Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1995, ianya adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi Malaysia sebagai anggota ASEAN selaras dengan persetujuan Sidang Kemuncak ASEAN ke-IV di Singapura di mana Ketua-ketua Negara ASEAN telah menandatangani perjanjian iaitu yang dipanggil dengan izin, Agreement On The Common Effective Preferential Tariff (CEPT), Tariff Scheme For ASEAN Free Trade Area (AFTA). Perjanjian ini bertujuan untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas di ASEAN di mana dalam tempoh 10 tahun, negara-negara Asean akan membuat potongan tarif ke atas semua barangan yang diperdagangkan ke paras 0% - 5% ataupun menjelang 1hb Januari, 2003.

Mengenai Perintah Duti Kastam 1996, ianya adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan mesyuarat Majlis World Custom Organisation (WCO) supaya mengemaskini dan membuat pindaan kepada struktur sistem berharmonis untuk menyesuaikan dengan keperluan perdagangan dan perkembangan teknologi semasa. Bagi melaksanakan keputusan tersebut satu perintah baru iaitu Perintah Duti Kastam, 1996 telah disediakan selanjutnya menggantikan Perintah Duti Kastam 1988 yang merangkumi 700 pindaan yang diluluskan oleh Majlis WCO dan semua

pindaan-pindaan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebelum ini termasuklah pindaan-pindaan yang dilakukan semasa Belanjawan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996 yang diwartakan sebagai P.U. A16 bertarikh 13hb. Januari, 1996, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara dan Perlanjutan Tempoh) 1996 yang diwartakan sebagai P.U. A73 bertarikh 14hb Februari, 1996 dan Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan 1996 yang diwartakan sebagai P.U. A123 pada tarikh 13hb Mac, 1996 adalah perintah-perintah berkaitan dengan pengenaan Duti Anti-Lambakan ke atas lantai PVC yang berasal dari Thailand yang dikenakan di antara 58% hingga 114% duti dan daripada Republic Korea yang dikenakan 69% duti. Duti yang tinggi itu adalah perlu bagi melindungi industri tempatan yang terancam oleh lambakan barangan dari negara-negara tersebut.

Perintah Duti Kastam 1996 di bawah P.U. A16 bertarikh 13hb Januari, 1996 telah menetapkan supaya Duti Anti-Lambakan itu dikenakan mulai 17hb Januari, 1996 hingga 16hb Januari, 2001. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat pihak-pihak berkepentingan seperti pengimport dan peniaga lantai PVC yang belum mengemukakan pandangannya, maka Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan Sementara dan Perlanjutan Tempoh 1996 di bawah P.U. A73 bertarikh 14hb Februari, 1996 telah diwartakan bagi memberi masa kepada mereka sehingga 16hb Mac, 1996 untuk mengemukakan apa-apa pandangan mengenainya. Apabila genap tempoh tersebut dan didapati bantahan-bantahan yang dikemukakan tidak memberi alasan yang kukuh bagi menggugurkan tindakan Anti-Lambakan, maka Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan 1996 dibawah P.U. A123 bertarikh 13hb Mac 1996 telah diwartakan bagi maksud melaksanakan

keputusan muktamad mengenai pengenaan Duti Anti-Lambakan ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1996 bertujuan untuk menyelaraskan kod-kod tarif di bawah chasis kereta. Kod-kod tarif itu di strukturkan semula dalam Belanjawan, 1995 di mana Duti Import ke atas kereta persendirian adalah ditentukan berdasarkan kepada kapasiti mesin dan bukan lagi berdasarkan kepada nilai kereta ataupun harga kereta.

Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1996 melaksanakan protokol yang telah ditandatangani oleh Menteri Ekonomi ASEAN di Bangkok pada 16 Disember, 1995 mengenai penggunaan borang deklarasi yang sama untuk pelaksanaan skim ASEAN Preferential Trading Agreement (PTA) dan Agreement on the Common Effective Preferential Tariff (CEPT).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

8.56 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berbahas kerana ini bukan satu perkara yang simple bahkan sangat rumit dan banyak melibatkan kutipan duti yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 Jabatan Kastam dan Eksais mengutip kira-kira RM16 bilion dan pada tahun yang

lepas hampir RM18 bilion dikutip oleh Jabatan Kastam dan Eksais.

Tuan Yang di-Pertua, untuk duti import, pihak Jabatan telah mengutip RM5.6 bilion dan untuk duti eksport RM0.9 bilion dan duti eksais RM5.2 bilion. Ini bermakna pada tahun lepas pihak jabatan telah mengutip lebih RM11 bilion. Ini bermakna kita tidak boleh dengan begitu mudah meluluskan Usul tersebut memandangkan amaun yang begitu. Biasanya tidak ramai yang menyertai perbincangan ini. Walaupun Padang Terap pernah menyebutkan hal ini semasa menjadi backbencher dan sekarang dia menjadi Timbalan Menteri, memang beliau suka orang membangkitkan masalah-masalah yang kena-mengena dengan lebih RM11 bilion kutipan duti import, eksport dan eksais ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kertas Statut 59 yang disebutkan mengenai gas-gas yang menjejaskan ozon, saya pun hairan juga mengapa menurut KS.59 ini yang dikenakan duti importnya hanya satu sahaja iaitu Chlorotrifluoromethane (CFC-13)—5% duti import.

Yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak begitu faham mengapa satu pun tak dikenakan duti import. Walhal yang disebutkan tadi kita hendak dengan beransur-ansur, kurangkan penggunaan gas seperti ini, seperti heptachlorodifluoropropane tidak ada duti import. Hexachloro difluoropropane tidak ada, pentachlorotrifluoropropane tidak ada. Selanjutnya cuma satu di antara 11, sekurang-kurangnya 11 jenis gas CFC ini, cuma satu sahaja dikenakan duti import. Saya pun hairan juga mengapa kita dapat melaksanakan dasar CFC sifarnya. Ini satu perkara yang saya kurang faham.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tarif keutamaan sama rata. Saya nampak sama ada Kertas Statut 60 dan

Kertas Statut 64 yang serupa kenamengena dengan CEPT, cuma mungkin dengan 64 itu borang sahaja yang disebutkan mengenai CEPT. Tetapi saya hendak menekankan di sini, kita perlu menjayakan CEPT di negara ini supaya kita dapat wujudkan satu rantau AFTA, AFTA yang berkesan, yang maju yang dapat bersaing dengan kawasan yang serupa di Eropah dan juga di Amerika Utara. Untuk maksud ini, saya berharap pihak kementerian dapat berhati-hati dengan birokrasi yang sedia ada di negara ini. Kita mesti kurangkan semua halangan termasuk birokrasi untuk menjalankan dasar ini dengan berkesan, dan juga karenah-karenah yang wujud dalam usaha untuk melaksanakan CEPT ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada hampir 900 muka surat - bukan main - mengenai CEPT. Inilah kali yang pertama saya menyaksikan kertas statut mengenai duti eksais, import dan eksport yang begitu tebal sekali, hampir 900 muka surat. Apa masalahnya.

**Seorang Ahli:** *(Menyampuk)*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini Pendang pun macam-macam. Tuan Yang di-Pertua, banyaklah. Saya berharap borang-borang yang diadakan itu, kita gunakan borang yang lebih mudah, simple. Banyak contoh di sini.

**Seorang Ahli:** *(Menyampuk)*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak contoh. Kita lihat dengan sendirilah muka surat 8. Ini pun diulangi untuk Kertas Statut 64, borang yang serupa. Banyaklah di sini, saya berharap pihak kementerian dapat membuat dengan simple borang dan kurangkan birokrasi dan karenah-karenah yang lain. Saya suka menanya di sini, di dalam Kertas Statut 60 ini ada disebutkan di perenggan 3(3) dan (4), "tiada barang-barang boleh berhak kepada kadar duti CEPT melainkan jika kadar

duti CEPT atas barang-barang atau jenis barang-barang yang seumpamanya di negara ASEAN yang mengeksport tidak lebih daripada 20% advalorem, jika kadar duti CEPT yang dinyatakan dalam jadual kedua adalah 20% advalorem atau kurang. Dalam hal barang-barang yang boleh dikenakan duti import di bawah Perintah Duti Kastam 1988 yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Persekutuan atau dalam bagasi orang itu, dan yang dimaksudkan untuk kegunaan bukan komersil. Kecuali kenderaan motor, minuman yang beralkohol, spirit, tembakau dan rokok, hanya duti kastam pada kadar sama rata 30% advalorem hendaklah dikenakan atas, dan dibayar oleh pengimport atas barang-barang itu, kecuali dengan syarikat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai bagi Labuan dan Langkawi."

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai dengan jadual pertama dan jadual yang kedua. Bilangan barang di bawah CEPT yang akan kurang atau dihapuskan duti import dan apakah jadual masa? Saya nampak di situ, dicatatkan 2003. Daripada bilangan barang yang dikecuali ataupun dikurangkan cukai duti import ini, saya nampak lebih daripada yang dijadualkan. Ini bermakna pihak Kerajaan Malaysia akan berjaya dalam mengurangkan ataupun menghapuskan duti import ini pada mungkin tahun 2000, kalau bilangan barang yang dikecualikan atau dikurangkan import. Dalam tiga tahun lepas kita nampak bilangan yang lebih banyak dijadualkan ikut CEPT-ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Certificate of Origin, Form D disebutkan di dalamnya, Form D Certificate of Origin, untuk mengesahkan peratusan komponen yang diimport dan komponen yang buatan negara-negara ASEAN. Bagaimana Jabatan Kastam dan Eksais dapat mengesahkan Certificate of Origin itu benar-benar membayangkan keadaan yang sebenarnya. Sebab barangnya banyak, dan bagaimana kita dapat mengesahkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kertas Statut 61. Tebal bukan main. Muka surat 678, satu contoh sahaja, mengenai "yatch and any other vessel pleasure or sports, rowing boat and canoes", saya nampak ini bukan di dalam senarai CEPT, Kertas Statut 61. Jumlah 740 muka surat. Contoh yang saya beri ini, muka surat 678 mengenai "yatch and any other vessels for pleasure or sports, rowing boats and canoes." Saya nampak tidak ada duti import langsung di dalamnya. Tidak ada langsung. Saya hendak bertanya mengapa tidak ada langsung? Yatch itu untuk pleasure. Satu barang mewah, tidak ada satu duti import langsung.

Ini pun bukan didalam CEPT, WCO saya diberitahu tadi, mengapa tidak ada duti langsung ke atas barang-barang mewah seperti yatch? Ini satu dan muka surat 41, satu contoh sahaja kerana tidak ada masa, 41 misalnya....ada bantahankah?

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Betongkah itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, janganlah slow-slow, teruskan. Yang lain mendengar ya, Yang Berhormat teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi dia ada bantahan, desas-desus (*Ketawa*). Ya, 41, Tuan Yang di-Pertua, saya ada dengar ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengenai pengecualian duti import ke atas buah-buahan, tetapi di sini saya nampak, bananas including plantain, fresh or dried, ada duti import, pisang emas 5% dan sebagainya, pisang rastali, pisang berangan, pisang embun dan sebagainya ada cukai import dan untuk dates, figs pineapple, avocados, guavas, mangoes dan mangosteen, fresh or dried dan sebagainya ada duti import. Mungkin ini untuk melindungi pengeluaran negara

sendiri saya tidak tahu tetapi dia ada, cuma saya menyoal kerana ada di dalam ucapan Belanjawan dikatakan menghapuskan semua duti import ke atas buah-buahan tetapi di sini kita nampak ada, sampai 10% pun ada untuk oranges, ya 10% dan untuk lemons 10% duti import, buah anggur 10% dan sebagainya. Saya hairan jugalah, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin ini bertentangan dengan dasar Belanjawan untuk menghapuskan cukai duti import ke atas buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 Kertas Statut 62, 65 dan 66 yang berkaitan nampaknya ada bertindih-tindih. Cuma kita lihat, 65 dan 66 serupa juga untuk alas lantai, polymer of vinyl chloride PVC. Ini untuk melindungi industri pelastik negara. Walau bagaimanapun saya nampak ada bertindih-tindih di sini. Dan mengenai Kertas Statut 63 mengenai chasis kereta import, motor vehicles—chasis. Bolehkah Yang Berhormat terangkan saya pun bingung juga. (*Ketawa*) Sangat bingunglah mengenai ada yang ketawa juga. Ada bingung juga, apakah chasis dengan begitu banyak sekali, bolehkah Yang Berhormat menerangkan perkara ini. Saya akan pendekkan ucapan saya mengenainya. Cuma saya berharap semua yang telah saya bangkitkan, sebenarnya banyak lagi yang boleh dibangkitkan kerana masa yang suntuk saya tidak akan berbuat demikian, cuma saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapannya dengan tepat kerana kita sama-sama bekerjasama untuk mempertingkatkan kutipan duti dan untuk memastikan semua kakitangan dalam Jabatan Kastam dan Eksais adalah Bersih, Cekap dan Beramanah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana memberi leteran yang

cukup panjang tadi dan saya memuji beliau kerana telah membuat homework kerana saya sendiri pun mungkin tidak dapat jawab secara detail.

Soal asas yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengapa tiada duti import ke atas barang-barang mewah seperti yacht dan lain-lain lagi dan disebutkan di awal tadi, tidak ada duti kepada beberapa jenis gas, 11 gas yang termasuk heptachlorodifluoropropane dan lain-lain lagi yang dia baca tadi ni dan mengapahanya kepada CFC 13, 5% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai duti ini seperti Yang Berhormat sedia maklum ialah soal strategi perdagangan negara. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak dapat melihat di bawah Kertas-kertas Statut mengenai dengan duti ke atas, masih lagi ada duti ke atas pisang berangan, itu menunggu masanya untuk diwartakan nanti, jadi apa yang kita buat ini adalah usaha-usaha untuk memperkemaskinikan segala strategi kita yang telah disebut di dalam ucapan Belanjawan Menteri. Jadi, saya ingin menjawab, itu sebagai asas, mengapa tidak dikenakan itu, tidak dikenakan ini kerana tiap-tiap langkah yang diambil oleh kerajaan mempunyai strategi perdagangannya sendiri, tetapi ingin saya nyatakan di sini, apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi berasaskan kepada kajian Kertas Statut, ingin saya nyatakan di sini bahawa negara kita adalah negara yang paling advance, dengan izin, yang paling maju dalam mengimplementasikan CEPT yang menjadi mekanisme untuk mencapai konsep AFTA. Yang Berhormat tadi sendiri menyatakan perlu kita menjayakan CEPT dan mencapai konsep AFTA.

Sebenarnya kita Malaysia adalah satu negara yang mengemukakan bilangan jenis barangan untuk diperturunkan tarifnya daripada 0.5% berlipat ganda daripada apa yang dikehendaki, di dalam CEPT hanya dikehendaki 3,200 jenis barangan

padahal kita bersedia untuk mengemukakan 8,800 jenis barangan. Kalau di dalam Kertas Statut ada 900 muka, mungkin kalau kita kemukakan kesemuanya banyak lagi muka surat Yang Berhormat dari Kepong mungkin tidak terdaya membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan borang-borang yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong, untuk memperkemaskinikan, untuk meng-simplifikasikan telah pun saya sebut di dalam Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri Asean) (Pindaan 1996) mengenai dengan borang-borang yang mana Borang 'D' di bawah CEPT sekarang digunakan iaitu satu borang sahaja, kalau dulu ada dua borang kita gunakan satu borang sahaja untuk menyenangkan dan mengemaskinikan pengurusan pihak kastam.

Satu perkara yang perlu saya sebut dan jawab keraguan ataupun puzzle Yang Berhormat dari Kepong sebut tadi, mengapa nampaknya bertindih-tindih. Sebenarnya memang bertindih-tindih, Yang Berhormat disebabkan oleh Akta Anti Dumping yang dikenakan kalau dulu, permulaan dulu kita mengenakan kepada keseluruhan untuk negara itu tetapi sekarang di bawah Pindaan 1996 kita wujudkan untuk satu specific company sahaja kepada mana-mana company. Misalnya, di dalam PVC iaitu tikar getah yang digunakan oleh orang-orang kampung untuk mengalas lantainya. Kita ingin memberi protection, dengan izin kepada industri mengeluarkan PVC ini di Perlis.

Jadi, pada masa ini, untuk mengatasi masalah dumping yang dibuat oleh Korea dan Thailand yang saya sebut dikenakan duti yang tinggi tadi, kita memerlukan tiga proses dan apabila kita membuat proses-proses ini di dalam perjalanan proses iaitu, dengan izin, initiation iaitu apabila mendapat petition daripada industri yang berkenaan.

Yang kedua, preliminary determination kita memastikan apakah petition itu betul dan semasa final determination kita dapati apabila dilakukan pengimplementasian pada awalnya banyak orang yang tertinggal. Jadi, pada masa ini kita tentukan untuk memberi peluang sepertimana yang saya sebutkan tadi kepada pihak-pihak pengimport, pihak-pihak yang lain yang berkaitan dengan proses ini diadakan, sebab itu nampak bertindih-tindih mengenai dengan tiga Kertas Statut Anti Lambakan tadi kerana di dalam proses yang kedua, iaitu, dengan izin, preliminary determination, selepas tiga bulan diadakan penelitian oleh pihak Kastam, maka dikenakan duti sementara di dalam bentuk bank guarantee. Ini sebagai sementara sehingga selepas tiga bulan baru dibuat final determination yang diberi masa empat bulan. Selepas empat bulan segala investigation, dengan izin, yang dibuat dan memastikan mengesahkan bahawa apa yang di 'petition'kan itu betul maka barulah diadakan satu duti yang muktamad yang berkuatkuasa sehingga lima tahun dan setiap tahun diberikan peluang untuk menyemak semula.

Jadi, apabila dibuat dahulu tidak diambil kira masa ini dan banyak pengimport tertinggal, industrialist tertinggal dan sebab itulah kita buat semula dan dibawa sehingga Perintah Duti Kastam yang ketiga itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menempuh mengenai dengan casis kereta yang dia katakan tadi, Ahli Yang Berhormat menyebut mengenai dengan perintah duti kastam mengenai dengan casis kereta iaitu Pindaan 1996 bertujuan untuk menyelaraskan kod-kod tarif di bawah casis kereta. Kod-kod tarif itu distrukturkan dalam Belanjawan 1995 dahulu yang mana kalau dahulu duti import ke atas kereta persendirian adalah ditentukan berdasarkan kapasiti enjin dan bukan lagi berdasarkan nilai kereta. Dahulunya segala duti import ke atas

kereta diasaskan kepada harga kereta itu. Kalau harga kereta 320 Mercedes yang dipunyai oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong RM500,000 .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Ya, tidak! Kalau Toyotalah Yang Berhormat ada RM200,000, kalau casisnya ataupun kapasitinya, kalau harganya dahulu, kalau dalam sistem yang lama, kalau dahulu kita asaskan kepada harganya dan dikenakan 140% daripada harga duti itu. Tetapi sekarang, apabila kita menggunakan casis ataupun kapasiti kereta itu, kalau kereta itu mempunyai kapasiti melebihi 2,500 c.c. maka ianya akan dikenakan 200% daripada harga itu dan yang di bawah kapasiti tersebut akan diperturunkan sedikit kepada kurang daripada 200%.

Jadi, inilah yang dimaksudkan dengan 'yang berasaskan kepada casis' iaitu berasaskan kepada kapasiti kekuatan kereta itu sendiri, bukan kepada harga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, cuma satu perkara sahajalah. Saya nampak ada usaha untuk mengemaskinikan oleh pihak kementerian di dalam kutipan duti import ke atas motokar yang diimport. Cuma saya hendak bertanya, adakah rancangan untuk mengurang atau menghapuskan duti-duti import ini? Memandangkan kereta nasional kita, kita hendak eksportkan ke negara-negara lain, kalau kita hendak eksport ke negara-negara lain, negara lain pun yang membuat kereta hendak mengimport kepada negara kita dan mereka tidak akan melayankan kereta kita kalau kereta mereka dikenakan duti



import dan dengan yang demikian kita mesti ada satu rancangan untuk mengurang atau menghapuskan duti ke atas kereta-kereta import.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada lagi rancangan untuk mengurang ataupun menghapuskan duti-duti kepada kereta-kereta yang diimport khususnya kereta-kereta yang luxury ataupun kereta-kereta mewah kerana kereta-kereta ini adalah satu sumber pendapatan untuk negara. Mungkin di satu hari kita akan meneliti perkara ini kerana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa satu daripada strategi perdagangan kita ialah menerokai pasaran Selatan-Selatan. Jadi, pasaran Selatan-Selatan tidak ada kereta untuk direciprocatekan, dengan izin, dengan kita. Jadi, kalau kita hendak mengeksport ke Amerika mungkin kita tidak dapat mengatasi 2% ataupun 4% yang kita kehendaki. Jadi, tahap 4% daripada needs pasaran kereta ini hanya mungkin didapati apabila kita dapat mengeksport ke negara-negara Selatan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, cuma yang terakhirlah.

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang penting kerana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu memang ada logik juga. Kalau kita hendak jual kepada negara-negara Selatan mungkin mereka tidak mengeluarkan kereta-kereta untuk diimport ke Malaysia. Tetapi walau bagaimanapun, kerana kita hendak satu ekonomi berkala keluarkan kereta Malaysia dengan banyak dan saya tidak nampak bagaimana kita dapat menjualkan

kereta dengan banyak kepada negara-negara Selatan. Saya tidak nampak, cuma saya berpendapat akhirnya kita terpaksa keluarkan kereta untuk negara-negara seperti Amerika Syarikat kerana Amerika Syarikatlah yang mempunyai pasaran motokar yang terbesar di dunia. Kalau kita tidak dapat menembusi pasaran seperti ini, susahlah kereta-kereta nasional kita berdaya maju.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya kata tadi ini kita adakan dua klasifikasi iaitu mengikut chasisnya. Jadi, kalau kita hendak mengeksport ke Amerika, Amerika pun yang hendak eksport kepada kita, kalau Proton itu 1,600 c.c. ataupun 1,000 c.c. yang diimportkan kepada kita, kita kenakan duti yang rendah, jadi baru ada dengan izin, reciprocity.

Jadi, kalau Amerika hendak mengeksport kepada kita kereta Continental misalnya yang berharga RM2 juta sebuah, yang itu kita kenakan 300% pun tak apa, dia tidak dapat membalas balik, kita belum lagi mengeluarkan satu kereta yang sama dengan kereta Continental.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, saya harap dengan jawapan-jawapan saya yang ringkas itu mengenai ad-valorem ini tadi, saya fikir saya tak sempat hendak kaji macam Ahli Yang Berhormat buat dan saya harap segala jawapan yang dapat saya berikan itu memuaskan hati Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak segala detail, saya fikir sahabat-sahabat saya daripada Jabatan Kastam sedia membuka setiap muka surat untuk Ahli Yang Berhormat kaji, sila datang ke Pejabat Kastam dekat dengan pejabat saya. Terima kasih di atas prihatin Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang selalu prihatin sehingga akhir. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli

Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1995;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam 1996;
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Perlanjutan Tempoh) 1996;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1996;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 1996;
- (vii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996; dan
- (viii) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) 1996;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 59,60,61,62,63,64,65 dan 66 Tahun 1996 disahkan.”

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## AKTA EKSAIS 1976

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1996

9.30 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1996:

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 67 Tahun 1996 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1986 diwartakan sebagai P.U. A94 pada 14 Februari 1996 adalah bertujuan untuk menyelaras kod-kod tarif di bawah nombor sub-kepala 871.90929 dengan kod-kod tarif di bawah kepala 87.03. Ini adalah kerana kod-kod tarif 87.03 telah distrukturkan semula dalam Belanjawan tahun 1995 di mana duti import ke atas kereta persendirian adalah berdasarkan kapasiti enjin dan bukan kepada nilai kereta.

Ia juga bertujuan untuk memendekkan tempoh bayaran duti eksais ke atas kenderaan penumpang di bawah kod tarif 87.03 dari 4 tahun kepada 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang telah dibacakan tadi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, supaya Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1996:

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 67 Tahun 1996 disahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita bermesyuarat daripada bulan Mac sampai sekarang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi segala sokongan kepada saya dan juga kepada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua untuk menguruskan Mesyuarat ini.

Saya mengucapkan selamat pulang dan kita akan bertemu pula dalam bulan Julai tahun ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.33 malam.*